**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Isnin, 16 April 2001**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa peratusan dari jumlah pampasan yang dibayar oleh syarikat insurans adalah terdiri dari pencurian atau kehilangan kenderaan dan berapa peratusan terdiri dari kemalangan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy}:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Batu bersama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Rasah dan Kuala Kedah yang dijadualkan untuk dijawab masing-masing pada 23 April serta 26 April 2001 kerana menyentuh mengenai perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, kadar premium insurans motor yang berkuat kuasa sekarang adalah berasaskan kepada tarif motor yang telah ditetapkan pada tahun 1978 dan sehingga kini belum pernah dipinda. Sehubungan dengan itu, baru-baru ini Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) telah mengemukakan cadangan kepada Bank Negara Malaysia supaya tarif motor tersebut dikaji semula. Walaupun pada keseluruhannya penanggung insurans tidak mengalami kerugian dalam sektor insurans motor tetapi terdapat beberapa kelas kenderaan tertentu yang mengalami kerugian.

Contohnya, sektor perlindungan insurans motor wajib di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang telah mengalami kerugian pada tahun 2000, jumlah tuntutan yang dibayar bagi perlindungan insurans ini telah melebihi jumlah premium yang diterima oleh penanggung insurans. Ini tidak termasuk perbelanjaan-perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pengurusan syarikat. Oleh yang demikian, kajian semula tarif motor tersebut adalah bertujuan untuk merasionalisasikan kadar

premium agar premium insurans motor bagi setiap kelas kenderaan dapat mencerminkan risiko yang ditanggung d alam kelas berkenaan.

Kajian semula tarif motor berkenaan bukan sahaja akan melibatkan peningkatan premium, tetapi sekiranya pengalaman tuntutan ganti rugi bagi mana-mana kelas insurans motor adalah baik, maka kadar premium insurans mungkin akan dikurangkan. Bank Negara Malaysia akan mengkaji dengan teliti cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh PIAM berhubung dengan perkara ini bagi memastikan sebarang kenaikan yang diluluskan adalah wajar dan tidak membebankan pemilik kenderaan.

Dalam tahun 1999 tuntu tan industri insurans am adalah berjumlah RM2,531 juta di mana 64 % atau RM1,631 juta adalah merupakan tuntutan yang berkaitan dengan sektor insurans motor. Jumlah tuntutan bagi kecurian adalah sebanyak RM291 juta ataupun 17% daripada jumlah pampasan yang dibayar bagi tuntutan insurans motor. Sementara tuntutan untuk kerosakan harta benda, kecederaan serta kematian adalah sebanyak RM1,340 juta atau 83%. Tuntutan kecurian kenderaan telah meningkat dalam tahun 2000 kepada RM340 juta atau 19% daripada jumlah pampasan sektor insurans motor dan tuntutan lain adalah sebanyak 81%.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Saya dapati bahawa mulai dari awal tahun ini syarikat insurans telah diarahkan oleh Bank Negara Malaysia supaya kenderaan yang lebih dari lima tahun tidak diberi pampasan penuh jika terlibat dalam kemalangan. Saya ingin tahu apa sebabnya dan mengapa Bank Negara Malaysia hanya memberi arahan ini tetapi premium yang dibayar oleh pemilik kenderaan masih sama.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta maaf daripada Ahli Yang Berhormat bagi Batu kerana saya tidak mempunyai sebarang maklumat tentang arahan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya janji saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat dalam lingkungan satu minggu.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam kes tuntutan ganti rugi akibat kemalangan jalan raya, terutamanya akibat kemalangan melibatkan kecederaan ada banyak syarikat insurans yang kurang bertanggungjawab, cuba melengahkan proses penyelesaian dan bayaran ganti rugi. Ada setengah syarikat insurans hanya akan memberi

tawaran penyelesaian selepas kes ditetapkan untuk bicara. Jadi, saya hendak tahu apakah kementerian mempunyai peranan yang dapat dimainkan dalam keadaan yang sedemikian agar terutamanya kes tuntutan ganti rugi kecederaan diri ini dapat dipercepatkan.

**Dato' Chan Kong Choy:** Sebarang tuntutan yang berlaku antara pengguna ataupun pelanggan dengan syarikat insurans kenalah mengikuti prosedur-prosedur dan peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kita selalu menggalakkan supaya kedua-dua pihak ini dapat menyelesaikan apa juga tuntutan di luar mahkamah dan ikut prosedur-prosedur yang sedia ada. Kalau sekiranya pihak-pihak yang terlibat semua mengikut prosedur yang sedia ada, saya tak nampak ada apa masalah dalam pembayaran tuntutan oleh pihak syarikat insurans.

2. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapakah bilangan sasaran golongan mahir *(targeted number of professionals)* kerajaan ingin memanggil pulang ke Malaysia dan apakah jangka masa untuk mencapai sasaran ini. Apakah syarat-syarat yang lebih menarik akan ditawar kepada mereka yang ingin kembali?

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan menggalakkan sebanyak mungkin golongan mahir rakyat Malaysia yang berada di luar negara supaya balik ke Malaysia. Setakat ini tiada jangka masa dihadkan. Program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran di luar negara pulang ke Malaysia akan diteruskan dan semua insentif cukai yang diberi dikekalkan. Galakan yang ditawarkan kepada mereka pada masa ini adalah seperti berikut:

(i) pendapatan yang dibawa balik dalam tempoh dua tahun dikecualikan daripada cukai pendapatan;

(ii) semua barangan persendirian yang dibawa balik termasuk dua buah kereta diberi pengecualian cukai;

(iii) isteri atau suami dan bukan rakyat Malaysia dberi taraf pemastautin tetap dalam tempoh enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak program ini dilaksanakan pada awal tahun ini sehingga 10 April 2001 bilangan pemohon adalah 190 orang dan daripadanya 155 telah diproses dan daripada itu 80 telah diluluskan, 11 ditangguh oleh kerana kita hendak dapat maklumat lanjutan dan 50 tidak diluluskan.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sebelah sana tak payah lagi berdiri, Gaya pun tak dapat lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Belum tentu Yang Berhormat.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah kalau kita lihat Kerajaan Taiwan dan Singapura membuat tindakan dua tahun yang lepas dan tidak berjaya, walaupun Kerajaan Malaysia telah menambah insentif baru pada sesi ini kepada saintis di luar negara balik ke negara ini dengan insentif-insentif yang tertentu. Tetapi persoalan saya apakah insentif yang diberi kepada saintis Malaysia yang bekerja sekarang di Malaysia, tidak keluar daripada Malaysia lari ke negara lain oleh kerana jangan kita kejar tak dapat, yang dikendong berciciran pula. Apa insentif yang diberi kepada saintis dalam negara ini supaya setanding dengan insentif yang diberi kepada saintis yang baru datang supaya mereka tidak terasa asing, oleh kerana yang datang diberi lebih lumayan tetapi yang duduk di sini sudah lama-lama *loyal* dan sebagainya tidak diberi insentif yang baru. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Memang dasar atau program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran pulang ke Malaysia merupakan salah satu komponen daripada dasar *brains gain policy*, dengan izin. Dasar ini mempunyai tiga komponen, iaitu;

(a) menggalakkan rakyat Malaysia yang berkepakaran di luar negara untuk pulang ke tanah air;

(b) menggalakkan rakyat bukan warganegara Malaysia yang berkepakaran untuk berkhidmat di Malaysia; dan

(c) menjadikan suasana kerja tempatan lebih menarik supaya kepakaran dalam negeri tidak keluar ke negara lain.

Jadi, kerajaan memang akan seterusnya menentukan bahawa suasana kerja di dalam negara kita ini khususnya untuk saintis, untuk pakar-pakar di bidang di mana negara kita menghadapi kekurangan dengan ketaranya supaya mereka akan terus berkhidmat dalam negara kita. Ini termasuk bekerjasama dengan Multinational Corporation seperti syarikat-syarikat dari USA, Jepun, supaya mereka boleh mewujudkan pusat R&D dan dengan itu akan memberi peluang kepada saintis-

saintis yang berkhidmat di Malaysia untuk menceburi, dengan izin, *frontier of research* dalam negara kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya kena bagi ke Gaya juga. Sila.

**Datuk Yong Teck Lee:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang kita ingin mengucap tahniah kepada kerajaan terutamanya Kementerian Sumber Manusia kerana membuat rancangan seperti ini demi kebaikan negara, kerana apabila golongan mahir ini kembali ke negara maka mereka membawa banyak kepakaran dan juga kewangan kepada negara kita. Memandangkan nampak respons tak begitu memuaskan, hanya 80 lebih sahaja yang telah diluluskan, adakah kementerian akan membuat satu kajian semula mungkin selepas tiga, enam bulan supaya syarat-syarat yang ditentukan masa kini dilonggarkan – kedudukan suami ataupun isteri pemohon ini terutamanya dari segi sektor yang diluluskan bagi mereka kembali di sini, mungkin kementerian boleh mengkaji semula dalam tiga, enam bulan selepas pelancaran baru-baru ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gaya. Sungguhpun program ini dilaksanakan dua, tiga bulan, iaitu hanya melalui *website* Kementerian Sumber Manusia dan dengan kerjasama kedutaan Malaysia di luar negara, kami sudah dapat lebih kurang 2,000 orang yang membuat permohonan. Ini menunjukkan satu permulaan yang menggalakkan. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia akan terus memperluaskan kempen termasuk mengadakan iklan dalam jurnal-jurnal antarabangsa supaya pakar-pakar rakyat Malaysia dapat diberitahu. Selain dari itu juga, kami akan memperhebatkan kempen dengan kerjasama kedutaan supaya maklumat ini dapat disampaikan kepada rakyat Malaysia di luar negara kita.

Selain dari itu juga, memang kementerian akan terus kaji apa juga masalah yang dihadapi oleh mereka yang telah pulang supaya kita boleh sempurnakan program-program ini, bukan sahaja menggalakkan mereka pulang tetapi juga untuk membolehkan mereka terus berfungsi di Malaysia. Ini termasuk mungkin masalah atau persoalan berkaitan dengan pendidikan untuk anak-anak mereka atau peluang kerja untuk suami atau isteri mereka dan sebagainya. Semua ini, Kementerian Sumber Manusia akan terus mengkaji. Kami akan dialog dengan mereka dan selepas itu bolehlah disediakan satu program yang harap dapat – bukan sahaja

galakan lebih ramai tetapi juga tuntutan mereka akan terus berfungsi dan galakan rakan-rakan mereka pulang.

*[**Soalan No. 3** - Y.B. Tuan Mustafa bin Ali (Dungun) tidak hadir]*

4. **Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]** minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah Lembaga Pengurusan Sungai akan diwujudkan bagi memudahkan pengurusan sungai di seluruh negara dapat diselaraskan sekaligus menjadikan sungai di negara ini bersih daripada sebarang pencemaran.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara tanah dan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri maka Kerajaan Persekutuan menggalakkan kerajaan-kerajaan negeri untuk mewujudkan Lembaga Urusan Sungai Negeri. Tindakan sedemikian akan membolehkan sungai-sungai di negara dibangunkan secara menyeluruh dan bersepadu serta diuruskan dengan lebih berkesan dan terkawal daripada pencemaran.

Dalam hubungan ini dan sebagai projek perintis, Lembaga Urusan Air Selangor telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 15 September 1999. Kerajaan sedang menilai pencapaian dan keberkesanan Lembaga Urusan Air Selangor yang telah beroperasi lebih dari setahun, dan jika didapati sesuai akan menimbangkan pewujudan Lembaga Urus Sungai di negeri-negeri lain.

Namun demikian, dan sebagai tindakan sementara kerajaan-kerajaan negeri telah disarankan untuk mewujudkan jawatankuasa bersama pengurusan sungai untuk memastikan pengurusan sungai dan semua pembangunan dalam perkembangan sungai diuruskan secara bersepadu.

**Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya tidak tahu ini dalam lingkungan Kementerian Pertanian ataupun kementerian di sebelah, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, tetapi pastinya mengenai sungai dan pencemaran sungai dan kalau kita lihat tentang pencemaran sungai ini, Tuan Yang di-Pertua, 88 daripada 120 sungai tercemar dan sederhana tercemar, 32 daripada 120 sahaja yang agak bersih. Dan kalau kita lihat pula statistiknya daripada tahun ke tahun 1996 - 13 sungai tercemar, 1997 - 25 sungai tercemar dan tahun 2000 - 40 sungai tercemar.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini agaknya dengan mewujudkan lembaga pengurusan sungai sahaja, tidak mencukupi, masalahnya ialah masalah *enforcement*. Saya hendak tahu setakat ini, kita tahu bahawa perundangan tentang

ini agak *stiff.* Berapa yang telah dikenakan penalti yang tertinggi kepada pencemaran-pencemaran orang yang mencemar sungai, sama ada sisa-sisa toksik ataupun sisa-sisa pepejal itu. Jadi, saya pun tak tahulah soalan ini kedua-dua kementerian terlibat ini saya rasa. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Soal pencemaran ini ia lebih kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat dari segi Kementerian Pertanian, khususnya Jabatan Pengairan dan Saliran, tugas kita dalam menjaga sungai-sungai ini, kita telah menjalankan Kempen Cintailah Sungai dan kempen ini sedang dan akan terus berjalan di mana kita berusaha untuk meningkatkan, dengan izin, dari segi *awareness* masyarakat kita supaya sama-samalah menjaga sungai kita. Jangan anggapkan sungai ini sebagai tong sampah, di mana kita buang segala kotoran, kadang-kadang sampah sahaja pun begitu banyak dan macam-macamlah ada dalam sungai.

Jadi, itu dari segi Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran, yang lain-lain itu saya rasa mungkin akan diambil perhatian oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, sahabat saya di sebelah itu.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam cabaran untuk kita menangani pembangunan iaitu tentang penjagaan alam sekitar dan pengurusan mapan sumber asli, sebagaimana Yang Berhormat maklumkan tadi bahawa kuasa sungai ini terletak di bawah bidang kerajaan negeri, tetapi dalam OPP3 kerajaan memberi jaminan supaya usaha untuk memastikan alam sekitar adalah bersih dan sihat, produktif supaya mengekalkan keperluan dan aspirasi negara, satu campuran dasar, amalan dan teknologi yang lain akan diwujud untuk memastikan pembangunan ekonomi yang mapan dari segi sosial dan alam sekitar. Dan kita sedar bagaimana dengan izin, sungai kita banyak di*abuse*, tadi Yang Berhormat kata jadi macam tong sampah semua begitu, begini, dan tentulah satu campuran dasar bagaimana untuk menyelaraskan tentang pengurusan sungai ini di semua negeri ini supaya wujud satu lembaga sebagaimana dahulu masalah jalan dan pengangkutan. Dahulu jangan sesetengah ada kerajaan negeri yang *maintain*, setengah Kerajaan Persekutuan dan kemudian kerajaan mewujudkan lebuh raya Malaysia dan menguruskan semua jalan raya kita di utara selatan, timur barat dan begitu juga sungai, kalau hendak diletakkan dalam bidang kawalan

kerajaan negeri, tanpa diselaraskan di peringkat Persekutuan, saya rasa supaya pembangunan bestari, pembangunan mapan untuk mewujudkan persekitaran bestari ini mungkin tidak tercapai dalam RMK8 ini.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kawasan Shah Alam ini, jurutera daripada Shah Alam. Saya terangkan tadi, urusan sungai ini adalah di bawah Perlembagaan kita, di bawah Jadual Kesembilan, List kedua, ia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, dalam urusan untuk menangani soalan pencemaran, soalan kebersihan, penjagaan sungai, pengurusan sungai dan sebagainya, kita telah menyarankan supaya dibentuk jawatankuasa bersama di antara peringkat negeri dan peringkat pusat. Suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bagi Shah Alam, bahawa kita sedang membuat kajian apa yang disarankan oleh Yang Berhormat itu, di peringkat kementerian sedang membuat saranan, jadi kita harap kita akan mendapat persetujuan daripada pihak berkuasa negeri dalam kita mewujudkan satu badan yang boleh diberi tanggungjawab untuk menguruskan sungai-sungai.

***[Soalan No. 5** – Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor [Machang] tidak hadir]*

***[Soalan No. 6** – Puan Sukinam Domo [Batang Sadong] tidak hadir]*

***[Soalan No. 7** – Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap] tidak hadir]*

**8. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Kewangan menyatakan mengenai kemungkinan kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat kepada ekonomi Malaysia akan memberi kesan kepada usaha Danaharta dalam memulihkan NPL dan setakat ini berapa buah syarikat bumiputera dan bukan bumiputera telah dipulihkan oleh Danaharta.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa keberkesanan usaha Danaharta dalam memulihkan NPL bergantung kepada keadaan ekonomi negara dan juga faktor-faktor luaran yang mempengaruhi ekonomi termasuk kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Bagaimanapun faktor-faktor luaran ini adalah di luar kawalan Danaharta mahu pun kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Selangau, sehingga 31 Disember 2000, Danaharta telah memproses pinjaman-pinjaman tidak berbayar dengan jumlah kasar RM35.83 bilion melibatkan 1,720 pinjaman. Kategori peminjam-peminjam adalah seperti berikut:-

(i) pinjaman bumiputera 418 peminjam (24%);

(ii) peminjam bukan bumiputera 941 peminjam (55%);

(iii) peminjam asing kebanyakannya peminjam NPL dari bank-bank luar pesisir sebanyak 361 21%).

Terima kasih.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberi jawapan yang begitu jelas sekali. Cuma saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen, setakat ini berapa buah syarikat-syarikat terutamanya syarikat bumiputera dari negeri Sarawak dan Sabah yang telah meminjam atau dipulihkan oleh Danaharta dan apakah kriteria-kriteria bahawa syarikat itu dapat pertolongan daripada Danaharta. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi, keseluruhan pinjaman oleh bumiputera ialah 418 peminjam ataupun 24% daripada keseluruhan pinjaman yang dibuat dan berada di bawah NPL. Dan, untuk soalan Yang Berhormat tentang Sabah dan Sarawak, saya minta maaf kerana saya terpaksa meneliti soalan ini atau kes ini terlebih dahulu kerana setakat ini angka yang ada adalah untuk keseluruhan pinjaman Semenanjung, Sabah, Sarawak sekali gus, saya akan berikan selepas ini nanti.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya daripada jumlah yang dikatakan tadi itu, berjaya dilelong, berapa peratus daripada jumlah keseluruhan yang tidak dilelong kerana sebahagian daripada itu dilelong tetapi tidak berjaya untuk dibeli oleh pihak awam, berapa peratus itu sebenarnya yang berjaya dilelong dan seterusnya dalam pandangan kementerian kenapa sebahagian daripada NPL-NPL yang dilelong oleh perbadanan itu, Danaharta tidak dapat dibeli dan apakah tindakan seterusnya kepada NPL-NPL yang belum lagi dapat diselesaikan atau dilelong oleh pihak Danaharta.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bandau. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa NPL secara keseluruhannya telah menjalankan tugasnya dengan sempurna dan baik, cuma

peratus yang belum berjaya dilelong itu sebenarnya adalah kecil, dari segi faktanya saya akan beri kepada Yang Berhormat nanti, tetapi pada keseluruhannya Yang Berhormat, bahawa kejayaan Danaharta menguruskan NPL setakat ini adalah cukup berjaya dan dengan sebab itu, *life span* ataupun jangka hayat Asset Management Companies (AMC) ini, walaupun sepuluh tahun tetapi dijangka kita boleh selesaikan hutang ataupun pengurusan hutang NPL ini lebih awal daripada itu, dan mungkin kita jangka dalam tahun 2005 kita boleh selesaikan keseluruhan NPL yang masih tertunggak itu.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa kejayaan NPL kita cukup membanggakan kerana itulah maka pada pertengahan Mac yang lalu, beberapa AMC daripada Thailand, Indonesia dan beberapa AMC lain datang ke Malaysia untuk mendapatkan kursus ataupun mendapatkan *guidelines,* cara-cara kita menguruskan NPL kita dan mereka kagum dengan kejayaan NPL Danaharta kita dan setakat ini boleh saya katakan bahawa kejayaan Danaharta menguruskan NPL kita adalah cukup baik, cukup memuaskan dan yang lebih-lebih itu, insya-Allah, kita akan uruskan dalam tempoh yang singkat ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawahteh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dengan angka-angka yang Yang Berhormat berikan tadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa walau apapun kritikan yang dilemparkan terhadap pendekatan, dengan izin, *affirmative action* Kerajaan Malaysia, namun angka-angka tersebut jelas menunjukkan dalam mengagihkan, dengan izin, capital negara, pemerintah negara mengawasi supaya pengagihan capital tersebut masih adil dan amat saksama.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tiga soalan untuk saya. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tan Sri bahawa hasil daripada komitmen kerajaan, kesungguhan kerajaan untuk mengatasi ataupun merawat kegawatan ekonomi negara kita yang melanda sejak tahun 1997, di antaranya Danaharta ini, adalah satu program yang cukup berjaya sampai sekarang ini kita dapat menguruskan hutang-hutang lapuk atau *bad loan* itu dengan baik dan jayanya sehingga sistem perbankan kita telah dapat dipulihkan, di struktur semula dan dipulihkan untuk membolehkan bank-bank ini memberikan pinjaman kepada sektor-sektor yang produktif.

Sehingga sekarang ini, maka kerana itulah pemulihan ekonomi kita dapat dipercepatkan, lebih cepat daripada yang dijangka dan lebih baik hasilnya daripada

kebanyakan negara-negara lain, maka kerana itulah saya cukup yakin bahawa komitmen kerajaan, kesungguhan kerajaan dan berhemahnya kerajaan, kebijaksanaan kerajaan untuk menguruskan krisis ekonomi negara kita, memulihkan semula struktur perbankan kita, kewangan kita, memulihkan ekonomi kita, hasil daripada kebijaksanaan itulah maka kita sekarang ini dapat berdikari dengan baik tanpa mendapat bantuan daripada luar, IMF misalannya, World Bank dan sebagainya, kita dapat pulihkan diri kita dengan cara kita sendiri, dengan jaya dan saksama, sempurna. Terima kasih.

***[Soalan No. 9** – Tuan Alwi bin Jusoh [Pasir Puteh] tidak hadir]*

**10. Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

(a) prestasi program bimbingan dan latihan yang dikendalikan oleh MARA setakat ini; dan

(b) apakah usaha yang dibuat untuk menjadikan program latihan dan bimbingan MARA lebih segera dan berkualiti sesuai dengan cabaran masa kini.

**Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Program Bimbingan dan Latihan yang dikendalikan oleh MARA adalah dikenali sebagai Program Penilaian dan Kaunseling Usahawan. Program ini menekankan kepada usaha-usaha untuk menambah bilangan usahawan di samping mempertingkatkan tahap usaha niaga usahawan yang sedia ada. Ianya dijalankan melalui aktiviti-aktiviti seperti latihan keusahawanan, latihan perantisan (*apprenticeship*), khidmat runding cara, promosi pemasaran, usahawan teknikal serta latihan pusat sumber teknologi perabot.

Prestasi program ini amatlah menggalakkan di mana dalam Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu di antara tahun 1996 pada tahun 2000 ianya telah berjaya melatih seramai 67,779 usahawan melalui 2,986 kursus yang disediakan.

Daripada jumlah tersebut, kursus latihan keusahawanan merupakan aktiviti latihan dan bimbingan yang

paling banyak disertai oleh usahawan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu seramai 39,289 (58%) orang peserta. Ini diikuti oleh perkhidmatan runding cara seramai 9,246 peserta (13.6%), latihan perantisan seramai 6,178 peserta (9.1%), promosi pasaran seramai 5,480 peserta (8.1%), latihan di pusat sumber teknologi perabot seramai 4,860 peserta (7.2%), dan akhir sekali latihan usahawan teknikal seramai 2,726 peserta (4%).

(b) Program Bimbingan dan Latihan Keusahawanan ini akan diteruskan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu bagi tahun 2001 dan 2005 dengan pertambahan kursus-kursus baru di samping mempertingkatkan kursus-kursus yang sedia ada. Di samping aktiviti yang sedia ada, MARA merancang untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti baru seperti inkubator, perkilangan bumiputera, jaringan produk bumiputera, skim 'pengesemilan' produk dan R&D dan akademik keusahawanan.

Bagi memantapkan lagi pelaksanaan aktiviti berkenaan supaya dapat memberikan kesan yang lebih positif, modul-modul kursus akan dikaji dan diperbaiki untuk disesuaikan dengan keperluan masa kini dan masa hadapan. Kursus-kursus baru akan diperkenalkan terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), automatif, elektrik dan elektronik dengan tujuan untuk melatih dan mewujudkan lebih ramai teknousahawan dalam bidang berkenaan. Usahawan juga akan dilengkapkan dengan pengetahuan teknologi maklumat supaya mereka dapat menyesuaikan diri dalam perniagaan bercorak baru dalam era k-ekonomi.

Pihak MARA juga bercadang untuk memberikan latihan secara praktikal khususnya dalam aktiviti latihan perantisan serta menguruskan lawatan perdagangan yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak MARA.

**Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan saya hendak mengucapkan

tahniah kepada pihak kerajaan, saya kira bimbingan dan latihan yang dikendalikan oleh MARA ini begitu berkesan sekali. Tetapi Yang Berhormat, satu aspek penting yang ditekankan dalam RRJP3 ialah *retraining* dan saya kira sejumlah besar daripada belia-belia ini berada di luar bandar. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, sejauh mana *retraining* ini untuk mewujudkan teknousahawan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi akan dilaksanakan oleh MARA supaya kita dapat memberi pendedahan yang lebih kepada belia-belia di luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Temerloh itu adalah tepat dan betul dan sememangnya Kementerian Pembangunan Usahawan menekankan tentang perlunya retraining diberikan kepada usahawan-usahawan kita dan sebab itu di dalam semua program yang dilaksanakan oleh MARA seperti peruncitan dan jugalah semua bidang dan juga sektor di mana MARA terlibat secara langsung dan kita memberikan penekanan kepada retraining ini dan saya memberi keyakinan kepada Yang Berhormat iaitu bahawa sememangnya ini merupakan penekanan kita.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih. Saya ingin membuat soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan pusat-pusat latihan terutama sekali yang terletak di kawasan luar bandar kerana ramai yang memberi pandangan bahawa pihak MARA hendaklah menyediakan kemudahan tempat tinggal yang mencukupi kepada mereka yang mengikuti kursus-kursus ataupun latihan terutama yang memakan masa jangka panjang di pusat-pusat terutama sekali macam Pusat Giat MARA dan sebagainya.

Yang kedua ialah, berhubung dengan sistem pembelajaran ini kepada, terutama sekali anak-anak peneroka dan petani yang sekarang ini menghadapi masalah dari segi kejatuhan harga komoditi sawit dan getah. Generasi kedua dan ketiga anak-anak peneroka ini lebih memilih untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran ini tetapi saya difahamkan oleh pihak Lembaga Kemajuan Wilayah yang terletak di kawasan luar bandar, mereka tidak dapat memenuhi hasrat kerana peluang yang ada ataupun tempat-tempat ini terhad dan tidak mencukupi. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat mengenai hal ini?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, pusat latihan bagi MARA adalah berasaskan kepada latihan kemahiran yang diberikan kepada mereka yang tidak ada kelulusan akademik dan kita melaksanakan ini

menerusi satu program yang dinamakan Program Pusat Giat MARA ini. Pusat Giat MARA ini kawasannya adalah berasaskan kepada kawasan Parlimen. Jadi, sama ada kita perlu ataupun tidak kepada asrama banyak bergantung kepada kawasan Parlimen itu sendiri. Kalau kawasan Parlimen itu di dalam bandar, maka sudah tentulah dia tidak memerlukan kepada asrama ataupun kalau kawasan Parlimen itu merupakan kawasan yang luas, maka ada kemungkinannya kita perlu mengadakan asrama juga ataupun kawasan Parlimen itu merupakan soal tanah juga berbangkit kerana dalam satu kawasan Parlimen ini, kita hendak tahu juga lokasi hendak mendapatkan tanah untuk melaksanakan Pusat Giat MARA ini, kita banyak bergantung kepada tanah yang ditawarkan oleh kawasan itu. Kalau tanah yang ditawarkan itu di hujung kawasan Parlimen, maka ini memerlukan kepada asrama. Jadi, sebab itu sama ada kita perlu kepada asrama ataupun tidak, banyak bergantung kepada faktor yang telah disebut sebentar tadi.

Walau bagaimanapun, MARA akan berusaha seberapa yang boleh – kita akan meletakkan Pusat Giat MARA ini di tempat yang mana semua orang boleh mudah datang. Sebaik-baiknya di pekan yang besar yang mana sama ada orang boleh datang dengan motor ataupun datang dengan bas dan sebenarnya bagi mereka yang berkursus kita ada beri elaun dan tidak menghadapi masalah untuk mereka datang belajar.

Berkenaan dengan kurikulum yang kita latihkan banyak bergantung kepada keperluan tempatan. Kalau di kawasan Tanah Merah mungkin memerlukan kepada mekanik motosikal, maka itulah yang akan kita latihkan kepada mereka dan setakat hari ini yang saya faham iaitu sememangnya permintaan untuk menyertai kursus ini memang tinggi. Pada umumnya di seluruh kawasan begitulah, sebab itu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan ini kita membuat satu permohonan peruntukan yang tinggi bagi Pusat Giat MARA ini untuk membolehkan kita membesarkan Pusat Giat MARA yang sedia ada dan bagi kawasan yang belum ada, kita akan adakan, insya-Allah. Jadi, kalau peruntukan ini diluluskan– kalau Yang Berhormat bahas nanti, beri luluslah ya. Jadi, kalau lulus kita boleh belanja untuk Pusat Giat MARA ini.

***[Soalan No. 11** – Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]*

12. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimanakah langkah kerajaan untuk memastikan pesakit-pesakit miskin tidak terjejas atau menanggung akibat teruk dari kenaikan kos perubatan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa prihatin terhadap pesakit-pesakit miskin yang memerlukan rawatan perubahan. Walaupun kos penyediaan perkhidmatan perubatan telah meningkat akibat kemajuan dalam teknologi-teknologi perubatan termasuk ubat-ubat baru yang mahal, kerajaan masih mengekalkan kadar (*fee*) bayaran sejak tahun 1982.

Kerajaan sebenarnya menanggung lebih daripada 95% daripada kos rawatan pesakit yang menerima rawatan di pusat kemudahan kesihatan, Kementerian Kesihatan. Di samping itu, Kementerian Kesihatan telah melancarkan tabung kebajikan kesihatan pada penghujung tahun lalu yang mana tujuan utama adalah untuk membantu pesakit-pesakit golongan miskin.

Oleh itu, pesakit-pesakit miskin tidak terjejas akibat kenaikan kos perubatan kerana sistem kesihatan kerajaan yang promiskin.

**Tuan Tan Kok Wai:** Terima kasih. Sebelum saya kemukakan soalan, saya ingin merujuk kepada beberapa aduan yang saya terima baru-baru ini. Yang pertamanya seorang pesakit dari Bentong, Pahang – '*spinal cord*'nya tercedera dan memerlukan pembedahan segera tetapi pembedahan tidak dapat dijalankan kerana pesakit itu dikehendaki membeli alat ganti *spinal cord* dan kosnya adalah dahsyat – RM19,000 lebih. Pesakit seorang pekerja buruh dan beliau seorang *break-winner* keluarganya. Maka, beliau tidak dapat menjalankan pembedahan dan terpaksa meminjam daripada kawan, majikan dan loan sharks untuk membeli alat itu kerana alat itu tidak dibekalkan oleh hospital. Ini berlaku di Hospital Kuala Lumpur (GH), bukan hospital swasta ataupun hospital yang di*corporatise*kan. Ini merupakan satu perkara yang sangat serius dan pembedahan sungguhpun telah dijalankan dan pesakit ini masih berehat di rumah kerana beliau tidak akan sembuh dan bekerja semula, mungkin lapan bulan atau setahun nanti….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat, ya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Keluarganya sekarang berada dalam keadaan satu keadaan yang sangat serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Yang Berhormat ya. Cukuplah itu

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini perkara yang serius dan memerlukan satu lebih masa kepada saya atas peri kemanusiaan. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat. Kita fahamlah tu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya pun hendak berceramah juga….

**Tuan Tan Kok Wai:** Dan juga adakah Yang Berhormat sedar….

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya pun ada masalah juga di kawasan saya….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak apa, tak apa, Yang Berhormat Rompin….

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau dibenarkan sana berceramah, saya pun hendak juga ….

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Rompin….Rompin…Rompin, tak apalah….

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya pun hendak juga beri hujah tentang masalah di kawasan saya…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak payah, tak apa Rompin…saya sudah….

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau dia beri soalan, teruskanlah, jangan beri ceramah pulak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya Cheras, apa soalannya.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Pembesar suara dimatikan]…..*terhadap pesakit-pesakit.

**Beberapa Ahli:** Yaaa…*[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, persoalannya Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Okay, soalan saya….*[Cuba menekan-nekan suiz pembesar suara tetapi tidak berfungsi]*…..janganlah selalu…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hei! Itu tak tahu…tekan, tekan, Yang Berhormat.

*[Yang Berhormat bagi Cheras terus menekan suiz pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, ada tu, ada. Hah, ada!

**Tuan Tan Kok Wai:** Maka Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ….

**Beberapa Ahli:** Soalan, soalan…..

**Tuan Tan Kok Wai:** Soalan saya ialah adakah Yang Berhormat sedar terdapat pelbagai ubat-ubatan perlu *essential medicine* untuk penyakit-penyakit seperti kanser, jantung dan sebagainya juga tidak dibekalkan oleh hospital kerajaan dan pesakit mesti beli daripada farmasi dan kosnya adalah sangat tinggi dan di luar keupayaan mereka…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** …Adakah Yang Berhormat sedar juga tahun ini harga banyak ubat-ubatan juga telah bertambah naik daripada 10% kepada 30% dan ini menyebabkan pesakit yang miskin lebih menderita…

**Seorang Ahli:** Betul.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk][Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:**…lebih menderita. Maka apakah…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:**…..penyelesaian kementeriannya dapat memberi untuk mengatasi masalah ini kerana….

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hah, cukup, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Cukuplah Yang Berhormat *[Ketawa]* …Yang Berhormat bila tambah 'kerana', tambah 'dan'….

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini satu perkara penting….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ….tambah 'atau', sampai petang kita….

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sampai petang Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat, cukup. Sila duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** Okaylah, okay.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat. Haaa, cukup.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat bagi Cheras sendiri kenalah belajar bersabar sedikit, nanti dia pula jatuh sakit, kena hyper-tension kita kena belanja duit lagi untuk dia. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jawapan ya, jawapan.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Kita kena amalkan cara hidup yang sihat. Itu penting. Kalau kita amalkan cara hidup yang sihat memang kos Kementerian Kesihatan dapat dikurangkan lagi. Jadi, marilah kita jadikan contoh kepada orang ramai. Janganlah kita menjadi terlalu tension sangat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan S.G. Sothinathan:** Seperti Yang Berhormat tadi berputar belit untuk menanyakan soalan, biarlah saya pun beri keterangan kepada Yang Berhormat…..

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun dan menyampuk dengan marah]*

**Tuan S.G. Sothinathan:** Kerana soalan Yang Berhormat tanya tadi adalah…

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat, apa itu putar belit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** *[Ketawa]* Duduk Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** 36(6).

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk, Yang Berhormat….

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini sangkaan jahat, mana boleh…..

**Seorang Ahli:** Yang putar belit you orang.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Yang Berhormat….

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Memang betul putar belit….

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Memang betul putar belit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Wakil rakyat putar belit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, Yang Berhormat. *[Ketawa][Disampuk]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, Yang Berhormat….Yang Berhormat….

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tidak perlulah…

**Tuan Tan Kok Wai:** Setiausaha Parlimen yang membela rakyat….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat Cheras…

**Tuan S.G. Sothinathan:** Ya, memang, kita memang membela rakyat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cheras, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan S.G. Sothinathan:** DAP mana ada membela rakyat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya minta satu *ruling*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, duduklah Yang Berhormat.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Apa *ruling*?

**Tuan Tan Kok Wai:** Niat jahat…36(6).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dah, dah. Duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** Minta dia tarik balik *[Menjerit ke arah Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan]* dan….kepada semua pesakit…..*[Ahli-hali Pembangkang Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dak, dak. Duduk.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk, Cheras. Duduk.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Masih bangun dan menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cheras, duduklah Cheras. Janganlah memaksa saya….

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat…

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya minta….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk!

**Tuan S.G. Sothinathan:** Sungguh kurang sopanlah dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini kes ubat, *restricted*…..

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk Yang Berhormat. Tak usahlah….janganlah berdegil Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya takkan duduk kalau Tuan Yang di-Pertua tidak memberikan satu keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Eh, duduklah! Macam mana saya hendak buat keputusan kalau tidak duduk. Yang Berhormat ini sudah lama dalam Dewan. Saya di antara orang yang lamalah tetapi nampaknya Yang Berhormat tidak faham-faham. *[Sorak]* Sebenarnya niat dia tadi 'putar belit' maknanya Yang Berhormat cuba bercakap berpusing-pusing….bukannya…..

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ….ya…itu maksud dia….

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak ada, tak ada, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kota Melaka duduklah…

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, duduk.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak apalah, saya akan putuskan, saya akan putuskan…..

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak, itu fahaman saya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tanya dia…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, saya minta dia jelaskanlah….

**Tuan Tan Kok Wai::** Tanya dia, *is it* pusing…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu fahaman saya, Yang Berhormat. Duduk, duduk.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, duduklah. Cheras, duduk Cheras. Duduklah Cheras!!

**Tuan Tan Kok Wai:** Peraturan mesyuarat daripada Speaker mana boleh?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak ada, saya tidak kira…

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya orang lama tapi tidak berniat jahat, orang baru berniat jahat di sini.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, duduklah, duduklah. Makna ni Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini masalahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk Cheras. Jangan minta saya gunakan….saya min ta keluar Yang Berhormat…Jangan berdegil, Yang Berhormat. Saya ada hak.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan ajar saya, saya tahulah.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya tahulah.

**Tuan Tan Kok Wai:** Dia menuduh saya putar belit, ini satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, duduklah. Duduk, duduk, duduk. Saya akan tanya dia, saya akan tanya dia. Duduk Cheras.

**Tuan Tan Kok Wai:** Dia putar belit tu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat jawab pada pointlah Yang Berhormat. Apa maksud 'putar belit' tadi. Saya membayang kefahaman saya begitu….

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebab saya nampak yang membuat soalan tambahan, memang saya pun kadangkala nampak dia berpusing-pusing *[Ketawa]* tetapi tidak tahulah Setiausaha Parlimen hendak menjawab, saya ingat jawab teruslah apa maksud Yang Berhormat.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan dengan, biarlah saya betulkan itu….kalau 'putar belit' itu berpusing-pusing…

**Beberapa Ahli:** Hah….*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hah, itu maksud dia.

**Tuan S.G. Sothinathan:** ….itu….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus ajelah Yang Berhormat…

**Tuan S.G. Sothinathan:** …jadi…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Teruslah Yang Berhormat…terus…

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya minta, I mean…setiap kali tanpa meminta izin biarlah saya memberi jawapan, janganlah biarkan dia orang bangun dan mengacau….*[Disampuk oleh beberapa Ahli Pembangkang]* ini tidak betul. Tak kira orang baru ke atau orang lama, memang peraturan itu sama untuk semua. *[Disampuk oleh beberapa ahli Pembangkang]*

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kota Melaka, tak usahlah….

**Tuan S.G. Sothinathan:** Peraturan itu sama untuk semua, tidak kira dia berada di Dewan ini selama seharikah ataupun sepuluh tahun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jawab teruslah, Yang Berhormat….

**Tuan S.G. Sothinathan:** Itu kena faham dahulu. Kita ini Ahli Parlimen ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat! Yang Berhormat, Yang Berhormat pun jawab janganlah putar belit juga, susahlah saya. *[Sorak][Ketawa][Tepuk]* Yang buat soalan pun berputar-putar, yang menjawab berputar-putar, jadi susahlah Pengerusi.

**Seorang Ahli:** Hah, betul, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jawab teruslah, ha…

*[Dewan riuh]*

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah habis, Yang Berhormat? Kalau habis, duduk.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum menjawab lagi, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tentang peralatan-peralatan yang perlu dibeli oleh pesakit-pesakit, memang itu adalah menjadi dasar kerajaan di mana kalau ada satu peralatan yang perlu dibeli untuk dipasang semasa kemalangan ataupun untuk membuat sesuatu *operation*, dengan izin, jadi bermakna pesakit itu terpaksa membeli dengan sendiri. Tetapi itulah sebabnya kita pun telah mengadakan satu tabung kebajikan kesihatan dan juga bersama-sama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di mana kalau pesakit-pesakit yang miskin yang tidak mampu membeli alat-alat tersebut boleh memohon untuk mendapat bantuan kerajaan ….

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk][Disorak]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan macam itu Cheras….

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cheras, Cheras…

**Tuan S.G. Sothinathan:** Memang Cheras ini, memang niat dia tidak baik, memang saya boleh katakan di sinilah dan dia mesti faham seseorang yang mengalami sakit spinal cord itu memang mengambil masa yang lama untuk sembuh. Dia tidak tahu apa penyakit yang dialami tetapi dia hendak mengheboh-hebohkan isu ini di Parlimen. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hah, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Soalan tambahan. Bukan berhajat untuk hendak memberi ceramah seperti Cheras. DAP ini cuba hendak berusaha membela orang, selalunya agenda pembelaan sekarang ini diambil alih oleh PAS…..

**Beberapa Ahli:** Soalan, soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Soalannya, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Soalan saya…soalan. Jangan bimbang, tidak macam ceramah macam Cheras.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Cheras pun sibuk macam mana Setiausaha Ag ung pun dia beri pada orang lain… *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, diamlah…

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tentang membela masyarakat luar bandar. Saya hendak bertanya, alhamdulillah, kerajaan mendirikan banyak hospital baru tetapi saya hendak bertanya tentang alat kelengkapan perubatan dari segi nilai dan kualitinya, saya minta supaya tahap alat-alat yang ada dan juga kepakaran yang ada di luar bandar minta juga setaraf yang di dalam bandar.

Sebagai contoh, di kawasan saya di Rompin, tidak ada mesin hemodialisis. Di kawasan saya, mereka yang hendak membuat hemodialisis, mereka terpaksa pergi ke Kuantan. Ini bermakna kita minta supaya alhamdulillah, kerajaan telah membina satu hospital yang moden dan baik di Muazam Shah tetapi alat-alat itu hendak di'*upgrade*'kan supaya diletak juga alat-alat seperti yang ada di hospital di bandar. Minta sedikit penjelasan, adakah kerajaan akan timbang kembali dari segi kita hendak menyenaraikan alat-alat perubatan di luar bandar supaya sama juga dengan alat-alat yang canggih seperti yang ada di dalam bandar. Saya rasa komitmen kerajaan dalam perkara ini kita tidak dapat menjadikan persoalan tetapi saya minta saya kenyataan oleh Setiausaha Parlimen.

**Tuan S.G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar kerajaan dan kementerian untuk memastikan bahawa kemudahan-kemudahan asas dari segi kesihatan disediakan di kawasan-kawasan luar bandar tetapi kemudahan-kemudahan canggih, saya rasa kita perlu memastikan bahawa di semua kawasan bandar kita mesti memastikan bahawa semua alat-alat yang ada itu adalah canggih di mana kita boleh menjadikan semua pusat-pusat ataupun hospital-hospital kerajaan di kawasan-kawasan bandar mempunyai segala kelengkapan yang canggih di mana pesakit-pesakit dari luar bandar boleh dirujuk ke hospital-hospital di bandar ini tetapi kerajaan sentiasa prihatin untuk memastikan bahawa semua hospital ataupun klinik yang ada di kawasan luar bandar itu mempunyai kemudahan asas yang secukupnya.

13. **Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah masalah pendatang tanpa izin telah bertambah serius dan mengapa satu forum khas di antara Menteri-Menteri ASEAN tidak diadakan untuk mengatasi masalah ini.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun masalah pendatang tanpa izin makin serius namun ia telah dapat diurus dan dikendalikan dengan baik. Oleh itu, ianya tidak perlu dibawa dalam perbincangan di peringkat ASEAN kerana ianya sekarang kita uruskan melalui mekanisme dua hala di antara negara-negara yang terlibat.

**Tuan Mah Siew Keong:** Terima kasih, soalan tambahan. Adakah betul bahawa pekerja-pekerja Bangladesh tidak akan diberi kelulusan untuk bekerja di kilang-kilang tempatan? Adakah ini akan menjejaskan hubungan kita dengan negara Bangladesh dan apa sebab polisi ini diambil? Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu adalah terkeluar daripada soalan asal. Tetapi soalnya Kementerian Dalam Negeri dan mengikut keputusan kerajaan kita ada had-had berapa jumlah pekerja-pekerja daripada sesebuah negara. Apa juga tindakan kita adalah berkepentingan Malaysia dan tidak akan menjejaskan perhubungan dua hala di antara Malaysia dan negara tersebut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat mengambil kira bilangan pendatang dengan permit dan bilangan pendatang tanpa izin di dalam negara ini? Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kita semua di dalam rundingan Yang Berhormat dengan menteri-menteri yang berkenaan apakah hasilnya dan keberkesanan untuk mengawal keadaan pendatang di Malaysia ini?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan itu sebagaimana yang saya katakan, saya ada jawapannya tetapi jawapannya ialah untuk Kementerian Dalam Negeri. Pendatang tanpa izin bermakna mereka yang masuk secara tidak sah dan mereka yang mempunyai permit adalah mereka yang telah melalui proses yang kita terima dan boleh bekerja di tempat-tempat yang telah ditetapkan. Dan angka-angkanya akan diambil kira dari segi jumlah keseluruhannya yang ada di dalam negara kita.

Jadi, kalau kita bincangkan di peringkat saluran dua hala dengan Indonesia atau dengan Filipina segala perkara Yang Berhormat sebutkan akan diambil kira. Terima kasih.

14. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Pertanian menyatakan selain daripada projek menstabilkan hakisan di sepanjang tebing Sungai Golok, adakah kerajaan akan melaksanakan projek mencegah banjir di sepanjang Sungai Golok dan jika ada, bilakah ianya akan dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan melaksanakan Projek Tebatan Banjir mengikut keutamaan secara berperingkat-peringkat memandangkan ianya memerlukan peruntukan yang tinggi.

Sehubungan ini, projek bagi mencegah banjir di sepanjang Sungai Golok akan ditimbangkan untuk pelaksanaan semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan nanti.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sebagaimana yang diketahui umum banjir pada tahun ini di bandar atau pekan Rantau Panjang merupakan banjir yang paling besar semenjak 20 tahun kebelakangan ini. Kajian Lembangan Sungai Golok ataupun *Sungai Golok Riverbasin Study* telah pun dibuat lebih kurang 10 tahun yang lampau tetapi hasil kajian itu tidak dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan menyebabkan aliran air Sungai Golok melimpah ke Rantau Panjang, Kelantan sedangkan di pihak Selatan Thai di Bandar Golok dibuat benteng Sungai Golok.

Jadi, apakah pihak kerajaan tidak merasai ataupun tidak sedar bahawasanya Malaysia khususnya sudah ketinggalan dari segi pencegahan banjir yang telah diketahui umum di mana penebatan banjir ini telah pun dilaksanakan di Selatan Thai melalui Sungai Golok. Apakah juga kerajaan tidak mempunyai satu rancangan drastik bagi melindungi bandar Rantau Panjang yang sentiasa ditenggelami air hasil daripada Kerajaan Thai mendahului kita dari segi penebatan sungai?

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar Sungai Golok ini merupakan sempadan antarabangsa Malaysia dengan Thailand.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek menstabilkan tebing Sungai Golok ini kita mula sejak Rancangan Malaysia Keenam dan projek ini akan disambung. Ya, projek ini dimula sejak Rancangan Malaysia Keenam – seperti mana Yang Berhormat sedia maklum sehingga kini kita telah menyelesaikan kerja-kerja menstabil kira-kira 15 kilometer, telah pun siap dan dengan kos sebanyak RM26 juta. Kerja-kerja bagi tiga kawasan lain yang melibatkan 2.4 kilometer masih dalam pembinaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan Projek Tebatan Banjir dalam negara kita yang kita kemukakan untuk dilaksanakan sebanyak 230 Projek Tebatan Banjir di seluruh negara yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM5.68 bilion yang kita pohon.

Jadi, kita banyak projek yang hendak dibuat, hak di Rantau Panjang pun kita buat, di negeri-negeri lain pun kita buat. Jadi, saya harap Yang Berhormat faham tentang tanggungjawab Kementerian Pertanian dalam kita menangani masalah banjir ini dalam negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab Lisan tamat.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 5, 6, 7, 9, 11 dan 15 hingga 38 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]***

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat 18 dan 32. Yang …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Urusetia mengenai dengan apa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Berkaitan dengan Usul saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini sudah ada jawab Yang Berhormat. Jelas.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya hendak meminta penjelasan ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …minta ….ini…

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ini kalau lihat Peraturan cukup jelas, 36(2) dan 18(7(a)(b)(c).

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, seharus memberi peluang dahulu kepada saya sebab dalam Perkara 18(7) dia mengatakan usul itu boleh ditolak oleh Speaker jika ia melanggar mana-mana peraturan, syarat-syarat dalam peraturan dan Speaker telah pun menggunakan 30(6)(2) iaitu perkara ini dalam timbangan mahkamah – kes berkaitan dengan penahanan ISA.

Saya ingin menyebut bahawa pertama sekali, ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah Yang Berhormat, tidak payah ulaslah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya hendak sebut di sini bahawa …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …tidak payahlah, kalau sudah beritahu perkara-perkara itu kepada saya, saya cuba jawablah….

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Disampuk]* Sebelum Tuan Yang di-Pertua, menjawab saya ingin memberikan penjelasan bahawa saya tidak menyentuh

soal mahkamah kerana bukan kesemua daripada tujuh orang itu membuat aduan mahkamah……

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …hanya lima orang sahaja yang membuat aduan ke mahkamah pada hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah Yang Berhormat ya.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya bermakna, saya masih ada hak untuk ke atas dua orang iaitu Abdul Ghani Haron dan Gobala Krishnan yang masih belum membuat aduan mahkamah. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat tidak payah, cukuplah.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Sebab bagi saya Dewan perlu membincang perkara ini kerana …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah putus Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …ini perkara ini jelas……

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …telah membuktikan pembohongan pihak kera jaan *[Disampuk]* terhadap penangkapan …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Jangan cakap begitu Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …yang dilakukan *[Tepuk]* oleh pihak kerajaan terhadap mereka yang ditahan….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:**…kerajaan mengatakan mereka hendak mengeluarkan senjata. Perhimpunan tersebut …….

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, …

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …diadakan secara yang halal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** … Peraturan Mesyuarat di bawah 36(3) kalau perkara itu telah diputuskan Tuan Yang di-Pertua …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa yang hendak dibahaskan lagi?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** ….tidak boleh ditimbulkan semula…..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya pun ……

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** ….dan perkara ini bukan soal mahkamah atau tidak. Soalnya diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua, dan kita kena hormati itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sudah putus Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Saya bukan menimbulkan usul, saya bukan membaca usul. ……

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini, ini saya ……

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …saya mempersoalkan bahawa apa rasionalnya ……

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Ini sudah diputuskan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …tindakan Tuan Yang di-Pertua, menolak usul saya yang saya anggap sesuatu yang sangat bercanggah …..

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, …..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …sebab saya masih ada hak untuk dua orang lagi yang masih belum memfailkan *[Tepuk] ……*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat ……

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *Ruling* sudah dibuat, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, Yang Berhormat. Ini bukan *[Tepuk]* melawan siapa Yang Berhormat, ini Kerusi, kalau sudah putus begitu, begitulah Yang Berhormat. *[Disampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tidak, saya kira bahawa bukan soal saya …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Benda yang jelas Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …hendak lawan Kerusi ataupun tidak? Tetapi Kerusi mestilah melaksanakan sesuatu keputusan secara yang betul …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Pada keseluruhannya sebab …..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …sebab dalam usul ini saya tidak menyebut bahawa lima orang yang membuat aduan. Saya mahu menyebut secara umum. Ini bermakna bahawa saya punya hak ke atas dua orang lagi yang masih belum memfailkan aduan mereka ke mahkamah. *[Tepuk] [Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat, cukup.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini soal kepentingan ramai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebab dia – walaupun dia mengadu, tidak mengadu kaitannya memang ada. Semua ini *habeas corpus.*

Jadi, kita samalah ……

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *No*, mereka tidak mengadu bermakna …….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …samalah.

**Seorang Ahli:** Lagi dua orang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Samalah, serupa Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …bahawa saya perlu membawa masalah ini kepada Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada, cukup Yang Berhormat. Perkara itu perkara yang sama, kalau dia membuat aduan ke mahkamah yang dua orang pun, perkaranya perkara yang sama……

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Itu, itu bukan …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** ….bahawa *habeas corpus* sahaja.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …persoalan bagi saya tetapi …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sebab itu kita buat keputusan macam ini Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** ……alasan penolakan ini tidak munasabah. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak kira, memang tidak bolehlah Yang Berhormat. Sudah putus, putuslah. Duduklah.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Peraturan Mesyuarat 14(1)(f) Rayuan-rayuan. Jadi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena itu adalah rayuan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yalah! Itu sudah putus. Kalau hendak buat rayuan, buat semulalah yang lain, yang ini kita sudah putus, tidak boleh, tidak bolehlah Yang Berhormat.

Jadi, sila Urusetia.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KOKO MALAYSIA (PEMERBADANAN) (PINDAAN) 2000

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." ***[12 April 2001]***

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama menyambung.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, Point of order 14(1)(i).

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mengenai apa lagi Yang Berhormat?

**Tuan Kerk Kim Hock:** 14(1)(i) ini merupakan satu provisi di mana Menteri berhak untuk membuat penerangan. Pendapat saya bahawa tindakan polis menahan orang di bawah ISA adalah satu perkara yang serius, di mana saya

merasa Yang Berhormat *Home Minister* patut datang ke Parlimen untuk menerangkan *[Tepuk]* sebab-sebab mengapa tindakan ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …ini telah dilakukan dan saya haraplah …

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …kalau Menteri tidak faham ada provisi ini …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …..Tuan Yang di-Pertua, dapat memaklumkan kepadanya. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya sudah faham.

Sebenarnya, Yang Berhormat perkara ini dibangkitkan semua oleh yang bercakap apabila berkaitan. *[Disampuk]* Dan itu memang ada peluang bagi Menteri membuat penjelasan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tidak sama, tidak sama. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, perkara itu memang selalu dibawakan. Jadi, itu terpulanglah kepada pihak Menteri akan membuat jawapan. Ha, jadi tidak bolehlah kita hendak minta Menteri khas …..

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …untuk menjawab khusus pada hari ini.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …saya ingin menyebut maklumat yang …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …tidak, maklumat saya baru dapat – mahkamah telah menolak *habeas corpus* ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya, *[Ketawa]* ….

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Ini bermakna bahawa …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …saya tidak tahulah Yang Berhormat.…

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** …perkara ini sudah tidak ada lagi dalam pertimbangan mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tidak tahulah setakat yang …..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat ……

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …setakat yang saya jadi Speaker ini…

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua. Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada, tidak ada Yang Berhormat. Itu setakat yang kita tahu sebelum ini…..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …mana kita tahu sekarang. Duduklah Yang Berhormat. Duduklah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk]* Sekarang bolehlah ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mana saya tahu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Mana saya tahu, saya duduk sini, saya tidak tahu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Walau bagaimanapun ……

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …kata *habeas corpus*, kita hendak kata hapuskan ISA, penyalahgunaan ISA, bukan *habeas corpus*.…

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 43.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …ini pun salah…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, cukup Yang Berhormat.

**Raja Dato ' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, sebelah tu duduk. *[Disampuk]*

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta Tuan Yang di-Pertua guna Peraturan Mesyuarat 43 ini.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah, Kota Melaka, tidak payah. Cukuplah.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, minta digunakan Peraturan Mesyuarat 43.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukup, di sini bukannya …..

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, penjelasan saya sudah beri.

Jadi, kalau kita berpanjangan akhirnya kita terus membahaskan mengenai Peraturan. *[Disampuk]* Jadi, perkara ini saya sudah putuskan demikian, cukuplah.

**Tuan Kerk Kim Hock:** …kerana tun sudah buat kesilapan. Kalau kita ikut kita pun ….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu bolehllah dibuat kemudian sebab ini keputusan yang kita buat setakat ini, beginilah Yang Berhormat …

**Tuan Kerk Kim Hock:** ….semula keputusan-keputusan …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Itu, itu terpulang kepada kita, saya bincang balik.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Keputusan yang buat hari ini, begini. Cukuplah Larut, cukup.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** 43 ini. Tidak faham DAP ini ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, itulah saya sudah cakap tadi, 43 memang keputusan muktamad daripada Pengerusi tetapi …….

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Hendak berkabung, berkabunglah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** …..telah dibangkitkan. *[Ketawa]* Setakat mampu kita membuat penjelasan, kita kenalah buat penjelasan. Jadi, minta Timbalan Menteri.

**11.12 pagi.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana membenarkan saya menyambung semula Pembentangan Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, kesan daripada kejatuhan nilai Ringgit mulai pertengahan tahun 1997 telah juga menyumbang kepada peningkatan dalam nilai eksport koko terutama dalam tahun 1998.

Walau bagaimanapun, disebabkan oleh prestasi harga biji koko dan produk-produk koko yang pada keseluruhannya adalah rendah sedikit daripada tahun 1999 dan seterusnya pada tahun 2000 berbanding dengan harga biji koko dan produk-produk koko pada tahun 1997 dan 1998, pendapatan eksport koko negara telah menurun sedikit kepada RM733.37 juta pada tahun 1999 dan seterusnya kepada RM683.68 juta pada tahun 2000.

Walau bagaimanapun, harga biji koko telah mula meningkat semula semenjak akhir bulan Januari 2001 dan ketika ini ianya berada dalam lingkungan RM3,700 hingga RM4,000 setan metrik berbanding dengan harga purata sebanyak RM3,468 setan metrik pada tahun 1999 dan RM2,812 setan metrik pada tahun 2000.

Pendapatan eksport biji koko dan produk-produk koko pada tahun 2001 dijangka akan meningkat semula ke paras kira-kira RM701 juta. Dari segi pengeluaran biji koko pula pada masa ini Malaysia mengeluarkan kira-kira 3% daripada pengeluaran biji koko dunia dan menduduki tempat ke lapan selepas 'Cote D'Ivoire', Ghana, Indonesia, Brazil, Nigeria, Cameroon dan Ecuador.

Di samping itu, dalam bidang pengisaran koko pula Malaysia dengan kapasiti pengisaran sebanyak 165,000 tan metrik setahun telah mengisar sebanyak 139,443 tan metrik dalam tahun 2000 meningkat sebanyak 26.6% berbanding dengan 110,000 tan metrik pada tahun 1999.

Dari segi pengisaran, Malaysia pada masa ini menduduki tempat ketiga terbesar di kalangan negara-negara pengeluaran koko selepas Cote D'Ivoire dan Brazil. Oleh itu, adalah penting industri koko negara dimajukan lagi secara teratur dan sempurna supaya sumbangan sektor ini kepada ekonomi negara dan faedahnya kepada sosioekonomi dapat diteruskan dan dipertingkatkan.

Pada masa ini, industri koko sedang melalui proses perubahan di dalam pengeluaran produk-produknya. Umpamanya, produk-produk yang dihasilkan dari koko bukan sahaja terhad kepada pengeluaran produk-produk makanan dan minuman tetapi juga kepada pengeluaran produk-produk bukan makanan.

Walau bagaimanapun, industri koko Malaysia berhadapan dengan beberapa cabaran dan masalah yang di antaranya ialah pengeluaran biji koko tempatan yang menurun berikutan dari pengurangan keluasan tanaman koko akibat dari persaingan dalam penggunaan tanah, kekurangan tenaga buruh dan harga pasaran yang turun naik.

Pada tahun 2000 keluasan tanaman telah menurun kepada kira-kira 80,000 hektar berbanding dengan 115,819 hektar pada tahun 1999. Pengeluaran biji koko negara juga telah turut merosot kepada 70,292 tan metrik pada tahun 2000 berbanding dengan 83,668 tan metrik pada tahun 1999. Oleh itu bagi menangani masalah ini usaha-usaha untuk meningkatkan semula pengeluaran biji koko negara perlulah dipergiatkan.

Dalam hubungan ini, kementerian saya melalui Lembaga Koko Malaysia telah melaksanakan Program Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Koko semenjak Rancangan Malaysia Ketujuh dengan tujuan untuk meningkatkan semula pengeluaran biji koko negara. Program ini dijangka akan diteruskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha penyelidikan bagi menambah pengeluaran biji koko melalui peningkatan produktiviti yang telah dilaksanakan setakat ini telah berjaya meningkatkan produktiviti kawasan koko yang terlibat. Pemakaian teknologi 'baja sisi atau side drafting' telah berjaya meningkatkan

produktiviti koko di kawasan-kawasan yang berkenaan daripada kira-kira 0.6 tan sehektar setahun kepada kira-kira 1.5 tan sehektar setahun.

Usaha-usaha penyelidikan sedang giat dilaksanakan dalam mendapatkan benih koko yang lebih berkualiti dan boleh mengeluarkan hasil yang lebih tinggi serta rintang kepada penyakit-penyakit koko. Dengan adanya peningkatan dalam pengeluaran biji koko yang bermutu, ianya akan dapat membantu di dalam perkembangan industri koko tempatan serta daya saing koko di pasaran dunia.

Sebagai langkah menambah penggunaan koko usaha-usaha penyelidikan dalam sektor hiliran industri koko telah terus diberi tumpuan. Selain daripada penyelidikan untuk mengeluarkan produk-produk makanan seperti coklat, minuman dan sebagainya, penyelidikan-penyelidikan juga dijalankan untuk mengeluarkan produk-produk pharmaceutical dan produk-produk bukan makanan selain seperti produk-produk kosmetik.

Pengeluaran produk-produk seumpama ini dijangka akan dapat mempelbagaikan penggunaan koko dan secara langsung akan menyumbangkan kepada usaha untuk meningkatkan permintaan terhadap koko dan seterusnya memantapkan harga koko di paras yang lebih menguntungkan. Di peringkat antarabangsa Malaysia terus memainkan peranan penting dalam menyumbang ke arah usaha untuk menstabilkan harga koko dan mempertahankan kepentingan Malaysia. Ini dilakukan melalui penyertaan Malaysia dalam dua pertubuhan yang melibatkan industri koko iaitu Pertubuhan Koko Antarabangsa (*International Cocoa Organization)* – ICCO dengan izin, dan Perikatan Negara-negara Pengeluaran Koko ataupun *Cocoa Producers Alliance* (CPA), dengan izin.

Sebagai Pengerusi kepada Majlis Menteri-Menteri dan Perhimpunan Agung CPA bagi tahun 1999/2000, Malaysia memainkan peranan yang aktif dalam menggerak dan menentukan hala tuju CPA dalam memajukan kepentingan negara-negara anggota. Ini termasuklah perlaksanaan aktiviti-aktiviti CPA dalam bidang penyelidikan dan pembangunan dan juga menetapkan pendirian negara-negara pengeluaran koko mengenai isu-isu penting yang perlu diberi penekanan dalam Persidangan Perjanjian Koko Antarabangsa yang baru yang melibatkan kerjasama di antara negara-negara pengeluar dan negara-negara penggunaan koko.

Tuan Yang di-Pertua, berikut saya ingin mengemukakan butir-butir pindaan yang dicadangkan seperti yang dinyatakan di dalam Rang Undang-Undang ini. Akta asal, Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 akan terdiri daripada 6

Bahagian. 3 bahagian baru iaitu Bahagian IIA, Bahagian VA dan Bahagian VB telah dicadangkan dalam Rang Undang-Undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah tergolong kepada beberapa fasal dan di antaranya yang utamanya adalah seperti berikut:

(a) Pindaan seksyen 2 - Fasal 2 Rang Undang-Undang ini memindakan seksyen 2 Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988 [Akta 343] bagi memasukkan beberapa takrif tertentu dalam Akta ini dengan tujuan memberi maksud yang lebih jelas terhadap ungkapan-ungkapan yang berkaitan;

(b) Pindaan seksyen 3 - Fasal 3 dan 4 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk memperkemaskan seksyen 3 [Akta 343] dengan meminda dan memasukkan perkara-perkara mengenai penubuhan Lembaga, matlamatnya, meterai biasa dan keanggotaan Lembaga";

(c) Pindaan seksyen 8 - Fasal 7 Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 8 [Akta 343], menjelas dan menambah fungsi Lembaga seperti merancang pembangunan sumber manusia, menjalankan penyelidikan dan kemajuan tentang minyak dan lemak yang lain selain mentega, koko dan apa-apa bidang lain yang memberi manfaat kepada industri koko;

(d) Pindaan seksyen 10 - Fasal 8 Rang Undang-Undang ini meminda dan memperkemaskan seksyen 10 [Akta 343] supaya selaras dengan kedudukan semasa iaitu mengenai kuasa Lembaga menubuhkan perbadanan untuk menjalan, menjaga, mengelola dan menguruskan apa-apa projek, skim atau perusahaan dalam melaksanakan fungsi-fungsi dan kewajipan Lembaga;

(e) Seksyen baru 10A dan 10B - Fasal 9 Rang Undang-Undang ini memasukkan seksyen baru 10A dan 10B ke dalam Akta 343. Seksyen 10A memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengkormersialkan dapatan penyelidikan. Sementara

seksyen 10B memberi Lembaga kuasa untuk mengambil kerja dan membayar agen dan penasihat teknikal;

(f) Pindaan seksyen 11 - Fasal 10 Rang Undang-Undang ini meminda seksyen 11 Akta 343 untuk menambah denda yang boleh ditetapkan bagi kesalahan yang diwujudkan di bawah peraturan-peraturannya. Fasal ini juga memasukkan perkara baru termasuklah kuasa Menteri membuat peraturan-peraturan, piawaian kepada proses dan kaedah memproses koko, tatacara mengimpot dan mengeksport biji koko dan keluaran koko, menetapkan kesalahan yang boleh dikompaunkan dan membuat apa-apa peruntukan lain yang sesuai mengawal kualiti koko;

(g) Seksyen baru 14A - Fasal 13 Rang Undang-Undang ini memasukkan seksyen baru 14A ke dalam Akta 343 untuk menyifatkan anggota Lembaga, semasa menjalankan kewajipan dan fungsi rasminya, sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan;

(h) Bahagian baru IIA - Fasal 14 Rang Undang-Undang ini membahagikan Bahagian II Akta 343 yang sedia ada dengan mengumpulkan seksyen 15 hingga 17 Akta 343 di bawah Bahagian baru IIA;

(i) Pindaan seksyen 15 - Fasal 15 Rang Undang-Undang ini meminda subseksyen 15(3) Akta 343 bertujuan memotong kehendak menyiarkan pelantikan Merinyu Koko dalam *Warta*;

(j) Seksyen baru 17A dan 17B. Fasal 16 Rang Undang-Undang ini memasukkan seksyen baru 17A dan 17B ke dalam Akta 343. Seksyen 17A mengadakan peruntukan bagi membolehkan perwakilan kuasa oleh Ketua Pengarah. Seksyen 17B memperkatakan mengenai harta dalam dapatan penyelidikan hendaklah terletak kepada hak Lembaga;

(k) Pindaan seksyen 18 - Fasal 18 Rang Undang-Undang ini meminda seksyen 18 Akta 343 untuk mengadakan peruntukan bagi pembayaran wang yang dipungut daripada pembayaran

kompaun dan daripada derma dan sumbangan ke dalam kumpulan wang dan penggunaan wang berkenaan;

(l) Seksyen baru 18A - Fasal 19 Rang Undang-Undang ini memasukkan seksyen baru 18A ke dalam Akta 343 untuk menubuhkan akaun kebajikan kakitangan Lembaga Koko Malaysia;

(m) Pindaan seksyen 20 - Fasal 20 Rang Undang-Undang ini meminda seksyen 20 Akta 343 untuk memperuntukkan bahawa kuasa Lembaga untuk melabur kumpulan wang hendaklah dijalankan dengan kelulusan Menteri yang bertanggungjawab setelah berunding dengan Menteri Kewangan;

(n) Pindaan sekyen 22 - Fasal 21 Rang Undang-Undang ini meminda seksyen 22 Akta 343 untuk memperuntukkan bahawa ses hendaklah dibuat oleh Menteri yang bertanggungjawab setelah berunding dengan Menteri Kewangan. Fasal ini juga bertujuan untuk menjadikan kegagalan atau keengganan membayar ses yang ditetapkan sebagai satu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda atau pemenjaraan dan mengadakan cara untuk mendapatkan ses yang kena dibayar.

(o) Bahagian baru VA dan VB - Fasal 22 Rang Undang-Undang ini bertujuan memasukkan Bahagian baru VA dan VB ke dalam Akta 343. Bahagian VA mengandungi peruntukan berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan, keterangan dan kesalahan. Bahagian VB, memperkatakan perkara am seperti pengkompaunan, kesalahan permulaan dan perjalanan pendakwaan, perwakilan dan prosiding sivil, bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan dan perlindungan pegawai dan pekhidmat;

(p) Seksyen baru 25A - Fasal baru 25 Rang Undang-Undang ini memasukkan seksyen baru 25A ke dalam Akta 343 untuk meminda perenggan dan 3(a) Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) 1969 untuk

mengeluarkan peruntukan mengenai penyelidikan koko daripada Akta berkenaan;

(q) Pindaan seksyen 26 - Fasal 26 Rang Undang-Undang ini meminda seksyen 26 Akta 343 untuk meminda seksyen 1 (a) atau Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 1965 bagi mengeluarkan peruntukan mengenai pemasaran koko daripada Akta berkenaan. Ini adalah selaras dengan keputusan supaya aktiviti-aktiviti pengawalseliaan dan pemasaran mengenai koko dilaksanakan oleh LKM;

(r) Seksyen baru 26A, 26B dan 26C - Fasal 27 Rang Undang-Undang ini memasukkan seksyen baru 26A, 26B dan 26C ke dalam Akta 343. Ini merupakan peruntukan peralihan untuk mengadakan peruntukan bagi memindahmilikan tanah, harta dan aset serta kakitangan Bahagian Penyelidikan Koko Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia kepada Lembaga Koko Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, melalui perlaksanaan Rang undang-undang ini adalah diharapkan beberapa faedah dan kebaikan akan dapat diperolehi. Rang undang-undang ini akan melengkapkan peranan yang sewajarnya dimainkan oleh Lembaga Koko Malaysia dalam memajukan industri koko negara.

Sebagai kesimpulannya melalui fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam Rang Undang-Undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000 ini LKM akan dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan dan mampu menghadapi cabaran-cabaran untuk merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah pusat pemprosesan dan perdagangan koko yang penting di rantau ini. Dengan tercapainya hasrat ini dan perkembangan industri koko negara yang lebih teratur maka industri koko dipercayai akan dapat memainkan peranan yang lebih bermakna dalam proses pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 1988 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Beluran.

**11.30 pagi.**

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahas pindaan terhadap Akta Lembaga Koko Malaysia ini. Koko merupakan eksport ketiga pertanian negara yang penting selepas kelapa sawit dan juga getah. Tetapi seperti yang dimaklumkan tadi, hakikatnya industri koko pada ketika ini sedang menghadapi satu peringkat kelembapan disebabkan oleh harga yang kurang memuaskan dan juga saingan yang hebat daripada penanaman kelapa sawit itu sendiri.

Seperti yang dijelaskan tadi, hakikat yang dihadapi oleh penanaman koko di negara begitu berkurangan sekali dan kalau kita tengok daripada hektar keluasan tanaman telah berkurangan daripada 414,000 hektar kepada 77,000 pada tahun 2000 berbanding dengan 10 tahun yang lalu. Hakikat pengurangan kawasan tanaman koko ini, Tuan Yang di-Pertua, maka pengeluaran koko itu sendiri telah begitu banyak sekali menurun. Sepanjang 10 tahun lebih kurang sepertiga, 243,000 tan metrik mampu dikeluarkan pada tahun 1990 dan pada tahun 2000 yang lalu ini cuma sekadar 70,000 tan mampu dikeluarkan oleh penanam-penanam koko di seluruh negara.

Keseluruhannya, disebabkan oleh pengurangan di dalam pengeluaran dan disebabkan oleh pengurangan di dalam harga koko itu sendiri di pasaran antarabangsa maka industri ini seakan-akan menghadapi masa depan yang malap, yang tidak mampu untuk bersaing dengan penanaman tanaman-tanaman yang lain seperti kelapa sawit dan juga getah. Antara yang terlibat, Tuan Yang di-Pertua, antara yang paling terlibat dikesani oleh kemalapan industri koko ini adalah pekebun-pekebun kecil itu sendiri. Saya melihat bahawa pada tahun 1990 umpamanya, pekebun kecil terdiri daripada 37% keseluruhan penanaman koko. Pada tahun 2000 ini apabila estet-estet besar mula menebang pokok koko mereka dan menggantikan dengan tanaman kelapa sawit, pekebun kecil merupakan penanam yang besar yang terdiri daripada 51% daripada keseluruhan penanam-penanam koko seluruh negara ini berbanding dengan 49% terdiri daripada estet pada tahun 1990.

Ini menunjukkan keseluruhannya, kemalapan industri koko ini pekebun kecil akan merasa kesan yang begitu berat sekali. Jadi, saya ingin tahu sesuai dengan proses pemindaan Akta ini, apakah rancangan-rancangan kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil ini secara terus seperti yang dilakukan oleh kerajaan untuk industri pekebun-pekebun kecil kelapa sawit. Maka saya ingin tahu apakah bentuk

bantuan, bentuk insentif yang mampu diberi oleh kerajaan untuk membantu nasib pekebun-pekebun kecil koko di seluruh negara yang sedang menghadapi tekanan ekonomi yang begitu hebat sekali akibat oleh kemalapan industri koko negara sekarang?

Dasar kerajaan untuk membuka pengimportan benih koko daripada luar, saya rasakan bahawa satu pendekatan baru harus dibuat dan perlu bagi kerajaan untuk memperluaskan pengimportan atau membenarkan pengimportan benih-benih koko kering ini untuk dibawa dan dibekalkan kepada pengisar-pengisar koko di seluruh negara. Hakikatnya bahawa pengeluaran koko, keluasan tanaman koko berkurangan dan pengurangan koko itu sendiri berkurangan maka kapasiti untuk kita mengisar benih koko-koko untuk dibekalkan kepada pengisar-pengisar juga menghadapi masalah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, keadaannya sekarang bukan sahaja pekebun kecil, soal ekonomi mereka tetapi soal-soal pengisar-pengisar koko itu juga menghadapi tekanan yang hebat akibat oleh kemalapan industri koko sekarang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu seperti yang saya katakan tadi, dasar kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil koko dan juga sama ada keterbukaan kerajaan untuk membawa lebih banyak, membawakan lebih banyak pengangkutan benih koko ini daripada negara-negara pengeluar yang lain untuk membekal keperluan untuk pengisar-pengisar keseluruhan koko di negara kita.

Saya berbincang dengan beberapa ……

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran. Nampaknya Yang Berhormat bagi Beluran amat mengetahui tentang isu industri koko dan hujah-hujah bernas yang dikemukakan kepada Dewan ini, saya mengucapkan syabas. Ini menunjukkan standard, kualiti perbahasan di kalangan ahli Parlimen amat tinggi sekali kalau dibandingkan, kita kena lupakan tuduhan sebelah sana. Dia dalam ceramah dia, di kawasan dia, menuduh bahawa standard perbahasan ahli Parlimen Barisan Nasional ini amat rendah, yang tingginya hanya dia orang, PAS sahaja. Ini jelas tidak benar. Dia bercakap di luar Dewan, di dalam Dewan dia tidak berani menuduh bahawa standard perbahasan ahli Parlimen kita semuanya baik dan cemerlang sekali.

Yang Berhormat bagi Beluran, saya minta pandangan. Dahulu bila harga kelapa sawit amat tinggi dan satu *shift* penukaran dari segi penanam-penanam koko mengubahkan peranan tanah-tanah mereka itu, di tanam dengan diganti dengan

kelapa sawit. Oleh itu, turun dari segi ekar tanaman koko di negara kita. Sekarang ini dengan harga kelapa sawit yang menurun, bagaimana keadaan akan datang? Adakah kerajaan, pandangan Yang Berhormat bagi Beluran, kerajaan kena ada satu dasar yang panjang bahawa the short term turun naik harga itu sebagai satu yang kita perlu atasi sebagai pendekatan short term - jangka pendek tetapi kita mesti ada jangka panjang, peratusan penyertaan atau komposisi tanaman koko ini dari segi *vis-a-vis* tanaman kelapa sawit di negara kita.

Saya minta adakah pandangan Yang Berhormat, mesti ada satu jangka panjang dari segi pengkhususan atau penumpuan industri pertanian negara kita, berapa peratus patut diberi, dibangun untuk koko dan berapa peratus juga ditumpukan kepada koko? Sebab ada pandangan daripada pasaran mengatakan bahawa bila mereka menebang pokok-pokok koko ditanamkan kelapa sawit, ini mungkin salah satu unsur yang membuatkan bekalan kelapa sawit di pasaran meningkat sehinggakan harga itu menurun. Bermakna elok kita *shift* kembali supaya mereka yang ada kepakaran dalam bidang koko *stick to cocoa* supaya kita mesti menguasai prasarana kelapa sawit supaya bekalan kelapa sawit dalam pasaran itu diletakkan pada paras supaya boleh menguasai penurunan harga kelapa sawit.

Ini saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat bagi Beluran, tentang isu tumpuan negara kita sebagai satu dasar nasional, bagaimana tumpuan kita dari segi tumpuan kita daripada industri koko *vis-a-vis* kepada dasar kita dari segi penanaman kelapa sawit? Imbangan kaedah antara dua itu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Beluran?

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rompin. Satu ketika dahulu apabila harga koko begitu tinggi sekali, kita nampak kawasan koko – pelabur-pelabur begitu banyak sekali melabur di dalam penanaman koko dan pengisar-pengisar, pengilang koko begitu *mushrooming* pada ketika itu. Tetapi apabila koko menurun dan kelapa sawit pula meningkat, pelabur-pelabur mula mengalihkan tanaman mereka kepada kelapa sawit.

Jadi, saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Rompin bahawa perlu ada satu pendekatan oleh kementerian tentang strategi untuk mengimbangi, dengan izin, *there must be a sustainable production, sustainable cocoa growing*, harus dilaksanakan, dengan izin, harus dilaksanakan oleh kementerian ataupun kerajaan itu sendiri. Dalam konteks ini, saya kira bahawa polisi kerajaan untuk mempasis kepada *mono cropping*, harus dikaji dan mungkin jika perlu satu polisi,

satu dasar untuk menggalakkan penanaman berbilang tanaman digalakkan untuk semua pelabur-pelabur.

Saya ingin meneruskan, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya maklumkan tadi saya terbaca satu artikel, satu seminar (*conference*) yang telah diadakan di Panama oleh satu institut yang dinamakan sebagai Smith Sonia Institute di mana mereka telah mencuba untuk mengetengahkan penanaman pokok ini secara mapan iaitu *sustainable cocoa growing* (SGC) yang dikatakan boleh membantu pengeluaran koko itu sendiri di samping mengimbangi ekosistem hutan dan juga boleh membantu terutama pekebun kecil koko.

Antara program-program yang dirancang di dalam *sustainable cocoa growing* ini atau penanaman koko secara mapan adalah terhadap *cocoa agro-ecology, cocoa planting programme, cocoa smallholder economy programme, cocoa integrated crop management dan juga cocoa grading programme.* Saya tertarik dengan kertas kerja seminar ini dan saya yakin bahawa pegawai-pegawai kementerian juga membaca, mengetahui dan juga menyedari tentang *conference* ini dan tentang penanaman koko secara mapan.

Dalam konteks ini saya ingin tahu sejauh manakah negara kita terlibat dalam penanaman koko secara mapan ini dan sejauh manakah program-program yang saya sebutkan tadi yang telah dibentangkan di dalam *conference* tersebut boleh digunapakai untuk membantu menggalakkan dan meningkatkan pengeluaran koko negara secara terus untuk membantu pekebun-pekebun kecil yang terdiri daripada lebih kurang 100,000 pekebun kecil di seluruh negara yang sedang menghadapi masalah ekonomi disebabkan oleh kelembapan industri koko pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, disebutkan oleh Timbalan Menteri bahawa pendekatan sedang diambil dalam meningkatkan industri hiliran koko. Dan disebutkan bahawa di samping *beverage* dan juga makanan, banyak produk yang boleh dibuat daripada koko ini. Kalau kita lihat koko mengandungi daripada nut koko itu dia punya *shelf*, *cocoa nuts* ini mengandungi *'glyceride'* yang dipanggil sebagai *'ochonin'* dan daripada minyak yang boleh diasingkan dengan menggunakan tekanan hidraulik kepada ochonin ini ianya boleh digunakan untuk pengeluaran lilin umpamanya ataupun keseluruhannya untuk *illuminating process purposes* dan juga pembuatan sabun.

Saya juga membaca bahawa di samping *illuminating purposes* ini, di samping lilin, di samping membuat sabun, *cocoa nut* itu juga setelah diproses boleh

digunakan untuk membuat *salad dressing*. Ini bererti, Tuan Yang di-Pertua, ada unsur-unsur hiliran yang boleh kita perbaiki dan perbesarkan untuk membantu industri ini di samping koko digunakan sebagai beverage dan bahan makanan ataupun perisa dalam makanan tetapi industri produk-produk hiliran boleh diperbesarkan dan boleh dipertingkatkan untuk membantu industri ini.

Saya ingin tahu sejauh mana R&D kita terhadap industri hiliran yang boleh diambil ataupun dibuat daripada koko ini sendiri dan apa usaha kerajaan. Kita lihat bahawa beverage seperti MILO umpamanya sering kali dikaitkan dengan minuman untuk bersukan tetapi pada keseluruhannya coklat *associated* dikaitkan dengan orang-orang muda dan minuman MILO dikaitkan dengan ahli-ahli sukan sahaja. Pada keseluruhannya penggunaan produk bahan koko itu sendiri baik minuman (*beverage*), makanan adalah pada tahap yang tidak begitu luas sekali pada ketika ini di kalangan rakyat Malaysia ini. Apakah usaha kerajaan untuk mempopularkan produk-produk koko seperti *beverage* dan makanan ini di kalangan rakyat Malaysia keseluruhannya.

Saya yakin bahawa kementerian boleh memulakan sesuatu dengan banyak. Ketika harga koko sekarang ini begitu rendah sekali pada kadar RM3,700 ke RM4,000 satu tan jika dibandingkan dengan harga sebelumnya. Tetapi bila kita lihat produk makanan seperti coklat umpamanya di pasaran dia tidak menampakkan sebarang penurunan yang begitu drastik dibandingkan dengan penurunan harga koko itu sendiri. Kalau harga koko begitu rendah dibandingkan dengan 10 tahun yang lalu tetapi jika kita bandingkan harga produk koko seperti coklat, dia tidak menampakkan sebarang pengurangan yang seimbang malah ada peningkatan di dalam harga coklat sepanjang 10 tahun yang lalu.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat bagi Beluran tentang harga koko. Minta penjelasan, bagaimana harga pasaran kalau dibandingkan *cost of production*nya, dengan izin, harga kita menanam, menuai dan menghantar ke kilang, harga pasaran dengan harga kos pengeluaran ini. Adakah ia menghadapi masalah yang sama seperti di industri kelapa sawit. Harga kos kelapa sawit yang saya ketahui ialah lebih kurang RM650 ke RM700 cost of production. Kalau kos pasaran lebih daripada RM700, Alhamdulillah, lebih daripada *cost production*, dengan izin. Tetapi macam mana kaedah di industri koko pula harga pasaran dengan harga kos untuk

menanam, menuai dan menghantar ke kilang itu bagaimana imbangan harga kos pengeluaran dengan harga pasaran.

**Tuan Ronald Kiandee:** Saya tidak ada data ataupun in a position pada ketika ini untuk mengetahui tetapi harga kelapa sawit seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin lebih kurang RM700 setan merupakan antara marginal harga yang boleh membawa keuntungan kepada peladang-peladang kelapa sawit. Tetapi pada kadar RM3,700 setan ke RM4,000 saya difahamkan oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian merupakan harga yang minimum dan jika tidak ada masalah perosak, masalah jangkitan penyakit dan sebagainya harga tersebut masih boleh seimbang dan boleh memberikan keuntungan kepada penanam-penanam koko tetapi marginnya adalah terlalu kecil.

Jadi saya katakan tadi harga coklat umpamanya saya mengajak kementerian untuk melihat keadaan ini sama ada kementerian dapat melakukan sesuatu harga penurunan koko 10 tahun yang lalu sehinggakan harga produk koko itu begitu meningkat, tidak ada penurunan dan tidak membayangkan keseimbangan antara koko dengan produk-produk koko itu sendiri.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah membuat begitu banyak penyelidikan (*research*) terhadap koko sepanjang koko dibawa ke Malaysia ini dan saya yakin bahawa sudah banyak wang telah digunakan untuk membuat R&D terhadap koko ini. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, bila kita berhadapan dengan mereka yang terdapat dalam industri koko ini seringkali kita dibayangkan bahawa koko merupakan tanaman yang begitu berisiko tinggi. Masalah-masalah penyakit yang dihadapi oleh jenis tanaman ini begitu tinggi jika dibandingkan dengan kelapa sawit ataupun dengan getah dan sebagainya.

Jadi saya ingin tahu sejauh mana penyelidikan telah dibuat oleh kementerian, agensi-agensi kementerian dalam menyelesaikan masalah penyakit-penyakit yang dihadapi oleh industri koko ini. Masalah-masalah koko Borers, umpamanya, masalah jangkitan yang begitu di'*associate*'kan dengan *the whole industry*, dengan izin, masih lagi merupakan satu masalah yang belum dapat diselesaikan dan dielakkan oleh penanam-penanam koko ini. Ini membuatkan industri koko itu sendiri sebagai satu industri yang high risk, sebagai satu industri yang tinggi sensitivitinya dan perlu dijaga dibandingkan dengan penanaman kelapa sawit dan penanaman-penanaman lain. Jadi saya ingin tahu R&D kementerian dan agensi-agensi kementerian dalam menangani masalah yang di'*associate*d'kan dengan koko ini.

Menyentuh tentang pindaan yang dibuat, saya ingin merakamkan sokongan terhadap pindaan ini dan saya merasakan bahawa perlu untuk pindaan dibuat agar semua perkara yang berkaitan dengan koko jatuh kepada satu agensi iaitu Lembaga Koko Malaysia. Saya yakin bahawa pindaan ini akan merangsang dan akan dapat membantu dalam penyelidikan dalam membawa industri koko itu sendiri ke tahap yang lebih tinggi.

Secara khususnya saya ingin bertanya tentang rasional pindaan terhadap perkara 26 yang dibawa oleh kementerian ini iaitu bagi memasukkan fungsi dan kuasa FAMA yang terdapat dalam Akta Pemasaran Pertanian Persekutuan yang berkaitan dengan koko. Saya ingin tahu adakah rangkaian LKM yang ada sekarang ini mampu menangani dan melaksanakan fungsi-fungsi yang telah dilaksanakan oleh FAMA sebelum ini ataupun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian sebelum ini. Jika kita lihat Jabatan Pertanian di antara agensi yang telah sekian lama membuat research, membuat perkara-perkara yang berkaitan dengan koko di negara kita. Begitu juga dengan MARDI kita lihat bahawa ada pegawai-pegawai yang sejak mula mereka bekerja mereka merupakan pekerja yang mengendalikan tentang masalah-masalah koko, membuat penyelidikan tentang koko dan dengan adanya pindaan ini bererti semua perkara tentang koko akan dibawa kepada LKM.

Jadi persoalan saya sama ada LKM itu mampu untuk melaksanakan tanggungjawab ini untuk meneruskan usaha penyelidikan terhadap koko ini dan untuk menentukan bahawa masalah koko dan penyelidikan tentang koko itu dapat ditingkatkan di bawah LKM. Dan dalam konteks yang sama saya ingin tahu tentang masa depan kakitangan yang telah terlibat di dalam Jabatan Pertanian umpamanya di dalam FAMA yang saya katakan tadi telah sekian lama terlibat dalam koko, apabila pindaan 26 ini dibuat apakah masa depan mereka, adakah *seniority* mereka itu akan dikekalkan apabila dipindahkan ke LKM ataupun adakah mereka diberi option untuk kekal dalam MARDI ataupun untuk pinda di dalam LKM. Perkara-perkara ini saya rasa perlu penjelasan dan perlu ditangani agar mereka yang melakukan research terhadap koko mempunyai motivation yang lebih untuk meneruskan research di dalam LKM kelak.

Dalam konteks R&D, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu sama ada kementerian berhasrat untuk mengkomersialkan R&D yang telah dicapai didapati daripada penyelidikan-penyelidikan yang telah dibuat selama ini sama ada di dalam MARDI ataupun di dalam Jabatan Pertanian. Saya yakin bahawa banyak

penyelidikan yang telah diperolehi hasilnya dan jika kita simpan *research* ini dan tidak dapat dimanfaatkan oleh pekebun-pekebun kecil ataupun pengusaha-pengusaha ladang koko ianya tidak akan memberi sebarang tambahan *advantage* kepada mereka. Di samping digunakan untuk peladang-peladang ini sama ada research ini boleh dikomersialkan oleh Lembaga Koko Malaysia itu sendiri kelak kerana saya yakin jika di'*research*'kan bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada penyelidik-penyelidik yang lain tetapi pada masa yang sama ianya memberi pulangan wang kepada LKM jika ianya dapat dilaksanakan.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan ini dan saya yakin pindaan ini akan memberi satu nafas baru kepada industri koko itu pada keseluruhannya. Pindaan ini begitu sesuai dan tepat masanya kerana pada ketika ini seramai 100,000 pekebun kecil sedang menghadapi masalah ekonomi disebabkan oleh kejatuhan harga dan sebahagian besar daripada pengilang-pengilang, pengisar-pengisar menghadapi masalah kekurangan benih untuk dikisar. Dan saya yakin dan percaya bahawa pindaan ini mampu untuk menggalakkan semula perkembangan industri koko keseluruhannya.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Bandau.

**11.55 pagi**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang bagi saya memberi sumbangan buah fikiran kepada Rang Undang-undang yang di atas meja mesyuarat yang bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya pihak kita menyokong cadangan-cadangan yang dibentangkan di Dewan yang mulia pada hari ini untuk melakukan beberapa pemindaan kepada Akta Lembaga Koko Malaysia yang pertamanya dibentuk pada tahun 1988. Semenjak itu belum ada apa-apa perubahan seterusnya. Pandangan kita adalah perubahan-perubahan yang dicadangkan mengikut fasal-fasal yang tertentu itu adalah tepat pada masa dan sesuai dengan perubahan-perubahan yang sedang berlaku di dalam sektor komoditi seluruh dunia, khususnya dalam sektor industri koko dan yang lebih penting lagi berdasarkan kepada perkembangan bagi sektor koko di negara Malaysia pada zaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan sekadar meminta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai beberapa fakta berkaitan dengan perkembangan terkini berkenaan industri ini. Kerana Tuan Yang di-Pertua, semenjak akta ini dimaktubkan pada tahun 1988 memang pada mulanya lembaga bertindak dengan begitu pantas, berapi-apian dan kelihatan *output* ataupun hasil tugas-tugas lembaga dan kakitangannya dari segi peningkatan pengeluaran koko, kualiti dari segi hasil penyelidikan seterusnya. Tetapi di dalam lima tahun ini seolah-olah sektor koko ini sudah menjadi sektor yang tidak dipedulikan. Begitulah anggapan pihak umum, investor termasuk bagi sektor ini. Ini satu imej dengan izin yang menyedihkan dan ini juga satu pandangan yang begitu luas bahawa sektor koko ini adalah satu *sunset industry,* dengan izin.

Saya sebagai latar belakang dalam sains pertanian saya sendiri berpendapat bahawa ini tidak tepat. Kita berpendapat bahawa sektor pengeluaran koko ini mestilah satu sektor yang boleh diperluaskan, boleh dipertahankan sekurang-kurangnya demi dari segi strategi, *diversification* dengan izin hasil-hasil pertanian negara. Tetapi malangnya dalam lima tahun Tuan Yang di-Pertua, begitulah pandangannya. Bahawa sektor koko ini satu industri yang *sunset,* dengan izin. Satu sektor yang seolah-olah ketinggalan dari segi prioriti kerajaan. Barangkali ini kementerian tidak setuju, tetapi inilah imej sektor ini pada masa kini. Apatah lagi lima tahun yang dahulu, usaha begitu gigih ditumpukan dari segi perkembangan sektor kelapa sawit. Maka para-para pelabur dalam sektor ini, para-para korporat, syarikat-syarikat besar yang menanam begitu luas kawasan koko termasuk juga pekebun-pekebun kecil menangkap gambaran yang sama.

Maka dalam tempoh itu banyak kawasan-kawasan ladang koko yang besar-besaran ditebang, ditumbangkan dan ditanamkan dengan tanaman kelapa sawit khususnya di negeri Sabah. Dari segi itu ladang-ladang yang dahulu begitu terkenal sekali sebagai ladang pengasas, pertumbuhan sektor koko di negeri Sabah diganti dengan begitu sekelip mata cepatnya dengan tanaman-tanaman kelapa sawit. Sekarang apabila tanaman kelapa sawit menghadapi masalah penurunan hasil dan penurunan harga maka barulah pihak syarikat menyesal dan orang-orang *smallholder*, orang kampung mulai membuka dan membersihkan ladang koko yang dua tiga ekar itu dan kasihan saya lihat mereka Tuan Yang di-Pertua.

Kerana penjagaan yang tidak rapi, perancangan yang tidak kemas apabila kita dalam keadaan krisis baru kita bangun kembali untuk mencari nafkah yang

dikatakan koko lebih bagus pula daripada kelapa sawit. Sekurang-kurangnya harga pada setakat ini dalam kadar RM3,700 di bawah paras RM4,000 pun cukup lumayan. Ini adalah kos dari segi estate kira-kira RM2,000 satu tan. Kos pekebun-pekebun kecil, *smallholder* dengan izin dianggar kira-kira RM1,500 satu tan. Dalam soal kos pada nilai harga pada saat ini sebenarnya cukup lumayan. Masalahnya jumlah kawasan yang ada sekarang ini barangkali sekadar 130,000 hektar sahaja yang ada. Jumlah pengeluaran di dalam negeri tidak boleh menampung sebenarnya keperluan kilang-kilang pengisar untuk mengisar hasil koko.

Maka pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, sektor ini dalam keadaan yang seolah-olah tidak berapa dipedulikan. Ia dalam keadaan yang di atas saingan tanaman kelapa sawit dalam sepuluh tahun yang lalu khususnya, dia menjadi *forgotten crop,* dengan izin. Saya bercadang di awal dalam penyampaian saya ini mengatakan bahawa sektor ini perlu diberi tumpuan yang baru, sektor ini perlu di*revitalize* dengan izin, sektor ini perlu diperbaiki dari segi imejnya dan sektor ini perlu diberi tumpuan dari segi peruntukan-peruntukan kewangan khususnya dari segi strategi kerajaan dan negara untuk mempelbagaikan hasil pertanian negara, dengan izin, *it is useless to concentrate on one or two product only* seperti mana yang dilakukan dalam sepuluh tahun yang lalu, kelapa sawit, kelapa sawit?

Apabila kita dalam keadaan sekarang dan sering kali kalau di negeri Sabah di tempat-tempat yang jauh dari kilang RM68 satu tan FFB. Bagaimana boleh *survive*, dengan izin, boleh hidup. Kelapa sawit, koko masih dalam paras melebihi RM3,000 satu tan sebenarnya dalam paras yang masih menguntungkan. Tetapi baru dalam enam bulan ini orang bertempiaran membersihkan semula ladang. Yang lebih menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, khususnya di negeri Sabah dahulu ladang-ladang koko yang besar, ditebang, dibersihkan untuk tanaman kelapa sawit dengan begitu pantas dan cepat. Maka *genetic content*, bahan-bahan genetik yang begitu penting sekali pun ikut dibakar, ditebang dan diganti dengan tanaman kelapa sawit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kangar bangun.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Yang Berhormat bagi Bandau pohon penjelasan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, Tan Sri, Yang Berhormat kawan saya bolehlah, bapak.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat bagi Bandau. Adakah maksud Yang Berhormat kerana terbukti dalam sejarah bangsa Malaysia mampu menanam getah, mampu menanam teh, mampu menanam kopi, mampu menanam kelapa sawit, mampu menanam koko dan terbukti bukan sahaja mampu menanam malah boleh menjadikan tanaman masing-masing sebagai industri yang berwibawa. Maka, adakah maksud Yang Berhormat masanya sudah tiba kerajaan selaku pemerintah dalam Dasar Pertanian Negara menetapkan *'crop mix'*, dengan izin yang menjadi pokok kepada strategi memelihara sektor ekonomi di masa depan negara. Maksud saya sekali lagi adakah harus kerajaan sama ada melalui undang-undang atau dasar-dasar tertentu menetapkan *'crop mix'* yang baik bagi masa depan negara. Terima kasih.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Tan Sri. Ya saya setuju sekali. Saya percaya pada masa Yang Berhormat menjadi Menteri Besar Perlis dahulu pun inilah jalan yang terbaik sebenarnya, *diversification,* dengan izin. Masalah negara kita Tuan Yang di-Pertua, ialah kita minat untuk mencari sektor-sektor baru – ini syukur dan kita katakan tahniah. Tetapi ketahanan itu adalah tidak ada, seringkali pindah randah dan apabila ada cabaran saya katakan tadi, apabila tidak ada pilihan baru berpusing, putar balik kembali kepada sektor yang sebenarnya dengan izin telah *'proven'* sebagai *'stayer'* dan boleh menguntungkan. Saya setuju saya rasa ini kembali kepada proses *diversification* dari segi tanaman-tanaman industri pertanian dan juga tanaman-tanaman makanan khususnya yang boleh dikendalikan oleh para pekebun kecil. Malangnya seringkali kita kembali kepada putaran selepas sepuluh tahun banyak masa sudah hilang dan saya rasa Yang Berhormat Tan Sri pun setuju dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan. Maka di dalam perkara ini perlulah melalui harapan kita, melalui akta dan perubahan-perubahan kepada Akta Lembaga Koko yang dilakukan pada hari ini akan meningkatkan semula imej sektor ini dan dengan itu mengembalikan peranannya yang sejajar dengan apa yang dimaktubkan dalam akta asal dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, pada saat ini saya ingin pihak kementerian mengumumkan pada Dewan yang mulia ini sebab laporan terkini yang terdapat daripada Jabatan Pertanian Negeri Sabah ataupun Semenanjung dan juga

Lembaga Koko Malaysia tiga tahun kebelakangan juga. Kita tidak dapat maklumat yang terkini, kalau dari segi perancangan syarikat yang ingin melabur tiga tahun ini tidak ada erti. Walaupun statistik pertanian pada dasarnya tidak banyak berubah barangkali pada setiap tahun, 10% sampai 20% tetapi tidak membantu orang kita untuk membuat perancangan. Maka dalam perkara ini berapa luas tanaman koko negara pada saat ini. Berapa yang didapati daripada negeri Sabah khususnya dan kalau boleh melihat trend pengurangan kawasan di peringkat negeri Sabah yang dahulu terbesar hampir 80% tanaman kelapa sawit negara kita adalah terletak di negeri Sabah, pada waktu tahun hujung 70-an, awal 80-an.

Tetapi selepas itu saya katakan tadi setelah penebangan di sana sini genetik-genetik yang begitu penting turut hilang bersama, maka, saya ingin mengetahui berapa keluasan terkini, berapa pengeluaran yang terkini, berapa hasil pendapatan negara terkini daripada sektor ini dan dari segi kapasiti kilang-kilang setakat berapa peratus yang digunakan setakat ini. Supaya kita melihat, dengan izin, *under used* dan seterusnya juga perkembangan terkini dari segi pasaran-pasaran di mana yang dikatakan oleh pihak kementerian mempunyai pasaran yang masih luas untuk diperkembangkan.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, fakta-fakta dan data ini perlu untuk memberi gambaran adakah tanaman ini mempunyai masa depan atau tidak, dengan izin, *this the crop cocoa still as a future*. Kita perlu memaparkan data-data ini untuk memberi gambaran, memberi nafas baru kepada sektor ini. Sebab kalau tidak maka perubahan-perubahan kepada akta yang dibentangkan pada hari ini tidak akan menambah keberkesanan lembaga untuk menjalankan tugas-tugas di bawah akta ini.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh:** Yang Berhormat minta penjelasan sekali lagi. Bolehkah saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Menjawab soalan, *"Does it have a future",* dengan izin, adakah ianya dalam konteks dekad 10 tahun ataupun lebih baik dalam konteks 30-40 tahun. Jadi, bila kita cuba jawab soalan, *does a crop have a future,* dengan izin, kita tak seharusnya fikir dalam jangka masa 10 tahun sahaja.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Dengan itu saya ingin kementerian menjawabnya. Saya tidak ada peluang menjadi Menteri untuk menjawab jadi saya hanya menyokong dan setuju dengan pandangan Yang Berhormat Tan Sri bahawa apabila mengkaji ada *future* atau tidak, dengan izin, kita

perlu melihatnya dari segi jangka panjang. Pandangan saya dari segi peribadi sebagai Wakil Rakyat Bandau ialah selagi orang makan coklat dan selagi kita belum menembusi pasaran khususnya negeri Cina, peluang itu masih ada untuk mempertingkatkan peranan sektor ini di dalam ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, maka di dalam soal ini saya ingin juga bertanya kepada pihak kementerian apakah tindakan-tindakan yang telah dilakukan untuk memastikan supaya bahan-bahan genetik ini telah diselamatkan dan dilindungi khususnya hasil penebangan begitu luas sekali, kawasan-kawasan koko di negeri Sabah dalam 8, 10 tahun yang baru lalu itu. Saya melihat kawasan yang begitu terkenal dahulu, pusat lawatan pakar-pakar penyelidik dari peringkat antarabangsa sekarang tidak banyak yang dapat dilihat, sekadar kelapa sawit di sini- sana yang merosot teruk yang di mana terkecuali orang yang tidak ada pinjaman daripada bank barangkali boleh senyum. Tetapi semua yang ada pinjaman daripada bank hampir mati dari segi perjalanan syarikat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini juga saya mahu katakan di sini bahawa ada juga syarikat-syarikat penanam koko yang begitu pintar sekali. Orang lain dia tebas, tumbang dan dia kumpul dan bakar selepas tiga bulan kemudian masuk benih-benih kelapa sawit tetapi ada juga beberapa syarikat yang pintar. Mereka tidak terus membersihkan semuanya, mereka sekadar mengurangkan koko mereka dan menanam kelapa sawit di antara baris-baris, bukan Barisan Nasionallah di antara baris-baris.

Barisan Nasional inipun sekarang banyak masalah, jadi tidak banyak mahu menceritakan baik tetapi baris-baris tertentu, dengan izin, dan mereka tanam kelapa sawit. Dalam masa empat tahun masih lagi boleh mengutip hasil koko, melalui *inter-cropping,* dengan izin. Ini satu *agronomic practice,* dengan izin, yang cukup pintar. Sekarang mereka ini senyum kerana sambil menunggu tanaman hasil kelapa sawit mereka masih boleh mengutip hasil koko dan boleh membiayai bayaran ataupun kos buruh dan masih menguntungkan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ini TNB hendak ikut tanam koko balikkah? *[Ketawa]* Kalau boleh saya sokong supaya melabur dalam penanaman sektor ini, terima kasih. Dipersilakan.

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Terima kasih. Sungguh bernas Yang Berhormat berhujah, agak intelektual juga perbahasannya, syabas.

Saya dan untuk TNB kita akan terus dalam *core* perniagaan kita, industri kuasa, tidak akan berubah kepada sektor-sektor yang lain. Saya hendak bertanya sedikit Yang Berhormat, sebab dalam proses kita *intellectual discourse* ini, dengan izin, kita tidak boleh hendak keluar daripada industri koko kerana ini industri tanaman negara kita. Mungkin yang kita perlu rancang ialah dari segi melibatkan penggunaan tempatan itu dari segi industri koko itu sendiri mesti ditingkatkan.

Macam tadi, ada pandangan mengapa kalau kita hendak pasarkan promosi minum koko kita hanya kepada semasa sukan-sukan sahaja? Mungkin masa Parlimen, mengapa tidak kita minta mereka sediakan minum koko di Parlimen? *[Ketawa]* Mungkin kita kena lihat kembali daripada isu pemasaran dan promosi produk itu sendiri. Mungkin pelannya sudah lama sepuluh tahun, tidak diadakan pelan baru. Sebab saya melihat di negara lain, macam di Thailand. Mengapa mereka boleh mempromosi produk-produk pertanian lebih baik sehinggakan sekarang ini boleh beli durian Thailand di London tetapi durian Malaysia tidak dipasarkan di London. Mungkin isunya pemasaran, *packaging, advertising* membawa produk itu kepada dunia yang global. Mengapa kita pasarkan di pasaran tempatan kita sahaja?

Saya minta supaya walaupun Yang Berhormat ada peluang dahulu semasa parti Yang Berhormat menguasai Kerajaan Sabah tetapi pada ketika itu Yang Berhormat lebih tertumpu lebih kepada politik, tidak dapat membangunkan industri koko tetapi kalau diberi peluang kedua untuk menguasai Kerajaan Sabah itu tidak mungkin berlaku tetapi di Dewan yang mulia ini sebab idea Yang Berhormat itu baik. Sebab apa saya kata begitu sebab PBS tinggal dua kerusi sahaja di Sabah, tidak mungkin dapat kembali menguasai Sabah tetapi idea Yang Berhormat baik mungkin dapat berkongsi, boleh juga pihak kementerian menggunakan buah pemikiran yang baik daripada Yang Berhormat sendiri.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, itulah Yang Berhormat Rompin ini perlu pengalaman yang lebih luas lagi, jangan pandang di Rompin sahaja, hendak selalu pergi tengok masalah TNB di Sabah dan melihat juga petani-petani kecil kita. Terima kasih atas keyakinan bahawa PBS boleh memerintah. *[Ketawa]* Dahulu saya masih mengajar di UPM walaupun semua kita ada *input* di dalam soal sektor ini. Itu saya akan masuk, Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah sekarang yang dihadapi oleh Lembaga. Antaranya seminar-seminar koko tidak lagi banyak kedengaran. Pameran-pameran, dahulu di hotel-hotel tertentu kalau ada

seminar antarabangsa, ada *Cocoa Board* untuk pameran tersendiri dan seterusnya. Saya difahamkan koko ini banyak khasiat-khasiat yang lain yang boleh didapati dan pada saat ini sektor *herbal medicine,* dengan izin, antara sektor yang seluruh dunia begitu minat sekali dan dia boleh masuk dalam ruang ini kalau dia tidak boleh dimasukkan dalam ruang *chocolate good health drink*, begitu.

Jadi antara masalah yang dihadapi oleh sektor ini, seminar-seminar pun kurang, pameran-pameran pun kurang, pengeluaran penyelidikan pun sukar diperolehi. Seminar-seminar di kalangan pekebun kecil pun seringkali tidak kedengaran, hanya tahun lalu, bulan sepuluh di kawasan Bandau, tidak jauh dari Kota Marudu, Jabatan Pertanian mengumpul beberapa orang untuk memberi taklimat suruh tanam koko balik. Ini sudah berapa tahun, mana ada kawasan koko? Dahulu ada tetapi tidak dipedulikan kerana tidak ada tindakan yang menyeluruh, Tuan Yang di-Pertua.

Harus pihak kerajaan, pihak Lembaga menentukan setiap tahun berapa strategi matlamat, seperti objektif. Katakan pasti bendera Malaysia akan mempertahankan 130,000 hektar dan boleh menentukan di manakah tempat-tempat ini sebagai satu jentera, sebagai satu *instrument,* dengan izin, untuk membasmikan kemiskinan khususnya di kalangan pekebun-pekebun kecil sebab di negeri Sabah dahulu, di Beluran, di Sandakan, di Lahad Datu, di Kota Marudu - tempat kami sendiri di Tenom, pekebun-pekebun kecil banyak dan ini satu tanaman yang *neutral to scale,* dengan izin, bukan seperti kelapa sawit, tidak ekonomi kalau kelapa sawit bagi pandangan saya kurang daripada 15 ekar dan kalau jauh daripada tempat ke perkilangan, tidak guna untuk ditanam. Tetapi, dengan izin, *this crop is neutral to scale.* Tiga ekar satu keluarga pun cun kalau ada pasaran di kawasan pekan tersebut khususnya melalui FAMA yang aktanya akan diubah juga untuk memasukkan supaya tanggungjawab itu diambil oleh Lembaga Koko melalui akta ini, maka ini sebenarnya yang boleh diperluaskan.

Masalahnya, Tuan Pengerusi, ialah ia bukan satu *crop*, satu tanaman yang bukan senang juga diusahakan kerana serangan-serangan daripada perosak-perosak dan juga perlu pengurusan yang begitu pintar ataupun memerlukan kerajinan daripada pihak penanam. Tetapi ini boleh diajar kepada petani-petani tertentu dan saya berharap supaya pihak kementerian dan pihak Lembaga mulai berfikir balik dalam bentuk ini yang menentukan berapa strategi subjektif dari segi

pengeluaran dan tanaman dan menggunakan tanaman ini sebagai satu bahan pengurangan kemiskinan untuk penanam-penanam pekebun kecil.

Mereka mengatakan bahawa barangkali tidak banyak bumiputera dalam sektor ini maka inilah sebabnya sektor ini tidak dipedulikan, kemungkinan, tetapi kalau di negeri Sabah *smallholders* ataupun penanam pekebun kecil adalah terdiri daripada orang-orang bumiputera yang majoriti sebenarnya berada dalam paras rakyat miskin, bukan termiskin tetapi golongan keluarga miskin. Maka, dalam perkara ini perlulah diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam soal penyakit yang menyerang tanaman ini, dikatakan bahawa dia ada banyak masalah tetapi sebenarnya *cocoa borers* sahaja, dengan izin, yang mendesak dan penyelidikan sudah sampai ke alaf baru, hairan juga para penyelidik kita di peringkat Lembaga dengan pengurusan yang baik oleh para penanam, hairanlah kalau tidak boleh dapat menyangkal serangan ini ataupun sekurang-kurangnya dapat mengawal tanaman itu ke tahap masih lagi menguntungkan.

Dalam soal Akta ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak kita mengatakan bahawa perubahan-perubahan yang ada dan yang dicadang dilakukan ini nampaknya bertujuan untuk sememangnya memperkukuhkan lagi peranan Lembaga tetapi pada masa yang sama kelihatan bahawa mengubah imej ataupun *content,* dengan izin, Lembaga supaya ia bersifat *commercial.*

Kita berharap bahawa dalam soal ini, pihak Lembaga kita tidak keterlaluan supaya seolah-olah kehilangan haluan di mana keuntungan itu dan pelaburan itu sekali lagi menjadi satu tumpuan utama dan soal penyelidikan, soal promosi, soal membantu para petani kecil tidak diabaikan kerana seringkali apabila mahu diberi kuasa ataupun perubahan dari segi akta yang membolehkan mereka berfungsi secara badan komersial seringkali profit, dengan izin, keuntungan itu menjadi matlamat dan kepada peringkat kerajaan pun, Lembaga ini akan diuji dari segi keuntungan. Ini masalahnya Tuan Yang di-Pertua.

*So*, walaupun pada masa yang sama ada sifat komersial supaya boleh memasarkan hasil-hasil penyelidikan tetapi tidaklah harus ke tahap di mana para pengguna negara kita orang tempatan terpaksa membayar kos yang tinggi. Jadi, ini haruslah diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini juga kita melihat perubahan-perubahan khususnya untuk membolehkan melalui Akta ini, Lembaga ini menjadi *the*

*sole research centre,* dengan izin, pusat penyelidikan unggul untuk soal koko memandangkan pemansuhan ataupun penukaran melalui fasal di peringkat Fasal 25 yang akan memindahkan Akta Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian (MARDI) 1969 dari segi mengeluarkan koko dan seterusnya ini akan dipindahkan sebagai peranan utama di peringkat Lembaga ini.

Begitu juga dari soal pemasaran supaya ia dikeluarkan dari akta tersebut iaitu daripada Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan supaya soal pemasaran boleh diambil terus oleh pihak Lembaga ini. Saya rasa ini satu perkembangan yang boleh dibanggakan supaya pihak Lembaga boleh, dengan izin, *concentrate*, boleh bertindak secara terfokus di dalam menjalankan peranannya berbanding kepada keadaan yang pada masa kini.

Walaupun demikian, kita berharap pihak Lembaga dan Kementerian harus mengambil tindakan-tindakan yang tepat supaya pakar-pakar yang sedia ada di peringkat MARDI itu, pakar-pakar yang ada juga terdapat di peringkat FAMA untuk menjalankan tugas untuk pemasaran haruslah diambil kira dan digunakan sepenuhnya untuk tujuan Lembaga menunaikan matlamat di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang yang diberi melalui Akta yang baru diubah ini. Kalau tidak, sekali lagi seperti di masa-masa lampau, kita ambil lagi pegawai yang berasingan, yang pakar yang tidak digunakan dan ini salah, tidak tepat, Tuan Yang di-Pertua.

Saya masih ingat penubuhan UMS misalnya. Dahulu ada kampus hampir 20 tahun, branch campus UKM tetapi berapa sedikit orang yang diambil, semua ambil orang-orang baru yang baru hendak datang ke negeri Sabah dan Sarawak, belajar tentang negeri tersebut. Tidak payah ada fakulti yang sedia ada, tambah lagi orang-orang yang lebih pintar, lebih cerdik tetapi untuk mengambil orang yang baru belum ada pengalaman, orang yang lama disingkir, saya rasa ini salah dari segi pengurusan tenaga manusia di dalam pentadbiran negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya minta supaya ini diambil kira kerana pakar-pakar yang sedia ada di peringkat MARDI adalah mereka yang begitu lama, yang berpengalaman tinggi walaupun dahulu *secondment* diadakan, saya sedia maklum daripada MARDI ke Lembaga tetapi masih banyak pakar-pakar yang boleh digunakan. Berilah mereka imej baru untuk Lembaga ini. Saya lihat setiap tahun peruntukan yang diberi kira-kira RM14 juta sahaja yang diberi oleh pihak kerajaan dan inipun mengecewakan kerana pada tahun 1997-1998 semua duit inipun tidak dipakai. Misalnya pada tahun

1997, peruntukan keseluruhan RM18.8 juta bagi tahun 1997, yang diguna pakai hanya RM16.1. Bagi 1998 RM15.5 juta, wang yang diguna pakai RM10 juta. Jadi seringkali badan seperti ini yang bertanggungjawab diberi wang tetapi tidak digunakan sepenuhnya. Jadi, bagaimana hendak balik ke Parlimen, mahu minta duit lagi kerana prestasinya pun tidak memuaskan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah supaya dengan Akta yang ada ini minta pegawai-pegawai di sana supaya terus menjalankan tugas dengan lebih pintar dan lebih berkesan. Saya melihat bahawa dari segi belanja mengurus, tidak ada masalah 90%-92% digunakan. R&D teruk, 1997 - 50% sahaja, apa masalahnya? Ramai kawan-kawan lama kita di universiti yang ingin mencari projek yang ingin dilakukan secara sampingan atau secara rasmi tetapi ada duit di Lembaga ini tetapi tidak digunakan, jadi apa masalahnya?

Jadi, begitu juga tahun 1998 - 80% tetapi pada dasarnya, pembangunan ini ada kaitan dengan stesen, ada kaitan dengan bangunan dan tanah, tetapi buat perancangan baik-baiklah supaya jangan minta duit tetapi tanah belum ada. Ini seringkali terjadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam PAC kita bincang, duit sudah minta, tapak belum ada, mengapa begitu? Selagi tapak belum ada, jangan minta, beri kepada jabatan-jabatan yang lain dahulu yang boleh menggunakan duit itu atau gunakan untuk tujuan yang bukan berasaskan kepada infrastruktur. Tetapi minta duit, tanah belum selesai, dia bilang, apa boleh buat kerana tanah ini negeri, jadi dia bantai negerilah. Dia marah sama peringkat negeri tetapi itu masalah dia sendiri, dia belum lagi dapat permit atau kelulusan daripada pihak kerajaan negeri, sudah meminta peruntukan, hujung tahun kasi balik. Jadi ini satu perancangan yang tidak baik sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam teguran-teguran kita ini, matlamat kita ialah menginginkan supaya sektor ini sekali lagi saya katakan tadi diperbaiki dari segi imej dan Lembaga ini begitu juga dengan ada peruntukan-peruntukan baru melalui Akta ini supaya betul-betul menjalankan tugas dengan baik, mempunyai satu *strategic plan* untuk sektor koko kerana seperti mana yang saya katakan tadi, kita berpendapat bahawa ini masih lagi satu aktiviti pertanian bahkan satu sektor pertanian yang boleh diperluaskan. Kita berharap dengan peruntukan perubahan dari segi Lembaga dan Akta ini dia akan membuatnya dengan lebih berkesan.

Pada masa yang sama, saya juga ingin menyokong supaya pada tahun hadapan, apabila akta ini dilaksanakan dengan peruntukan-peruntukan yang baru,

supaya lembaga ini ditambah peruntukan juga dengan syarat bahawa peruntukan yang diberikan itu hendaklah digunakan sepenuhnya khususnya dari segi bahagian penyelidikan. Saya merayu supaya dengan peruntukan yang ada, bukan sahaja aktiviti-aktiviti diperluaskan tetapi supaya ia berusaha untuk memapankan imej baru. Pertingkatkan seminar-seminar koko dan risalah-risalah tentang penanaman koko dan lebih bertindak rapat dengan Jabatan-jabatan Pertanian di peringkat negeri kerana akhirnya berkaitan dengan pekebun kecil, ia memerlukan Jabatan Pertanian dan jabatan yang berkaitan dengan soal tanah.

Dalam soal ini juga, saya ingin merayu supaya pihak lembaga dan kementerian mengkaji kembali peranan penanaman koko ini sebagai satu *instrument,* dengan izin, alat untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan rakyat di luar bandar kerana koko lebih senang walaupun apa yang dikatakan oleh pakar-pakar, saya berpendapat bahawa koko lebih senang ditanam oleh pekebun kecil daripada kelapa sawit oleh kerana sekurang-kurangnya walaupun penanaman koko ini memerlukan kepakaran dari segi penjagaan dan pengurusan tanaman tersebut, dia adalah *neutral to scale,* dengan izin. Keluarga kecil di luar bandar boleh menanamnya asalkan ada pasaran oleh pihak, katakan persatuan peladang ataupun FAMA di kawasan tersebut. Tetapi, kelapa sawit kalau tidak ada angka *firm*, tidak ada angka kilang *(factory)* dia tidak boleh berfungsi.

Dalam soal kerajaan ingin mengurangkan kadar kemiskinan kepada tahap 0.5 sahaja dalam tahun 2005, saya berpendapat bahawa sektor ini hendaklah diberi perhatian yang penting. Saya merayu supaya pakar-pakar yang ada dalam industri ini dibawa kembali, di sektor-sektor lain dibawa kembali kepada lembaga ini. Saya juga merayu supaya pelantikan ahli lembaga hendaklah mereka yang betul-betul berjuang untuk sektor ini. Bukan orang yang ada *conflict of interest,* dengan izin, tetapi mereka yang betul-betul percaya bahawa koko mempunyai masa depan negara dari segi sumber hasil pertanian dan juga sebagai *instrument,* dengan izin, alat untuk pembangunan di peringkat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ipoh Timur. Ya, Yang Berhormat, minta berucap dalam 15 minit ya kerana kita hendak menghabiskan rang undang-undang ini pada hari ini. Pada besok hari kita hendak masuk perkara yang lain ya.

**12.28 tgh**.

**Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pindaan) 2000. Saya ingin membincangkan beberapa perkara berhubung dengan penggantian seksyen 3 untuk menubuhkan Lembaga Koko Malaysia, fungsi serta matlamat lembaga ini.

Fungsi lembaga ini amat penting dan dinyatakan dalam seksyen 3, subseksyen (1) hingga subseksyen (4). Mengikut seksyen 3, subseksyen (5), matlamat lembaga ialah memajukan dan membangunkan industri koko di negara ini. Matlamat ini adalah sama dengan peranan yang dimainkan oleh *Malaysian Cocoa Growers Counsil* (MCGC) dan saya minta penjelasan dari kementerian, adakah MCGC masih aktif? Adakah ahli-ahli MCGC dijemput di dalam Lembaga Koko yang ditubuhkan? Setahu saya, MCGC ditubuhkan untuk melindungi pelabur-pelabur koko dan ahli-ahlinya terdiri daripada pihak pengurusan ladang-ladang yang terbesar di Malaysia seperti Kumpulan Guthrie, Golden Hope, Kuala Lumpur-Kepong dan lain-lain. Hari ini MCGC sudah dimansuhkan kerana kekurangan penyokong dan sumbangan daripada ahli-ahli.

Walaupun matlamat lembaga ini amat bermakna, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan ini bahawa industri koko telah mengalami kemerosotan yang serius di dalam 20 tahun yang lalu. Pada tahun 70-an harga koko meningkat melebihi RM13,000 satu tan. Satu rekod yang belum pernah dicapai sebelum ini. Pada masa itu, hanya beberapa kebun yang dapat menikmati harga yang tertinggi ini. Harga yang tertinggi ini menyebabkan dengan izin, *cocoa crazh* dan banyak penguasa di seluruh Malaysia ingin menanam koko dan mencari tanah di tempat Sabah dan Sarawak. Antara tahun 1970 hingga 1990, beratus-ratus ekar tanah diusahakan untuk menanam koko walaupun harga dan masa depan koko tidak menentu. Ini kerana ramai percaya harga koko akan meningkat ke RM20,000 satu tan. Pada amnya, keadaan pasaran koko dunia agak baik dan negara Barat menerbitkan buku-buku yang menggalakkan dan menjamin potensi koko. Mereka juga merujuk koko sebagai dengan izinnya, *golden crop*. Pihak Amerika Syarikat menjangkakan pasaran koko dunia akan meningkat pada kadar dua hingga tiga peratus. Saya percaya negara-negara Barat merancang untuk mendominasikan kekayaan negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Contohnya, mereka menulis dan menyebarkan potensi baik koko melalui buku-buku dan kita di Malaysia pula terperanjat dalam, dengan izinnya, *fiasco* ini.

Sebagai pelatih yang tiada pengalaman dan penanam koko pada masa itu, saya pernah menyeru kepada ramai peniaga dan pengusaha supaya berhati-hati dengan izinnya, *the plot of the industrialise nation*. Tujuan negara Barat ini ialah mendapat ramai penanam koko supaya mereka dapat koko pada harga yang rendah selepas *supply* koko tertinggi. Saya harap kementerian akan mengkaji semula atau ada satu *feasibility study,* dengan izinnya, kalau kementerian hendak menggalakkan tanaman *cash crop* sebagai koko atau *cash crop* yang baru ini. Hari ini, harga koko adalah di bawah RM4,000 satu tan dan saya percaya kos pengeluaran koko adalah lebih kurang RM4,000 satu tan, bergantung dengan pengurusan. Pada masa tahun 80-an, tanaman koko seharusnya lebih kurang 200,000 hektar. Sekarang kita punya tanaman ada sehingga 80,000 hektar sahaja, kurang lebih 120,000 hektar telah digantikan dengan kelapa sawit.

Ini bererti negara kita sudah membuang banyak wang kepada laut supaya kita tidak ada kaji semula atau ada *feasibility study* sebelum *cash crop* dengan izin, di*recommended* kepada pelabur-pelabur. Sebagai satu tanaman, tanaman koko ialah dengan izinnya, *a very difficult crop*. Penyakit koko *podborer disease* ialah satu penyakit yang biasa menyebabkan hasil atau produksi tanaman di ladang. Juga kos menanam koko lebih kurang empat kali berbanding dengan kelapa sawit, ini bererti *profitability* terhad dan dengan izinnya, *is high risk crop*. Sekarang tanaman koko ialah terlalu dengan izinnya, *labour intensive*. Malaysia juga mengikuti negara-negara lain seperti Ghana dan Indonesia dan koko ialah satu tanaman khasnya untuk keluarga tanaman sahaja.

Saya mencadangkan satu tabung kecil untuk keluarga-keluarga yang menanam koko untuk melindungi mereka jika harga koko naik ke RM10,000 setan, *cocoa cess* boleh dikutip. Jika harga koko turun, RM2,000 setan, kerajaan mesti bantu. Oleh itu, saya menyeru kerajaan supaya mengkaji dan memberi bantuan serta nasihat pakar kepada peniaga-peniaga dan pengusaha dalam mewujudkan strategi yang selaras dengan cabaran kini khasnya globalisasi dan dengan izin, *liberalization trade*. Bolehkah kita menghalang globalisasi? Jika boleh, kita perlu meningkatkan dengan izin, *terms of trade* negara dan masa yang sama melantik pengusaha, peniaga, rakyat dan generasi muda supaya mereka dapat mengatasi cabaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, industri koko adalah dengan izin, *four times more labour intensive* dibandingkan dengan industri kelapa sawit. Penanam koko di

negara ini sering dijalankan secara kecil-kecilan oleh pengusaha kecil, sama juga dengan negara Ghana dan Indonesia. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada pihak kementerian mengambil tindakan proaktif untuk menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha kecil ini kerana mereka tidak mampu menanggung beban kewangan yang terlalu tinggi dan pasaran koko yang tidak menentu terutamanya saya bimbang dengan penambahan denda yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini. Oleh itu, saya percaya lembaga ini dapat memenuhi matlamat dengan jaya dan saya harap ia dapat memberi bantuan dan latihan kepada pengusaha koko bagi mengekalkan peranan industri ini dalam ekonomi negara.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sri Gading bangun. Ya, silakan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur dan tertarik juga dengan hujah sahabat kita, Ahli Yang Berhormat bagi Bandau yang begitu bernas memperincikan tentang tanaman koko. Sebenarnya kita telah kehilangan satu peluang yang amat berharga dalam menambah pendapatan pekebun-pekebun kecil kita melalui tanaman koko yang hampir sesuai dengan semua tanah di negara kita.

Koko ialah satu tanaman yang mudah diusahakan, yang tidak menggunakan fizikal yang begitu teruk seperti kelapa sawit. Kelapa sawit ini mudah di peringkat tahun-tahun, peringkat awal. Tetapi apabila sudah menjulang tinggi, empat hingga lima meter, orang berumur 50 tahun ke atas amat sukar hendak mengerjakannya. Sebab itu hari ini, mengupah, menombak ataupun memotong kelapa sawit ini RM40 satu tan dan kalau RM80 satu tan harga di pasaran, tauke cuma dapat RM40 selepas tolak menombak ataupun memotong kelapa sawit ini.

Koko ialah satu tanaman yang boleh menjadi tanaman selingan. Jadi, kerugian yang dialami oleh petani ini, saya mohon dapat huraian sikit oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur seperti juga yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat bagi Bandau sebentar tadi, ialah kerana kementerian tidak memberikan perhatian serius kepada tanaman ini, kerana mungkin di pihak kementerian tidak ada perancangan secara menyeluruh tentang masa depan jenis-jenis tanaman yang boleh menjadi pulangan kepada petani. Kementerian hanya menitikberatkan tentang kelapa sawit dan getah. Memang perhatian itu amat penting tetapi kepentingan tanaman yang berharga seperti koko ini telah diberikan sedikit ruang sahaja

dibandingkan dengan tanaman-tanaman yang lain, maka itu sebabnya kita kehilangan peluang ataupun kerugian yang dirasai oleh petani-petani kita.

Apa pandangan Yang Berhormat untuk diberikan kepada kementerian selain daripada sahabat kita Yang Berhormat bagi Bandau, pandangan-pandangan ditambah oleh Yang Berhormat sebentar tadi, pandangan-pandangan yang lebih konkrit untuk diambil tindakan oleh pihak kementerian dalam mengembalikan semula kerugian-kerugian yang telah dialami oleh rakyat kerana pengabaian kepada sektor tanaman koko ini. Terima kasih.

**Tuan Thong Fah Chong:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Bukan hujah, nasihat sahaja. Pasal kalau satu ekar tanaman koko jika dibandingkan dengan kelapa sawit, kosnya lebih kurang RM5,000. Kalau kos kelapa sawit lebih kurang RM2,000 satu ekar. Saya ingat ini kalau modal penanam koko pun terlalu tinggi tetapi banyak *podborer disease* dan lain-lain, kita pun tidak ada R&D yang tertentu yang boleh menyelamatkan penyakit itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Walaupun usaha membangunkan industri ini merupakan satu cabaran hebat memandangkan kemerosotan industri koko yang masih dirasai sejak tahun 1970-an, saya rasa inisiatif kerajaan ini amat bermakna. Oleh yang demikian, saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pindaan) 2000. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Teluk Intan.

**12.44 tgh.**

**Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** 15 minit Yang Berhormat.

**Tuan Mah Siew Keong:** Ya, pendek sahaja. Saya ucapkan syabas kepada pindaan yang telah diambil yang saya pasti tentu akan meningkatkan pembangunan industri koko di Malaysia. Saya ingin membangkitkan dua perkara sahaja dari perspektif pekebun-pekebun kecil di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita pada tahun 1989, ada 400 ribu hektar tanah yang ditanami dengan koko. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sekarang hanya ada 80 ribu hektar. Ini bermakna dalam 10 tahun sahaja ada kemerosotan 75% dan jika trend ini berterusan ini bermakna dalam tahun 2010, mungkin tidak ada penanaman koko lagi di Malaysia dan kita terpaksa mengimport semua keperluan koko.

Tadi kita juga diberitahu bahawa sebahagian besar tanaman koko telah ditukar kepada kelapa sawit tetapi dengan harga komoditi yang kita boleh saksi sekarang ia boleh turun naik seperti harga kelapa sawit dan oleh itu adalah tidak wajar untuk estet dan pekebun kecil supaya dengan izin, *depend only one crop*. Saya bersetuju bahawa kita mesti ada *multi-crop* dan berbagai jenis tanaman dan bukan sahaja satu tanaman.

Oleh itu saya berasa bimbang ke atas Fasal 9, muka surat 10 di mana Seksyen 10A baru memberi Lembaga Koko kuasa untuk memperdagangkan Jabatan Penyelidikan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Larut bangun.

**Tuan Mah Siew Keong:** Dulu, semua research atau ada perkhidmatan percuma tetapi sekarang dengan izin, 10A "*Empowers the Board to commercialize its research findings*" iaitu "Sekarang Lembaga boleh caj". Yang Berhormat….

**Tuan Yang di-Pertua:** Larut bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Tuan Mah Siew Keong:** Ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tengok tadi Yang Berhormat bagi Ipoh Timur bercakap, selepas ini Yang Berhormat bagi Teluk Intan, mungkin Yang Berhormat ada ladang koko, baguslah, tahniah. Saya rasa Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ada tidak kurang dari 1 ribu ekar. Yang Berhormat mungkin ada.

Cuma saya hendak minta penjelasan tentang masa depan koko kerana kita tahu kerajaan berusaha untuk mengatasi pasaran koko, lebih-lebih lagi kalaulah pembabitan ahli-ahli Yang Berhormat ini saya rasa boleh membantu kerajaan untuk mengatasi masalah pasaran koko ini. Jadi, minta penjelasan sedikit tentang masa depan koko di negara kita ini.

**Tuan Mah Siew Keong:** Terima kasih. Saya tidak ada satu ekar koko pun tapi banyak pekebun kecil di kawasan saya terutama di Bagan Datoh, kawasan kawan baik saya ada banyak pekebun koko. Oleh itu, saya ambil berat terhadap pekebun kecil. Kita Barisan Nasional selalu ambil berat terhadap pekebun-pekebun kecil dan oleh itu, saya tadi sudah memberi pendapat saya bahawa jika mengikut statistik, dalam 10 tahun sahaja, hektar sudah turun 75%. Ini tentu akan jadi satu *sunset industry* jika tidak ada langkah yang lebih strategik diambil.

Tadi saya sudah memberitahu bahawa dahulu semua *research finding* oleh Lembaga Koko adalah percuma tetapi sekarang dengan Seksyen 10A yang baru, Lembaga itu boleh caj. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memaklumkan bahawa sekarang ada 100 ribu pekebun kecil yang bergantung kepada penanaman koko. Saya khuatir bahawa 100 ribu pekebun kecil ini tidak mampu membayar caj atau kos untuk mendapat maklumat dan teknologi terbaru. Oleh itu, saya cadangkan bahawa semua pekebun kecil dikecualikan dari apa-apa caj dengan research finding. Estet-estet itu boleh caj.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan bertanya sebab tahun dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberitahu kita bahawa empat negara Afrika Barat akan memusnahkan 250 ribu tan koko untuk meningkatkan harga koko. Saya hendak tahu bahawa sudahkah ini dilaksanakan dan adakah strategi ini berjaya?

Akhir sekali, pada minggu lalu, sekumpulan pekebun kecil koko telah berjumpa saya. Mereka memberitahu saya 10 tahun kebelakangan ini harga koko telah menjunam tetapi apabila mereka pergi ke kedai runcit untuk membeli Ovaltine dan Milo, beberapa bulan sekali harga akan naik. So, mereka pun tidak faham, saya pun tidak faham. *[Ketawa]* Sebab harga koko adalah bahan mentah terutama Milo dan Ovaltine. Jika harga bahan mentah turun, mengapa harga barangan di kedai runcit akan naik?

So, kita pun tidak faham dan saya pun tidak dapat menjelaskan, so saya janji saya akan membangkitkan perkara in dan saya harap Lembaga Koko akan mengambil tindakan untuk memastikan satu harga yang berpatutan supaya 100 ribu pekebun kecil ini dapat terus menyara kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kepong.

**12.50 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya pengguna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pengguna bahan-bahan koko. *[Ketawa]* Baru-baru ini saya pergi ke Sabah juga. *[Disampuk]* Ya, pergi ke Sabah yang merupakan satu-satunya kawasan yang terbesar dengan tanaman koko.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa minit sahaja, saya beri cadangan yang bernas. Tuan Yang di-Pertua, daripada hujah Yang Berhormat tadi kita dapati keluasan tanaman koko ini sudah merosot dan semakin hari semakin merosot kalau berbanding dengan tahun 1998, hampir 150 hektar lagi tetapi hari ini menurut Yang Berhormat, sudah turun kepada 80 ribu hektar sahaja. Ini memang satu kemerosotan yang dahsyat sekali dan berpunca daripada beberapa faktor yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi termasuk sebagai satu tanaman yang berisiko tinggi dan memerlukan ramai pekerja-pekerja dan juga penyakit yang dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma memberi beberapa cadangan. Yang pertamanya, saya nampak kakitangan Lembaga seramai lebih 200 orang, 210 kalau tidak silap saya dan di dalam keanggotaannya tiap-tiap tahun ada kekosongan yang tidak dapat diisi, ada temuduga dan sebagainya tetapi kekosongan tidak dapat diisi dan inilah merupakan satu masalah. Saya berharap dengan adanya rang undang-undang ini, kita dapat menyelesaikan masalah kakitangan Lembaganya dan juga pengurusan oleh Lembaga hampir RM21 juta di dalam akaunnya. Saya nampak pengurusan itu kurang cekap dan hasil untuk Lembaga itu tiap-tiap tahun daripada pelesenan dan sebagainya, hampir RM350 ribu dengan hasil sedemikian dan dengan jumlah wang yang diuruskan oleh pihak Lembaga, saya mencadangkan supaya Lembaga ini dengan kelulusan rang undang-undang ini, kita dapat mempertingkatkan pengauditan bagi Lembaganya tidak begitu memuaskan, saya berharap kita dapa mempertingkatkan kecekapan pengauditan bagi Lembaga

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, saya nampak keluaran kita tidak sampai 90 ribu tan metrik setahun dan dari masa ke semasa untuk pengisaran koko tempatan, kita perlu import. Mungkin 50 ribu tan setahun. Bolehkah Yang Berhormat terangkan setiap tahun sekarang, berapakah kita import daripada negara-negara yang lain dan dari negara-negara mana yang kita import untuk pengisaran koko tempatan?

Saya mencadangkan juga supaya Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bekerjasama dengan Lembaga untuk maksud penyelidikan. Inilah satu bidang di mana MARDI perlu memainkan peranan yang lebih aktif untuk membolehkan penyelidikan bahan-bahan koko dan juga tanaman koko sebab kalau kita ikut Yang Berhormat bagi Bandau, saya setuju dengan dia

juga kerana di dalam kemerosotan tanaman ini dan pemusnahan pokok-pokok *genetic pool* adalah sangat penting.

Saya beri satu contoh. Tanaman getah di Institut Penyelidikan Getah (RRI) mempunyai ladang yang besar yang dekat dengan Lapangan Terbang Subang dan apabila satu projek cadangan untuk memperluaskan lapangan terbang itu ada satu pertimbangan iaitu kita mesti memelihara *gen pool* untuk tanaman getah kita. Sebab itulah salah satu faktor, kita pindah ke Sepang. Itu satu faktor dan kita tidak boleh musnahkan tanaman asal pokok-pokok di dalam *gen pool* kita untuk tanaman getah.

Begitu juga untuk koko, *'genes teoproma'* banyak spesisnya dan di Sabah dan Sabak Bernam, saya diberitahu bahawa ada *gen pool* yang baik juga untuk tanaman koko kita. Kalau kita musnahkan sama sekali, ini memang kerugian kepada negara. Saya berharap ini bukan satu *sunset industry* dan dengan adanya Akta Lembaga Koko Malaysia, kita dapat mempertingkatkan prestasi Lembaga ini supaya industri ini bukan *sunset.*

Seterusnya, saya hendak mencadangkan pihak Lembaga agar mengkaji semula program-program Pekebun-pekebun Kecil Koko Malaysia (PPKKM) sebab bagi saya, pihak Lembaga itu tidak begitu berkesan untuk melaksanakan tugasnya dari segi pekebun kecil koko sepertimana aduan yang disampaikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain tadi mengenai kesusahan yang dialami oleh pihak para pekebun kecil koko di Malaysia. Sebab itulah saya mencadangkan Lembaga Koko mempertingkatkan programnya untuk pekebun-pekebun kecil supaya mereka dapat mengatasi masalahnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan dengan Afrika Barat, pengeluar koko yang terbesar di dunia, hampir 2.6 juta tan setahun dan daripada Afrika Barat, lebih daripada 1 juta tan. Ini bermakna mereka menguasai pasaran koko kita dan kita hanya keluarkan kalau tidak silap saya, hampir 90 ribu tan metrik sahaja. Ini bermakna keluaran kita begitu kecil tetapi satu perkara yang kita mesti titikberatkan ialah bagaimana industri hiliran kita dapat dipertingkatkan dan kita nampak daripada laporan Lembaganya mengenai promosi pasaran domestik, promosi koko termasuk di sekolah dipromosikan hanya di sebelah Sabah sahaja, tidak ada di Semenanjung.

Di Sabah ada banyak promosi di dalam sekolah, penyediaan buku sumber, majlis pelancaran, kursus dan sebagainya tetapi itu juga terhad. Ini bermakna promosi untuk industri koko itu tidak mencukupi dan prestasinya adalah tidak begitu

memuaskan. Sebab itu saya mencadangkan supaya kita mempertingkatkan prestasi Lembaga di dalam promosi pelbagai aktiviti untuk meningkatkan industri tersebut.

Akhir sekali, mengenai bancian. Sistem banci tahunan bagi estet-estet koko dan saya juga berharap ada sistem bancian tahunan untuk pekebun-pekebun kecil juga yang tidak ada sekarang. Cuma kita ada banci estet koko tahunan tetapi tidak ada banci untuk pekebun-pekebun kecil. Ini memang satu kelemahan bagi saya dan daripada banci ini kita dapat tahu pihak estet itu sudah berapa hektar dikurangkan daripada 70 ribu hektar estet, sekarang dikurangkan kepada 50 ribu hektar dan ini merupakan satu kemerosotan yang dahsyat juga dan sebab itulah kita mesti mempertingkatkan kerja kita di dalam bancian ini.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua cadangan saya untuk sama-sama kita menyelamatkan industri koko yang sedang mengalami kesusahan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah. Kita sambung pada pukul 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kepong sudah habis bercakap. Tawau, mana Tawau, ada Tawau, ha. Sila Tawau dahulu. Selepas itu Tambun, selepas itu Menteri menjawab.

**2.30 ptg.**

**Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian atas perbahasan atas Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya. Tunggu, duduk sekejap Yang Berhormat. Ya, ada apa Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Tak cukup kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ah, tak cukup kuorum. Bunyi loceng kalau tak cukup. 16 orang, bunyi loceng.

***Loceng dibunyikan.***

***[Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 Ahli hadir]***

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya PAS yang memanggil kuorum ini, orang PAS pun hendak kena penuh juga, pasal dia pun Ahli Parlimen juga.

**Seorang Ahli:** 'Pigi' dah!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk Yang Berhormat. 27 orang, kuorum cukup. Sila, Tawau.

**Tuan Shim Paw Fatt:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon bercakap sedikit-sebanyak tentang industri koko khususnya mengenai industri koko di negeri Sabah yang pada masa kini semakin susut. Tidak dapat dinafikan bahawa Sabah masih merupakan pengeluar koko terbesar di Malaysia. Tetapi penanam koko telah menghadapi kerugian besar sejak beberapa tahun kebelakangan ini akibat harga koko yang rendah ditambah pula dengan kos pengambilan yang tinggi. Kebanyakan mereka terpaksa menukar kepada tanaman lain kerana tiada lagi menguntungkan mereka.

Baru-baru ini harga koko adalah sebanyak lebih kurang RM4,000 setan setelah harga RM3,000 purata tidak berubah beberapa tahun. Harga rendah ini memang tidak mencukupi untuk menyokong industri koko. Pada masa yang sama harga untuk baja dan kimia masih meningkat. Inilah dilema yang dihadapi penanam koko. Akibatnya banyak ladang menjadi terbiar ataupun hanya sebahagian sahaja dikendalikan. Masalah ini dirumitkan lagi oleh peraturan pengambilan pekerja asing yang ketat dan menyusahkan.

Kita sedia maklum industri koko adalah satu industri yang memerlukan tenaga buruh secara intensif. Disebabkan buruh tempatan kekurangan, industri ini sememangnya bergantung kepada kehadiran pekerja-pekerja asing. Pengambilan pekerja asing terlampau mahal. Majikan terpaksa membayar RM1,500 dalam bentuk levi untuk pekerja asing, yuran perubatan, pengangkutan dan lain-lain. Walaupun sebahagian amaun ini boleh dipotong dari gaji pekerja dalam satu tempoh yang panjang, tetapi mobiliti pekerja-pekerja asing terlalu tinggi. Pekerja-pekerja ini menukar majikan seperti menukar baju harian. Sebaik sahaja seorang pekerja meninggalkan tempat kerjanya, majikannya menghadapi kerugian yang besar. Peraturan sekarang ini tidak membenarkan levi sebanyak RM360 itu dipindahkan.

*Grinding capacity*, dengan izin, negara kita ialah sebanyak 160,000 tan metrik, tetapi pada masa kini hanya menggunakan 120,000 tan metrik dan hampir

35% lagi adalah diimport daripada Indonesia. Koko import ini adalah kurang bermutu. Pengimportan ini juga menyebabkan pengaliran mata wang. Oleh itu, langkah-langkah segera perlu diambil untuk menjadi penghasilan koko kita mencukupi *self-sufficient,* dengan izin, tanpa perlu diimport.

Salah satu cara ialah dengan menambahkan pengeluaran. Ini dapat dilakukan dengan menambah keluasan penanam koko dan meningkatkan kadar pengeluaran. Apabila penghasilan kita cukup untuk menampung industri sampingan, *downstream industry*, dengan izin, pengilangan produk berorientasikan koko akan berkembang dan seterusnya membantu mengembang ekonomi negara. Melainkan sesuatu tindakan yang positif dilakukan oleh kerajaan untuk menyokong industri koko, - malangnya jika harga rendah masih kekal, maka dalam tempoh yang singkat industri koko tidak akan dapat menyokong aktiviti-aktiviti *downstream* dan ini akan mengakibatkan Malaysia terus menjadi pengimport koko.

Berdasarkan masalah yang saya bangkitkan ini, saya cadangkan kerajaan mengambil langkah-langkah berikut:

(i) mendorong penanam koko untuk menukar corak tanaman melalui penggunaan bahan lebih baik serta benih berproduktiviti tinggi atau *high yeilding clon* dengan memberikan subsidi dan pinjaman;

(ii) peraturan-peraturan dan prosedur mengambil pekerja asing yang agak dilonggarkan dan dipermudahkan khususnya levi untuk mengambil pekerja asing dikurangkan atau dihapuskan buat sementara ini sehingga harga koko pulih ke paras yang memuaskan. Jika levi tidak dapat dimansuhkan, maka pemindahan levi itu dari seorang pekerja yang berhenti kepada penggantinya harus dibenarkan;

(iii) memastikan industri sokongan *downstream* mendapat bekalan koko tempatan yang mencukupi untuk mencegah manipulasi harga koko oleh perdagangan antarabangsa;

(iv) memperuntukkan lebih banyak tanah yang sesuai untuk penanam koko serta menambahkan penyelidikan koko untuk penggunaan teknologi terkini bagi menambahkan pengeluaran hasil koko.

Pihak kerajaan telah mengumumkan untuk mengambil langkah penyelesaian masalah termasuk memberi geran serta skim pinjaman mudah kepada pekebun-pekebun kecil untuk membantu peladang kelapa sawit dan getah untuk meningkatkan pengeluaran hasil-hasil penanaman semula dengan menggunakan klon yang lebih bermutu. Pihak kerajaan hendaklah disanjung kerana mengambil langkah-langkah mengusahakan dua jenis tanaman ini.

Saya berharap pihak kerajaan akan turut menghulurkan bantuan kepada para peladang koko. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tambun.

**2.42 ptg.**

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mendapatkan beberapa penjelasan daripada kementerian. Kementerian telah pun mencadangkan pindaan kepada Akta Lembaga Koko Malaysia. Selaras dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan, apakah perubahan-perubahan yang akan dilakukan ke atas Lembaga Koko Malaysia.

Sehubungan dengan itu saya ingin menarik perhatian kepada Laporan Kewangan Lembaga Koko berakhir 31 Disember 1998. Saya menggunakan fakta ini kerana di Parlimen kita menerima yang terkini pada 31 Disember 1998.

Berdasarkan laporan tersebut saya dapati Lembaga Koko tidak menampakkan satu agensi penting dalam negara ini. Pada keseluruhannya jumlah harta bersih sebanyak RM21 juta dan juga ekuitinya ataupun pembiayaannya juga RM21 juta dan sumbangan kerajaan pada tahun tersebut adalah sebanyak RM14 juta, satu jumlah yang kita tahu begitu kecil.

Di samping itu, ada laporan-laporan menyatakan bahawa pada tahun tersebut kebanyakan aktiviti-aktiviti promosi koko di luar negara telah ditangguhkan berikutan dengan pemotongan peruntukan kewangan akibat masalah krisis ekonomi yang melanda negara. Dan banyak aktiviti yang dijalankan nampak tidak begitu besar umpamanya menyediakan risalah, penyediaan buku sumber koko dan sebagainya yang tidak membawa impak besar kepada industri ini. Oleh yang demikian, apakah perancangan akan datang dan dari segi kewangan yang dijanjikan oleh kerajaan kepada lembaga ini.

Di samping itu, saya melihat dalam maklumat yang saya perolehi, kerja-kerja untuk penyelidikan koko dijalankan juga oleh agensi lain, di Sabah ada Jabatan Pertanian Negeri, begitu juga di Sarawak dan juga di Universiti Putra Malaysia,

Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah tidakkah patut digabungkan keseluruhan kerja-kerja penyelidikan ini di bawah satu badan seperti Lembaga Koko supaya dapat kesan yang lebih effective lagi daripada dipecah-pecahkan, umpamanya di Jabatan Pertanian Negeri Sarawak, Sabah dengan peruntukan yang tidak banyak dipecahkan, maka aktiviti ini kemungkinan tidak begitu berkesan.

Di samping itu, …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Larut

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit, terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya dengar Yang Berhormat mengatakan bahawa kalau ikut laporan kewangan jelas bahawa Lembaga Koko ini tidak begitu penting atau mungkin peranannya pada ketika ini agak minimum, setujukah Yang Berhormat kalau lembaga ini ditutup atau ditangguhkan dahulu, digantungkan dahulu peranannya sehingga ianya dirasakan perlu untuk berfungsi semula. Minta penjelasan sedikit.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soal tutup ini tidak timbul. *[Ketawa]* Koko satu industri yang agak penting tetapi menghadapi pelbagai masalah, tentu kita perlukan satu agensi untuk mengawal, memantau supaya perancangan-perancangan yang lebih efektif dapat digubal dan dilaksanakan untuk kepentingan industri ini dan seterusnya untuk negara keseluruhannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sri Gading berdiri, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Tambun tadi membacakan Laporan Tahunan Kewangan 1998 di mana pemotongan yang dibuat oleh kerajaan dan alasan yang dibuat ialah kerana kegawatan ekonomi yang melanda negara kita, yang juga melanda dunia.

Tetapi apakah benar alasan itu ataupun kerana tidak ada kemampuan Lembaga Koko membelanjakan geran yang dianugerahkan oleh kerajaan kepada mereka kerana inilah salah satu perkara yang menyebabkan kemajuan ataupun program yang kita atur terbantut di tengah jalan kerana tidak ada kemampuan untuk membelanja peruntukan yang disediakan oleh kerajaan. Maka dengan itu, banyak rancangan yang diaturkan oleh kerajaan tidak dapat sampai ke peringkat akar umbi kerana tidak kemampuan membelanjakan geran yang disediakan oleh kerajaan. Ini

sebenarnya faktor yang membantutkan atau melambatkan pembangunan negara kita. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat dari segi statistik, jumlah aset secara accumulated sehingga 31 Disember 1998 sebanyak RM21 juta, satu jumlah yang kecil dan jika ini diselaraskan dengan apa Yang Berhormat katakan, ada kemungkinan kerana lembaga ini tidak mempunyai kewibawaan yang begitu tinggi untuk melaksanakan tugas, oleh sebab itu dipotong, tetapi ini lebih baik dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana beliau yang mempunyai autoriti dalam perkara itu.

Saya membangkitkan tentang pemotongan tadi, kerana faham saya apabila kita menghadapi masalah, tentulah salah satu usaha yang mesti dilakukan untuk mempromosi produk supaya mendapat pasaran yang lebih besar dan jualan yang lebih besar untuk mengatasi masalah krisis, tetapi dalam soal ini dipotong, ini perkara yang saya ingat biar dijawab, tetapi yang lebih penting lagi apakah perancangan masa hadapan yang telah ditetapkan oleh kerajaan terutama dengan adanya pindaan yang dibuat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan juga mengenai dengan keluasan tanaman koko. 1993 – 299,000 hektar dan pada tahun 1999 – 111,000 hektar, lebih kurang kemerosotan sebanyak 60%, tinggal 30% sahaja, ini menggambarkan bahawa industri ini seolah-olah tidak begitu berdaya maju membuatkan banyak pihak yang tidak lagi terlibat dalam bidang ini. Dan yang lebih merunsingkan dilihat dari segi statistik ini, apabila 30,000 hektar dimiliki oleh estet dan 76,000 hektar oleh smallholding, bermakna 70% daripada keluasan estet adalah dimiliki oleh smallholding. Seperti mana yang dinyatakan oleh rakan-rakan, penanaman koko secara kecil-kecilan (small holdings) ini bermasalah. Jika 70% daripada tanaman dipegang oleh smallholdings bermakna pada keseluruhannya ia akan merupakan satu yang amat bermasalah dan ini diterjemahkan dalam bentuk hasil yang dikeluarkan oleh negara ini.

Jadi, sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan, saya dengar banyak daripada rakan-rakan, kos pengeluaran tinggi. Jadi, apakah strategi kita? Adakah kita hendak mengimport. Mungkin mengimport produk *intermediate* koko lebih murah daripada yang kita sendiri hasilkan. Mungkin kita import dan kita tidak meletakkan kepentingan kepada penanaman koko, lebih baik kita import dan kita menjadi pengeluar produk koko. Di situ kita ada *comparative advantage* dan kita

mendapat lebih keuntungan daripada kita tanam dan masing-masing rugi, baik kita beli. Kalau di pasaran antarabangsa harga koko bean dan juga *intermediary*nya lebih murah, baik kita beli daripada pasaran antarabangsa dan tidak menekankan kepada penanman koko kerana saya lihat dari segi household pun, bilangan yang terlibat dalam bidang ini pun telah merosot daripada 56,990 kepada 11,000 pada 1999. Saya tidak tahu macam mana kawan saya kata tadi ada 100,000. Tetapi kalau ikut statistik saya di sini 11,000 – yang mana betul tidak tahu, tetapi kalau daripada 56,000 kepada 11,000, satu penurunan bilangan mereka isi keluarga yang terlibat dalam penanaman koko.

Di samping itu, saya ingin memberi beberapa cadangan kepada kerajaan. Oleh kerana masalah yang dihadapi adalah dalam bentuk mereka yang terlibat secara smallholdings ataupun pekebun-pekebun kecil, jadi saya ingin memberi pandangan saya menumpu kepada mereka yang terlibat secara kecil-kecilan. Saya berpendapat pertama, kita perlu menyusun semula kawasan-kawasan kecil ini untuk menjadi satu unit besar atau dipanggil sebagai estet desa, kerana kita tahu apabila koko dibuat secara pekebun kecil, kalau tidak menggunakan tenaga keluarga, menggunakan buruh untuk bayar upah, ia tidak viable. Ia perlu gunakan tenaga keluarga dan dalam negara Malaysia sekarang tidak ramai orang yang minat dan terlibat dalam bidang pertanian. Bapanya mungkin tanam koko, anaknya sudah menjadi seorang bankerkah atau lawyer dan sebagainya.

Jadi, dengan itu pekebun kecil di kalangan keluarganya tidak ada yang sanggup untuk bergiat dalam bidang ini. Jadi, oleh yang demikian kita perlu mengambil tenaga asing atau tenaga buruh lain dan tidak viable jika smallholdings menggunakan buruh luar daripada buruh keluarga. Oleh yang demikian, jalan pendekatan yang paling baik adalah untuk menggabungkan supaya menjadi satu mini estet ataupun estet desa.

Yang kedua, saya berpendapat kita perlu ada satu agensi yang secara penuh masa untuk menjaga pekebun-pekebun kecil ini dari segi menentukan pemantauan kepada perkembangan dia, menentukan tentang teknologi-teknologi yang harus dijalankan untuk membuat khidmat nasihat dan sebagainya. Saya percaya inilah di antara perkara yang tidak ada diperolehi oleh pekebun kecil – khidmat nasihat dan nasihat-nasihat lain untuk meningkatkan tahap teknologi serta kemampuan pekebun-pekebun kecil untuk meningkatkan pengeluaran kebun daripada kebun koko mereka.

Ketiga, saya bersetuju kita melakukan R&D. Tadi Timbalan Menteri telah menyatakan untuk pergi kepada hiliran dan saya rasa kita perlu melihat kepada bagaimana hendak menggunakan koko secara dipelbagaikan. Saya lihat di negeri Jepun umpamanya, kita ambil macam kuih kuaci. Kuih kuaci kita – di Jepun kuih kuaci juga. Dia menggunakan koko kita menggunakan kelapa… *[Tiba-tiba loceng berbunyi sekali]* apa itu? Encik Riduan tidur kot? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tak apa, dia bunyi sendiri. Dia mimpi…

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Ketawa]* Saya lihat di negeri Jepun dia ada kuih kuaci – berbagai-bagai jenis kuih kuaci, macam kuih kuaci yang orang Melayu buat tetapi dia menggunakan koko sebagai intinya, manakala kita menggunakan kelapa dan kelapa ini tidak tahan lama. Kita letak di kedai pagi, petang nanti sudah basi. Tetapi menggunakan koko ia boleh tahan lama. Oleh kerana cara dia buat packaging begitu cantik, elok, produk ini yang dipanggil kuih kuaci yang menggunakan koko dan letak pula ada ubat tahan lama, dia sudah jadi *internationalize*. Di negara kita pun ada dijual, termasuk di Eropah, di Amerika, di merata dunia kuih yang kita panggil kuih kuaci ini.

Jadi, saya berpendapat dalam soal kita hendak buat R&D, hiliran ini kita mesti lihat kepada produk yang boleh kita buat sekarang ini, tanpa banyak *research* sangat. Kita buat sekarang ini, kuih kuaci kita, kita letak koko dan kemudian dibuatkan dengan cara *packaging* yang baik, dipasar dalam negara kita, kemudian dipasarkan di luar negara kita. Makna satu kuih tradisi daripada negara kita secara automatik dia boleh bertukar standardnya jadi standard international. Macam saya tengok di Jepun, ada lebih kurang 20 jenis kuih kuacinya yang berbagai-bagai rupa dan berbagai-bagai perasanya menggunakan koko. Harganya pun mahal berbanding dengan kuih kuaci kita 20 sen, dia punya satu lebih kurang satu kotak besar dalam USD10 (RM40) dalam itu ada lebih kurang dalam 12 biji sahaja.

Lebih kurang RM3.50 satu. Yang kita 20 sen, 30 sen. Jadi, satu yang nampak simple, dia boleh diterjemahkan dalam bentuk lebih *commercialize* dan berada pada taraf yang lebih tinggi.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan melihat dengan lebih serius lagi dari segi penggunaan teknik-teknik dan teknologi baru kepada pekebun-pekebun kecil ini supaya ia lebih organise lagi, lebih *commercialize* lagi supaya mempunyai daya maju dan daya saing yang lebih tinggi.

Yang keempat atau kelima, saya dapati kawasan-kawasan pekebun kecil koko ini ada yang terbiar. Saya berpendapat kerajaan elok mengkaji semula dan membuat satu *zoning system* – yang viable, yang *commercialize* ini dizonkan dan diberi tumpuan oleh kerajaan untuk dibangunkan sebagai kawasan tumpuan oleh kerajaan. Yang sudah terbiar dan tidak ada orang itu mungkin kita tidak lagi menggunakan, tetapi yang masih lagi berdaya maju, yang berupaya untuk bangun, dibuat zoning dan perbincangan diadakan dengan kerajaan negeri supaya kawasan ini dibiarkan menjadi kawasan koko daripada tiba satu masa nanti diberi tumpuan kepada pembangunan industri, kawasan komersial dan perumahan, jadi koko akhirnya akan hilang.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kerajaan akhirnya, daripada maklumat yang saya perolehi, industri koko antarabangsa akan menghadapi kekurangan bekalan koko dalam tempoh lima tahun akan datang dan apakah yang akan dibuat oleh kerajaan. Melihat kepada statistik yang saya beri tadi kita tidak banyak orang yang terlibat secara estet, lebih banyak kepada smallholdings. Ke arah manakah kerajaan akan bawa industri ini, sejauh mana kerajaan serius terhadap industri ini. Umpamanya, kalau ada permohonan untuk kawasan koko dibangunkan perumahan ataupun industri kecil atau perumahan, yang mana satukah priority yang akan diberi oleh kerajaan.

Jika kerajaan mendapati industri koko ini tidak lagi begitu utama, kita perlu berterus-terang dan memberitahu kepada pekebun-pekebun kecil ataupun estet, ini tidak lagi menjadi priority area, tidak ada masa hadapan supaya mereka yang terlibat tahu untuk menyesuaikan diri dan mencari bidang lain. Kalau bidang ini, satu bidang yang hendak diberikan keutamaan mempunyai masa hadapan yang begitu baik, maka kita pastikan kawasan-kawasan ini dipertahankan. Itulah sebabnya pentingnya kita membuat zoning supaya kawasan tanaman koko ini sentiasa kekal dan tidak ada pembangunan-pembangunan lain yang akan memasuki kawasan tersebut.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya bagi Sandakan, tadi tak ramai dah yang berdiri, ini bertambah pula ya. Ha, Sandakan.

**3.00 ptg.**

**Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas undang-undang yang dicadangkan untuk dibahaskan oleh Parlimen untuk meminda Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 1988. Dengan tertubuhnya badan yang dikenali sebagai Perbadanan Koko Malaysia atau Malaysia Cocoa Board di bawah pindaan ini iaitu Seksyen 3(1). Perbadanan ini telah memperolehi entiti berdasarkan undang-undang di mana perbadanan ini boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah nama korporatnya.

Tambahan pula, dengan pindaan baru pada akta tersebut iaitu golongan (5) kebanyakan jalan keluar dapat dibendung dan keberkesanan akta ini dapat memberikan lebih banyak kuasa kepada perbadanan ini untuk mengawal dan mengatur tatacara, mencipta polisi-polisi dan mempromosikan serta memajukan industri koko secara berkesan di Malaysia di bawah suatu sistem undang-undang yang teratur dan kemas kini.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya mengambil peluang ini untuk menarik perhatian kementerian tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh industri koko di Sabah. Walaupun Sabah mengeluarkan dua pertiga daripada biji benih koko yang dihasilkan di Malaysia, saya dengan dukacitanya menyatakan bahawa tidak banyak usaha telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah berterusan ini yang menjejaskan pembangunan dan kemajuan industri koko di Sabah.

Saya masih ingat pada lewat tahun 70-an harga biji benih koko meningkat ke RM14,000 setan. Ini menyebabkan ‘demam koko’ yang malangnya harga berkekalan hanya untuk 5 tahun. Pada masa yang sama, musuh utama industri koko iaitu kumbang penebuk buah koko (CPB) dapat dikesan. Penanam-penanam koko mula hilang keyakinan terhadap tanaman ini pada pertengahan tahun 80-an disebabkan oleh:

(i) harga koko merosot; dan

(ii) kos untuk mengawal kumbang pemusnah koko tinggi.

Disebabkan oleh kedua-dua sebab ini penanam-penanam koko terpaksa mencari alternatif. Kebanyakan tanaman koko di estet-estet koko telah menjangkau 20 tahun dan telah sampai masa untuk menanam semula atau membuat pemuliharaan, kebanyakan penanam memilih untuk menanam kelapa sawit. Hasil keluaran koko juga tidak berubah dan sering terdedah kepada cuaca yang berubah-ubah. Kepada penanam-penanam koko ialah sesuatu risiko yang besar berbanding

dengan tanaman-tanaman lain. Kekurangan tenaga buruh memburukkan keadaan ini.

Saya ingin memberi cadangan apakah yang boleh dibuat oleh kerajaan iaitu:

(i) menetapkan sesuatu kuota untuk mengambil pekerja-pekerja baru adalah mustahil jika pekerja-pekerja terus tidak berminat bekerja. Dalam keadaan ini majikan-majikan terpaksa mengambil pekerja-pekerja haram;

(ii) kerajaan hendaklah membuat pertimbangan semula tentang cukai atau levi pekerja-pekerja asing yang telah dikuatkuasakan;

(iii) kos yuran pemeriksaan doktor untuk pekerja-pekerja hendaklah dikaji semula. Jika hal ini dapat dilaksanakan pertimbangan semula kos ini dibuat setiap 3 tahun;

(iv) kos penginsuranan terlalu tinggi. Pada masa dahulu insurans pembayaran ganti rugi pekerja adalah lebih rendah; dan

(v) lebih-lebih lagi kerajaan hendaklah proaktif secara langsung dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk mempelbagaikan jenis produk berdasarkan koko.

Seringkali kita juga mendengar bahawa koko adalah baik untuk kita dan juga untuk jantung kita. Memakan coklat menyebabkan peningkatan antioxidant yang dipercayai dalam melawan penyakit cardiovascular dengan mengurangkan kolesterol seperti yang dinyatakan oleh sekumpulan saintis di persatuan Dietetik Amerika. Coklat juga dikenali sebagai makanan berfungsi bermaksud coklat memberikan manfaat kesihatan melebihi nilai-nilai khasiatnya. Coklat juga dilabel sebagai kenyataan cinta sebab itulah coklat adalah begitu popular pada Hari *Valentine.*

Teknologi mungkin sangat mahal tetapi dapat dibeli………

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Yang Berhormat, boleh tanya sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang bertanya.

**Datuk Lau Ngan Siew:** …saya bukan pakar koko.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Pasal cinta ini, pasal coklat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Tidak beri ya.

**Datuk Lau Ngan Siew:** Tidak beri, tidak beri. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya hendak kupaskan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Cinta makan coklat ini.

**Seorang Ahli:** Dia tidak fahamlah. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Oh, tidak dapat. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak beri.

**Datuk Lau Ngan Siew:** *[Ketawa]* Teknologi mungkin sangat mahal tetapi dapat dibeli jika Malaysia tidak ada teknologi yang diperlukan atau mengambil masa yang panjang untuk menciptanya. Kita tidak harus segan-segan membeli teknologi ini sekalipun daripada pesaing-pesaing kita atau menjemput pakar-pakar luar untuk menolong kita dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) demi kebaikan industri koko.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perusahaan Utama atas mengelolakan Persidangan Penyelidikan Koko Antarabangsa Ke-13 di bawah bantuan dan sokongan Perikatan Pengeluar-pengeluar Koko (CPA) di Kota Kinabalu, Sabah pada Oktober 2000.

Walau bagaimanapun, dengan empat buah negara pengeluar koko yang mengumumkan bahawa mereka akan memusnahkan 250,000 tan biji benih koko untuk mengurangkan simpanan stok tetapi tidak ada impak terhadap harga koko dan masih di paras RM3,000 setan hari ini, di bawah paras keadaan hidup.

Saya percaya bahawa memusnahkan simpanan stok koko bukanlah suatu jalan penyelesaian jangka panjang. Selagi perdagangan koko dikuasai oleh beberapa pedagang yang mempermainkan pasaran ini untuk kepentingan diri tanpa berfikir tentang peranan-peranan miskin di dunia ketiga, perjuangan kita adalah sia-sia sahaja. Saya merayu kepada kerajaan untuk mengemukakan kapitalisme yang berwajah hodoh ini ke Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) dan Perbadanan Perdagangan Sedunia (WTO). Apa yang kita mahu ialah keadilan dan kesamarataan, bayar kita dengan harga yang adil untuk biji benih koko kita.

Dan akhir sekali, dengan harga koko yang lembab kini, saya merayu kepada kerajaan untuk mempertimbangkan pemberian subsidi kepada baja dan bahan-bahan kimia kepada peranan-peranan koko khasnya di Sabah untuk menggalakkan mereka supaya mengekalkan estet-estet koko mereka dan dapat terus hidup dalam tempoh yang mendesak ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) 2000. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ha, saya bagi Bagan Datoh, lepas ini Timbalan Menteri menjawab.

**3.10 ptg.**

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong Rang Undang-undang Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2000 ini kerana sebagai wakil kepada pekebun-pekebun kecil di Bagan Datoh, saya merasa turut bertanggungjawab untuk memperjuangkan nasib mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui bahawa Malaysia merupakan salah sebuah negara pengeluar koko yang terbesar di dunia. Tetapi kalau kita lihat perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perusahaan Utama memperlihatkan penurunan jumlah tenaga kerja hampir 400% iaitu daripada tahun 1990, 56,422 tenaga kerja yang terlibat dalam sektor koko ini turun kepada 11,300 pekerja pada tahun 1999. Ini merupakan satu penurunan yang amat drastik yang kita rasakan pihak Kementerian Perusahaan Utama harus mengambil beberapa langkah yang penting.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, apabila Lembaga Koko Malaysia telah ditubuhkan, ianya mengambil alih pusat penyelidikan MARDI di Sungai Dulang, Bagan Datoh, ertinya di kawasan saya. Ianya melibatkan penyerapan beberapa pegawai dan juga kakitangan daripada MARDI ke Lembaga Koko, tetapi ramai juga di kalangan mereka yang tidak dapat diserapkan terutamanya kakitangan rendah. Dan, saya mendapat aduan kakitangan yang dahulunya bersifat pekerja sementara telah mengalami satu nasib yang agak malang apabila Lembaga Koko tidak dapat menyerapkan mereka. Saya harap sahabat saya, Timbalan Menteri Perusahaan Utama dapat memperjuangkan nasib pengundi-pengundi saya ini. Kalau tidak, saya boleh bawa ke Bagan Datoh untuk menyaksikan sendiri bagaimana mereka ini menghadapi masalah itu.

Bagan Datoh juga merupakan satu tempat pengeluaran koko tetapi oleh kerana kelapa sawit suatu ketika dahulu telah mengambil tempat koko maka tempat-tempat atau tanah-tanah yang ditanam dengan koko telah ditukar dengan kelapa sawit. Tetapi negara kita cukup malang apabila, dengan izin, *the good earth*, hasil-hasil keluaran pertanian seperti minyak sawit, getah, kelapa sendiri mengalami industri yang malap, dengan izin, *sunset industry*, saya fikir Kementerian Perusahaan Utama harus mengambil peranan yang proaktif agar mereka yang terlibat dalam sektor ini tidak menjadi mangsa di akhirnya.

Selain daripada itu saya ingin juga menyebutkan tentang Pengerusi, Lembaga Koko Malaysia ini, kalau Timbalan Menteri daripada Sabah, jangan ingat bahawa Datuk Kelvin Tan ini orang Sabah, orang Tawau, dia orang Bagan Datoh, ya. Jadi, kita sudah cukup ramai orang pandai daripada Bagan Datoh, kita eksport ke Sabah, *[Ketawa]* dan kita minta dia jadi Pengerusi Lembaga Koko ini dan bagi pihak orang Bagan Datoh saya ucapkan terima kasih di atas kepercayaan kementerian khususnya Menteri sendiri yang mengambil beliau. Beliau memang seorang yang pakar dalam bidang koko kerana beliau mempunyai syarikat yang disenaraikan di papan kedua yang terlibat secara langsung dalam koko dan ini merupakan satu pemilihan yang baik.

Tetapi sebagai pengerusi tentunya beliau akan dapat membawa Lembaga Koko Malaysia ini sebagai sebuah organisasi yang bukan sahaja sebagai satu 'gajah putih' tetapi ianya harus merancangkan beberapa industri hiliran. Saya menyebutkan tentang industri hiliran ini sebab rakan-rakan saya yang lain menyebutkan perkara ini juga. Di dalam minyak kelapa sawit - kita keluarkan CPO, getah - kita keluarkan getah asli, kelapa - kita mengeluarkan minyak kelapa tetapi tidak ada industri hiliran yang dapat menyokong industri ini. Jadi, apabila kita masuk ke pasaran dunia, pasaran bergantung kepada permintaan dan penawaran. Apabila lambakan dalam pasaran antarabangsa, bahan-bahan yang lebih berkualiti, berbanding dengan kita maka saya fikir Lembaga Koko harus memikirkan tentang apakah industri-industri hiliran yang harus dijalankan.

Dahulu ada sebuah syarikat namanya Koko Malaysia Sendirian Berhad yang tempatnya juga di Bagan Datoh, yang telah diswastakan, yang ditubuhkan oleh Bank Pembangunan Malaysia. Apabila Bank Pembangunan Malaysia menguruskan syarikat berkenaan, syarikat itu rugi, apabila diswastakan di peringkat awal memang untung tetapi sekarang ini rugi juga kerana koko yang terpaksa diprosesnya datang

daripada luar negara. Sedangkan koko tempatan, saya dapat laporan tidak cukup kualiti kerana kandungan asidnya lebih dan tidak cukup penawarannya. Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kementerian, mana satu yang benar dalam perkara ini? Jadi, apakah ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Lipis berdiri, Yang Berhormat. Hendak minta penjelasan. Sila. Bagi?

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Boleh, Datuk?

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Lipis ini, dia…..

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Ada tanam koko, Datuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada. Sila.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Tetapi tidak sebanyak Bagan Datoh. Jadi, saya rasa terpanggil juga macam Datuk, hendak bertanya. *[Ketawa]* Saya tadi dimaklumkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datoh bahawa kualiti koko kita ini tidak setanding dengan kualiti koko yang dikeluarkan oleh negara lain, *[Disampuk]* oleh Brazil atau negara di sebelah Afrika Utara sana. Tetapi mengikut fahaman saya, kualiti ini sebenarnya ditentukan oleh cita rasa masyarakat setempat. Apa maksud saya ialah umpamanya koko kita di Malaysia ini dia disukai oleh masyarakat mana, saya sudah lupa, sama ada Eropahkah, Amerika ataupun Jepun, sedangkan rasa koko yang ditanam oleh negara lain itu disukai oleh negara-negara lain pula.

Jadi, dari segi aspek ini saya percaya, kalau sekiranya koko kita ini disukai oleh masyarakat Jepun, jadi tumpuan pemasaran kita atau produk kita hendaklah mengarah ke negara Jepun. Jadi, mungkin syarikat tempat Yang Berhormat Datuk tadi, terpaksa mengimport koko daripada negara luar kerana untuk kegunaan eksport ke negara yang berkenaan. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju sangat dengan saranan oleh Yang Berhormat bagi Lipis itu. Saya terfikir kalau kita mencari pasaran ke Jepun, pada hemat saya sesuai kita jadikan Yang Berhormat bagi Lipis sebagai marketing manager ini, dia pun nampak macam Jepun. *[Ketawa]* Macam orang Jepun, jadi taste dia, cita rasa dia sama macam Jepun.

Saya fikir Lembaga Koko harus mengambil kira pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Lipis itu sebab kita lihat perangkaan yang baru, yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan, pengeluaran biji koko berkurangan daripada 131,000 tan pada 1995 kepada 70,000 tan sahaja pada tahun 2000. Dan dalam

matlamat Rancangan Malaysia Kelapan, bacaan yang saya perolehi dahulu, perbandingannya, kalau dalam pencapaian Rancangan Malaysia Kelapan pertumbuhannya kurang 11.9% dan sebelum itu berkurangan 0.5% tetapi saya yakin dalam Rancangan Malaysia Kelapan ianya akan dipertingkatkan pada 7.4%, ini satu usaha yang baik. Tetapi hasrat ini tidak akan dapat dicapai sekiranya kita tidak ada dukungan-dukungan tertentu dari segi industri yang digalakkan oleh pihak kementerian kerana saya melihat dari segi pengeluaran koko ini, *end product*nya atau *consumer good*, dengan izin, harganya tidak pernah turun, tetapi kenapa bahan mentahnya turun.

Kalau kita hendak menyalahkan orang tengah, saya fikir tidak munasabah. Kalau kita hendak menyalahkan dari segi pasaran antarabangsa, tidak munasabah tetapi kerana *end product*n*ya*, produk akhir untuk pelanggan itu masih tetap sama atau lebih tinggi lagi. Jadi dalam perkara ini saya fikir sesuatu harus disegerakan untuk dilakukan.

Saya ada mempunyai kawan yang mempunyai sebuah kilang mengeluarkan coklat dan beliau menyatakan bahawa bahan-bahan koko tidak diperolehi daripada koko tempatan terpaksa import juga sedangkan kalau banyak koko-koko yang mempunyai jenama Malaysia saya fikir sebagai sebuah negara pengeluar koko pasaran antarabangsa terbuka dengan begitu luas. Tambahan pula Yang Berhormat bagi Sandakan ada menyebutkan beliau merayakan Hari Valentine (hari kekasih). Tentu ramai lagi yang merayakan hari kekasih seperti Yang Berhormat bagi Serdang ataupun Yang Berhormat bagi Sri Gading sebab dia baru ada dua cawangan mungkin ada cawangan-cawangan lainlah perlu dibuka. Jadi saya fikir ada kaitan dalam perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk bercakap panjang sebab saya akan menghadiri satu lagi mesyuarat yang tidak kurang pentingnya daripada Dewan Rakyat ini. Jadi sebagai wakil bagi Bagan Datoh saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Koko ini. Terima kasih.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, berdiri ada apa Yang Berhormat? Dia sudah habis Yang Berhormat. Dia sudah habis Yang Berhormat, dia sudah habis tadi tidak minta. Timbalan Menteri sila jawab.

**3.21 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dan saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-

ahli Yang Berhormat bagi Beluran, Bandau, Ipoh Timor, Teluk Intan, Kepong, Tambun, Sandakan dan Bagan Datoh yang telah pun membangkitkan beberapa isu mengenai dengan isu koko.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan soalan-soalan ini daripada Ahli Yang Berhormat juga hampir sama. Maka oleh itu saya cuba menjawabnya sebaik mung kin. Dan isu-isu yang telah dibangkitkan antaranya ialah daripada Beluran yang membangkitkan apakah rancangan kerajaan untuk membantu pekebun-pekebun kecil koko. Dalam hal ini kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah. Langkah-langkah berikut ialah seperti di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pihak kerajaan melalui Lembaga Koko Malaysia telah pun melaksanakan program pemulihan tanaman koko di seluruh Malaysia. Di bawah program ini seluas 1,069 hektar ataupun 2,640 hektar telah pun dipulihkan melibatkan 1,134 pekebun kecil. Petani-petani yang terlibat diberi insentif sebanyak RM4,000 dalam bentuk input-input pertanian dan upah mencantum bagi tempoh lima tahun.

Bagaimanapun bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan program pemulihan ini telah pun diperluaskan dari segi skop pemulihan kawasan-kawasan yang diperluaskan kepada 2,000 hektar ataupun 4,990 hektar yang melibatkan lebih daripada 2,000 pekebun kecil koko seluruh Malaysia. Bayaran insentif bagi petani-petani ini untuk memulihkan kebun masing-masing juga telah dipertingkatkan kepada RM6,600 untuk tempoh liputan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, petani-petani yang terlibat juga dibekalkan dengan bahan-bahan tanaman, klon-klon yang bermutu untuk disulam di kawasan masing-masing dan bagi meningkatkan dirian pokok untuk memastikan bilangan pokok bagi sehektar adalah ekonomik. Pihak kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan pengalaman petani-petani di dalam mengusahakan kawasan kebun koko mereka.

Petani-petani di bawah program ini akan mengikuti dua model kursus yang dianjurkan oleh pihak Lembaga Koko Malaysia. Di bawah program kursus-kursus ini pihak petani akan didedahkan kepada teknologi-teknologi yang baru dan lengkap mengenai pengurusan makhluk perosak dan penyakit, teknologi pembajaan serta amalan 'kultra' pekebun yang baik. Di samping itu melalui program pemindahan teknologi ini pihak kerajaan melalui Lembaga berusaha untuk meningkatkan tahap kemahiran pengurusan petani-petani ini di dalam menggunakan teknologi-teknologi

yang disampaikan untuk meningkatkan produktiviti koko mereka dan mengurangkan kos pengeluaran.

Dalam masa yang sama khidmat nasihat dan lawatan teknikal berkala oleh pegawai-pegawai Lembaga Koko Malaysia dan Jabatan Pertanian sering diadakan untuk membantu pekebun kecil koko yang masih mengusahakan tanaman koko mereka tetapi tidak termasuk di bawah program ini. Melalui lawatan-lawatan ini sebarang masalah dan tunjuk ajar dapat diberikan dengan serta merta dan berkesan.

Pihak kerajaan juga melalui Kementerian Perusahaan Utama sedang menggubal dan merangka skim-skim serta bentuk-bentuk bantuan khusus kepada petani-petani koko di bawah Tabung Bantuan Pekebun-pekebun Kecil yang diluluskan oleh pihak kerajaan baru-baru ini. Adalah diharapkan bahawa peruntukan tabung bantuan yang disediakan oleh kerajaan ini dapat digunakan oleh petani-petani yang ingin untuk menanam semula ataupun untuk tanaman baru koko. Pihak kerajaan mendapati bahawa minat petani terhadap tanaman koko telah meningkat semula. Dalam masa yang sama juga tanaman koko ini boleh diambil kira untuk dipertimbangkan sebagai tanaman sampingan dalam usaha mempelbagaikan tanaman komoditi negara kita. Satu daripada peruntukan untuk petani-petani adalah peruntukan yang kita kenali sebagai tabung 3F. Petani-petani koko juga boleh mendapatkan peruntukan bantuan dari tabung ini. Setakat ini 86 peminjam dengan jumlah pinjaman sebanyak RM10.48 juta telah dikeluarkan bagi petani dan pengusaha yang terlibat dalam pengeluaran koko di negara ini.

Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin, Beluran dan Sri Gading mengenai dasar kerajaan mengenai industri koko yang dikatakan tidak diberi perhatian suka saya menyatakan bahawa kerajaan tidak mengetepikan industri ini malah soalan ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bandau dan Kepong. Malah usaha-usaha telah dijalankan untuk memajukan industri ini di samping komoditi-komoditi yang lain seperti getah dan kelapa sawit. Dasar kerajaan pada masa ini ialah untuk mempelbagaikan tanaman supaya tidak bergantung kepada satu-satu komoditi.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Rompin dan Beluran juga tentang apakah dasar mempelbagaikan tanaman di negara kita ini. Memandangkan bahawa harga komoditi industri atau industrial commodities seperti getah, minyak sawit dan koko adalah bersifat cyclical maka langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan bagi menjalin viability komoditi-komoditi ini. Satu, nisbah yang optimum antara kelapa

sawit, getah dan koko perlu diperkenalkan bagi memastikan kombinasi pengeluaran yang boleh memberi pulangan yang optimum.

Kedua, tanah kepunyaan pekebun kecil yang bertaburan tidak tersusun dan tidak bersaiz ekonomik perlu disatukan supaya ianya dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil di masa hadapan. Ini juga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tentang penyatuan tanah-tanah supaya ia menjadikan satu saiz ekonomik yang boleh kita lakukan. Dan penggunaan tanah selaras dan diubahsuaikan untuk memastikan tanaman yang sesuai dengan keadaan sosial setempat ataupun zoning yang juga telah dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Tambun tadi. Untuk memaksimumkan produktiviti …

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya Tambun berdiri Yang Berhormat.

**Datuk Anifah Aman:** Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan antara langkah yang patut diambil ialah untuk menyatukan pekebun-pekebun kecil. Jadi apa yang ingin saya tanya sejauh ini apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan ke arah untuk menyatukan pekebun-pekebun kecil?

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan ataupun kementerian melalui Kementerian Perusahaan Utama telah pun mengkaji tentang bagaimana kita untuk menyatukan tanah-tanah yang tidak ekonomik yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil dan ini telah pun dijalankan dan kita mendapati bahawa masalah-masalah yang dihadapi dan kajian-kajian yang terperinci perlu lagi diadakan oleh kerana ada di antara pekebun-pekebun kecil tempat dan lokasi mereka tidaklah begitu berdekatan. Dan oleh itu beberapa perkara hendaklah diambil kira demi untuk menyusun semula dan supaya perkara seumpama ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

Dan juga untuk memaksimumkan produktiviti penggunaan tanah khususnya bagi tanaman industri getah, kelapa sawit dan koko pengezonan penggunaan tanah bagi komoditi ini atau 'zoning for the crops' telah pun diperkenalkan dan dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat bagi Beluran juga membangkitkan persoalan mengenai kekurangan biji benih koko bagi memperolehi keperluan pengisar-pengisar dalam negeri. Dalam hal ini suka saya nyatakan walaupun kita mengalami kekurangan pengeluaran biji koko tetapi ianya boleh diperolehi melalui import biji koko dari luar negeri terutama sekali daripada Indonesia. Pihak kerajaan tidak melaksanakan sebarang sekatan untuk pengisar mengimport biji koko ini. Kerajaan juga telah menghapuskan duti import biji koko semenjak tahun 1994.

Berkenaan dengan usaha-usaha kerajaan untuk menggalakkan perkembangan industri hiliran koko suka saya nyatakan bahawa kerajaan menggalakkan supaya industri ini bergabung dan meningkatkan aktiviti-aktiviti R&D dalam bidang ini dan juga usaha-usaha lain yang dijalankan. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan adalah seperti berikut iaitu LKM bekerjasama dengan pengisar-pengisar koko untuk mencipta teknologi yang boleh meningkatkan kualiti produk-produk separa siap supaya mudah diterima di pasaran dunia.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Dengan kerjasama ini kualiti serbuk koko akan meningkat dan dapat dieksport ke semua pasaran dunia. Kita juga dapat mencipta koko yang berperisa lebih baik untuk pesanan dan menjalankan pemindahan teknologi pembuatan coklat kepada pengusaha kecil-kecilan. Usaha ini dijangka akan dapat meningkatkan penggunaan koko di Malaysia. LKM juga bekerjasama dengan pengisar-pengisar koko di Malaysia untuk menjalankan promosi pasaran produk-produk daripada Malaysia di pasaran baru dan pasaran yang berpotensi. Ini termasuklah mengeluarkan pasaran di Asia Timur, Jepun, Korea, Cina, Eropah Timur dan lain-lain. Dengan usaha-usaha yang sedemikian permintaan serbuk koko Malaysia di pasaran dunia telah meningkat dan LKM juga sedang menjalankan penyelidikan untuk membangunkan pengeluaran produk-produk bukan makanan dari koko.

Di antara produk-produk bukan makanan tersebut adalah seperti berikut:-

(i) kosmetik, gincu, campuran untuk bedak muka, moisturizer, toiletries, sabun, syampu dan juga ubat gigi, ubat-ubatan, ubat sapuan cream untuk kulit atau sunblock atau cream.

Menjawab kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Beluran juga mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dan LKM dalam menangani ..

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin kembali kepada apa yang saya telah sentuh awal-awal tadi dan juga Yang Berhormat bagi Bagan Datoh, iaitu soal kekurangan bahan untuk digunakan oleh para pengilang bahan-bahan ataupun produk akhir koko ini. Adakah betul yang dikatakan tadi itu bahawa para pengilang coklat ataupun pengusaha yang menggunakan bahan koko ini mereka lebih yakin untuk mengimport bahan ataupun menggunakan bahan tempatan. Kalau ini betul itu mencerminkan keyakinan yang tidak mendorong kepada kita dan pengeluar-pengeluar. Jadi kalau ini betul di mana bahan asas kita eksport tetapi bahan yang berkualiti kita import dari luar, ini mencerminkan satu fakta yang tidak mendorong dari segi kualiti produk kita. Adakah ini betul atau tidak? Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya itu tidak betul. Sekarang kita adalah kekurangan biji koko yang kita import, bukan berdasarkan oleh kerana kalau sekiranya tuduhan Yang Berhormat itu benar maka kita mendapat kelebihan dalam negara kita. Apa yang kita lihat bahawa kita kekurangan dari segi biji koko itu dan tidaklah tepat oleh kerana kualiti kita tidak begitu tinggi maka kita mengimport biji koko daripada luar negara.

Untuk meneruskan tentang soalan Yang Berhormat bagi Beluran tadi mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam menangani kawasan tanaman koko dan pengeluaran biji koko tempatan yang semakin menurun, suka saya nyatakan bahawa kerajaan akan menggalakkan tanaman koko ditumpukan di kawasan yang mempunyai kesesuaian tanah dan iklim bagi membolehkan industri ini terus dibangunkan secara efisien dan kompetitif.

Walaupun keluasan koko telah berkurangan tetapi potensi produktiviti yang diperolehi daripada bahan-bahan tanaman yang sedang berupaya untuk meningkatkan pengeluaran ke paras yang diperlukan. Oleh yang demikian, LKM telah mengenal pasti strategi bagi meningkatkan produktiviti bagi menangani masalah pengurangan keluasan dan kejatuhan pengeluaran. Peningkatan produktiviti kepada keluasan yang mencukupi akan memastikan penggunaan sumber-sumber dan kos yang lebih cekap dan berkesan. Langkah-langkah yang telah dijalankan bagi meningkatkan produktiviti-produktiviti adalah seperti berikut:-

(i) menggunakan program pembangunan dan penyelidikan dengan menumpukan pelaksanaan projek-projek

penyelidikan dalam dua bidang utama iaitu meningkatkan produktiviti; dan kedua, mengurangkan kos;

(ii) melaksanakan program pembangunan pekebun kecil koko Malaysia yang menetapkan matlamat untuk meningkatkan purata produktiviti kepada 1.5 tan metrik sehektar setahun berbanding dengan hasil semasa iaitu 0.6 tan metrik sehektar setahun. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 1996 dan sehingga akhir tahun 2000 seluas 1,069 hektar kawasan tanaman koko telah berjaya dipulihkan melalui teknologi cantuman baja sisi. Program ini telah melibatkan seramai 1,134 orang petani yang meliputi negeri Perak, Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah. Program ini telah berjaya mencapai sasaran produktiviti yang ditetapkan iaitu 1.5 tan metrik sehektar setahun. Program ini akan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan;

(iii) membekalkan bahan-bahan tanaman yang bermutu kepada pengusaha-pengusaha tanaman koko; dan

(iv) menjalankan pemindahan teknologi mengenai pengurusan dan penjagaan tanaman bagi meningkatkan kemahiran petani-petani melalui edaran manual penjagaan tanaman dan pemprosesan koko, penganjuran kursus teknologi koko, lawatan kerja, demonstrasi ladang dan sebagainya.

Yang Berhormat bagi Beluran juga yang membangkitkan banyak isu dan juga Yang Berhormat bagi Bandau ada membangkitkan mengenai nasib kakitangan MARDI apabila stesen MARDI Hilir Perak diambil oleh LKM dan juga berkaitan dengan tugas pemasaran yang diambil oleh FAMA. Yang Berhormat bagi Bagan Datoh telah juga membangkitkan nasib pengundi-pengundi beliau di Bagan Datoh apabila LKM mengambil alih perusahaan MARDI itu.

Tuan Yang di-Pertua, semasa LKM mengambil alih stesen penyelidikan MARDI Hilir Perak terdapat 165 jawatan di stesen berkenaan. Namun demikian bukan semua jawatan itu diisi. Personal-personal MARDI adalah diberi opsyen untuk berkhidmat dengan LKM dan meneruskan tugas mereka seperti masa mereka bertugas di MARDI. Bagi mereka yang memilih untuk berkhidmat dengan LKM, sebahagian daripada mereka diberi tugas-tugas yang baru sebagai Pengurus dan

Timbalan Pengurus di Pusat-Pusat Penyelidikan LKM dan tugas-tugas lain yang diperlukan oleh LKM. Oleh itu, dalam proses pengambilalihan tiada pekerja yang dibuang kecuali mereka yang memilih opsyen untuk bersara secara pilihan.

Oleh itu, Yang Berhormat bagi Bagan Datoh tidak usah bimbang tentang ketiadaan pengundi-pengundi beliau yang telah pun diketepikan oleh kerana pengambilalihan LKM daripada MARDI itu.

Mengenai fungsi pemasaran koko pula yang telah pun dipindahkan kepada LKM dengan berkuat kuasa pindaan Akta 343 ini, adakah LKM berupaya untuk mempunyai kemampuan untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa berkaitan dengan pengusahaan koko yang dijalankan oleh FAMA.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengadakan peruntukan baru Seksyen 25A dalam Akta LKM memansuhkan fungsi MARDI dalam bidang penyelidikan tanaman selangan koko dengan kelapa dan kopi oleh pekebun-pekebun kecil, kerajaan juga memutuskan untuk memansuhkan fungsi dan kuasa FAMA berkaitan dengan pemasaran koko. Tujuan memansuhkan fungsi dan kuasa pemasaran koko daripada FAMA ialah juga untuk mengelakkan pertindihan fungsi dan pembaziran dari segi penggunaan sumber-sumber kewangan kerajaan. Lagi pun, langkah ini adalah selaras dengan dasar pengecilan saiz perkhidmatan awam dan arah aliran membangunkan fungsi penyelidikan dan pembangunan serta pemasaran bagi satu-satu komoditi di bawah satu bumbung seperti mana yang berlaku kepada agensi minyak sawit dan getah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sipitang bangun.

**Datuk Anifah Aman:** Silakan.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tempat saya tidak ada koko, tempat Yang Berhormat pun ada sedikit koko sahaja. Tetapi bila disebut mengenai dengan pemasaran tadi yang sering dikritik ataupun yang dipersoal oleh penanam koko ialah harga koko yang murah dan juga dari segi penggunaan koko itu sendiri kerana tidak dipelbagaikan. Apakah kategori makanan ataupun koko ini kepada negara kita, apakah ia dijadikan makanan mewah, *luxurious food,* ataupun bolehkah ia dijadikan sebagai makanan biasa kepada rakyat Malaysia. Apakah ada kajian di seluruh negara ini berkenaan dengan berapa banyak penduduk negara ini memakan koko ini. Bila kita lihat dalam persepsi masyarakat bahawa koko ini adalah makanan *luxury*, dengan izin, ataupun

kumpulan mewah, tidakkah ada promosi supaya koko ini boleh digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia pelbagai cara supaya ia mudah digunakan dan juga mengaitkan dengan makanan harian yang mengubah persepsi negatif misalnya yang makan koko ini, kalau isteri jangan makan nanti gemuk, tidak cantik ataupun anak-anak tidak digalakkan makan koko nanti dapat penyakit gemuk dan sebagainya. Apakah kita tidak boleh mengubah persepsi ini supaya koko itu menjadi makanan harian yang boleh digunakan setiap hari dan di *counter* atau pun dilawan dengan cara hidup sihat ataupun latihan, senaman supaya koko ini dapat digunakan oleh seluruh masyarakat Malaysia dan pasarannya lebih baik.

Dengan ini tentunya permintaan tinggi, harga koko itu lebih. Kalau kita lihat hari-hari kita ada ruang masakan, Chef Wan keluar di TV, buku masakan, jarang sekali masakan ini yang menggunakan koko. Cuma makanan tertentu misalnya kalau minyak kelapa sawit setiap masa saya lihat memang ada ruang minyak kelapa sawit, tetapi jarang sekali dipromosikan pelbagai ribuan jenis masakan yang ada campuran koko, sama ada koko yang berwarna coklat ataupun koko yang berwarna putih, seperti yang kita hebohkan. Apakah pandangan Yang Berhormat dan apakah usaha ini boleh kita laksanakan di negara kini supaya permintaan tinggi, harga koko naik. Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Izinkan dahulu saya menjawab soalan tentang fungsi MARDI yang dimaksudkan tadi, izinkan saya sempurnakan dahulu jawapan itu dan saya akan kembali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang tadi.

Selain daripada fungsi penyelidikan dan pembangunan R&D, salah satu fungsi LKM yang lain ialah mengawal selia dan mengelaskan perjalanan, pengeluaran, pemprosesan, penggredan, penstoran, pengangkutan dan pemasaran koko dan produk-produk koko FAMA yang pernah menjalankan fungsi perlesenan dan pengedaran koko sudah tidak lagi menjalankan peranan tersebut, ianya telah diambil oleh LKM semenjak tahun 1991 lagi. Dengan pemindahan pengawal dan kakitangan MARDI ke LKM dan urusan penyusunan semula organisasi LKM, agensi ini dijangka akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan lagi selaras dengan objektifnya untuk membangunkan industri koko Malaysia berasaskan kepada dasar dan strategi membangunkan negara keseluruhannya.

Mengenai dengan R&D koko yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Beluran dan Teluk Intan mengenai koko boleh dikomersialkan mengikut Seksyen 10A akta berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil-hasil R&D mengenai koko perlu dikomersialkan supaya kerajaan akan dapat faedah darinya dan juga hasil daripada penyelidikan tersebut dapat dinikmati oleh orang ramai. Kerajaan melalui Lembaga Koko Malaysia (LKM) akan menjalankan penyelidikan asas mengenai sesuatu produk tetapi untuk mengeluarkan secara besar-besaran ianya perlu diberikan kepada pihak-pihak yang tertentu untuk dilaksanakan. Dengan cara begini, ianya akan dapat meningkatkan permintaan terhadap koko dan seterusnya akan dapat memberi kesan yang positif kepada harga koko. Ini juga ada sangkut-pautnya dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sipitang tadi. Walau bagaimanapun bukan semua hasil R&D akan dikomersialkan terutama sekali yang menyentuh hasil-hasil penyelidikan, huluan, *upstream*, dengan izin, pada masa ini dinikmati oleh pekebun-pekebun kecil memandangkan bahawa ianya merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial kerajaan.

Mengenai sehubungan industri koko kepada negara seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandau, suka saya maklumkan bahawa sumbangan industri koko kepada ekonomi negara adalah meliputi perkara-perkara yang berikut. Menjadi sumber kehidupan kepada kira-kira saya nyatakan tadi, 100,000 pekebun kecil di seluruh negara, menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 13,000 orang pekerja estet dan kira-kira 2,000 orang pekerja mahir di sektor perkilangan produk-produk koko, menyediakan sumber bahan mentah kepada industri hiliran berasaskan koko yang melibatkan 10 buah kilang pengisaran biji koko dan kira-kira 30 buah kilang pembuatan coklat dan *confectionery* coklat dan memberikan pendapatan eksport sebanyak RM668 juta kepada tahun 2000.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Penjelasan.

**Datuk Anifah Aman:** Pecahan terperinci pendapatan tersebut adalah seperti berikut:

(i) biji koko RM31.89 juta;

(ii) pes koko RM98.88 juta;

(iii) kek koko RM32.94 juta;

(iv) mentega koko atau lemak koko RM342.71 juta;

(v) serbuk koko RM98.46 juta; dan

(vi) coklat RM78.80 juta.

Jumlah kesemuanya ialah sebanyak RM683.68 juta.

Kapasiti kilang pengisaran ialah 160,000 tan setahun. Silakan, Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Naib Ketua Bahagian, tahniah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, tadi mengatakan bahawa 100,000 ekar seluruh negara yang ditanam dengan koko yang mana telah menyediakan peluang pekerjaan kepada kira-kira 13,000 orang. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sejauh mana bilangan pekerja ladang ini yang didatangkan khas daripada luar, mungkin daripada Filipina dan adakah ia menjejaskan kedudukan pekerja-pekerja tempatan. Minta sedikit penjelasan.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat Ketua Bahagian daripada Larut. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat. Izinkan saya membetulkan sedikit faktor yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi bahawa keluasan tanaman pada masa kini ialah 77,000 hektar dan ini menjadi sumber kehidupan kepada kira-kira 100,000 pekebun-pekebun kecil di seluruh negara dan menyediakan pekerjaan kepada 13,000 orang. Jadi sebahagian besar daripada pekerja-pekerja ini adalah terdiri daripada pekerja-pekerja buruh asing dan pecahannya saya tidak ada di sini. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripadanya adalah terdiri daripada pekerja-pekerja buruh asing.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terdapat dari Filipina atau tidak? Itu sahaja saya ingin tahu.

**Datuk Anifah Aman:** Yang Berhormat, kebanyakan daripada pekerja-pekerja ini daripada Indonesia dan juga Filipina. Saya agak tertarik mengapakah Yang Berhormat begitu minat sekali terhadap pekerja-pekerja Filipina dan saya berharap Yang Berhormat tidak akan bertanya lagi kepada saya sama ada pekerja daripada Filipina itu, apa jantinanya. *[Ketawa]*

Yang Berhormat bagi Bandau juga ada membangkitkan mengenai perkara bahan-bahan genetik koko berikutan daripada aktiviti penebangan koko yang dijalankan oleh estet dan pekebun kecil. Dalam hal ini, Yang Berhormat, suka saya nyatakan bahan-bahan genetik yang terdapat di ladang-ladang yang ditebang telah dikumpulkan bakanya oleh LKM. Ianya akan ditanam di Madai Beterong, Kunak, Sabah.

Mengenai pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah Koko pula, suka saya nyatakan mereka adalah dilantik berdasarkan kebolehan, dapat menyumbangkan kepada memajukan industri koko dan saya ya….

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang dikatakan tadi bahawa dua perkara di sana dari segi bahan genetik yang sedia ada. Pihak umum berpendapat bahawa tindakan setakat ini barangkali tidak mencukupi untuk melindungi klon-klon yang dahulunya ditanam di sebelah Tawau khasnya melalui kajian-kajian oleh kuasa penyelidikan di Queen Hill. Jadi dikatakan tadi ada di Beterong dan seterusnya, tetapi adakah ini mencukupi atau tidak memandangkan begitu luas ladang-ladang koko yang terkenal dahulu sudah pun ditanam sepenuhnya dengan kelapa sawit.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai pelantikan ahli-ahli Lembaga ini. Walaupun syarat-syarat ditentukan atas soal pemilihan tetapi perlu kerajaan memastikan bahawa mereka yang dilantik ini seperti yang dikatakan awal pagi tadi hendaklah mereka yang betul-betul minat dan pakar dalam memperjuangkan tanaman koko dan perlu semak dari semasa ke semasa tetapi sebahagian mereka ini menanam kelapa sawit dan kawasan koko mereka dari setahun bertambah sedikit, jadi *conflict of interest,* dengan izin. Jadi perlu saya rasa pihak kerajaan meninjau perkara ini supaya mereka yang mempromosikan tanaman koko adalah mereka yang betul-betul juga menanamnya ataupun bukan pula yang sudah menebang ladang mereka dengan kelapa sawit, *otherwise,* dengan izin, *it makes no impact on people to ask to plant the crop when they themselves have cleared* ladang kelapa sawit mereka. Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang genetik-genetik Yang Berhormat katakan tadi, saya percaya dan yakin bahawa pihak LKM telah pun mengambil ketetapan bahawa semuanya akan diperlindungi termasuk klon-klon yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tentang pelantikan dan syarat-syarat pelantikan Ahli-ahli Lembaga Koko itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, kemungkinan bahawa Pengerusi Lembaga Koko itu telah pun beralih daripada tanaman koko ke kelapa sawit dan ini juga kita sedia maklum, walau bagaimanapun tentang kefahaman dan kepakaran beliau dalam industri koko itu masih lagi diperlukan. Maka oleh itu kita telah pun mengekalkan dan sekiranya perlu kita juga akan mengubah sekiranya keperluan itu wujud semula.

Yang Berhormat bagi Bandau juga telah bertanya tentang kawasan penanaman koko mengikut negeri-negeri kawasan terutamanya negeri Sabah dalam tahun 2000. Yang Berhormat, di negeri Sabah keluasan tanaman koko ialah 20,089 hektar dan…..

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Larut bangun.

**Datuk Anifah Aman:** Boleh saya bacakan dahulu penanaman-penanaman koko negeri, termasuk Sabah? Okey, silakan, silakan.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun saya tidak tahu pasal koko, tidak ada ladang koko, tetapi kawan-kawan saya ada ladang koko, mungkin dalam Parlimen ini, tidak tahulah sebelah sana. Saya ingin bertanya tentang LKM ini, tentang sama ada mungkin pemilik ladang koko ini sebagaimana angka yang statistik yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi begitu besar, yang mungkin membabitkan mereka yang menanggung kerugian dan mungkin dengan izin *bailout* ke atas mereka yang terbabit kerana saya tahu sahabat saya daripada Ipoh Timur ini, dia ada 1,000 ekar ladang koko supaya kita ingin masa depan perusahaan koko ini terjamin. Jadi, minta sedikit penjelasan. Saya tidak masuklah pasal kalau kata manusia makan koko ini sihat, saya lebih suka kalau binatang-binatang peliharaan ini makan koko, supaya bila sihat kita pun boleh makan binatang semacam lembu dan kerbau. Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Tentang sebenarnya kos pengeluaran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur di bawah RM4,000 daripada statistik yang saya dapati daripada LKM adalah tidak begitu tepat sekali bahawa kos production ialah di antara RM1,100 hingga RM1,900 di pekebun-pekebun kecil dan tahap harga yang kita perolehi iaitu RM3,700 ke RM4,000 itu agak lumayan bagi pekebun-pekebun kecil.

Saya berharap bahawa Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tadi mengkaji semula kos pengeluaran dan kalau boleh, saya akan arahkan pihak tertentu atau LKM untuk membantu bagaimana cara untuk kita mengurangkan kos pengeluaran Yang Berhormat itu. Menyambung semula kepada bilangan keluasan negeri Sabah *estate* 20,089 hektar, pekebun kecil 32,088 hektar dan jumlah 52,177 dan Yang Berhormat, saya mempunyai semua statistik daripada semua negeri kita sebanyak 12 buah negeri, tetapi saya ingat agak panjang kalau saya bacakan dan sekiranya

perlu, saya akan memberi secara bertuli. Jumlah kesemuanya di negara kita pada masa kini ialah 77,769 hektar semuanyadan juga.........*[Disampuk]*

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Tadi jumlah yang disebut keseluruhan negara itu, kita berpendapat bahawa sebenarnya kawasan koko lebih besar daripada jumlah tersebut. Hanya kawasan itu terbiar dan tidak diusahakan. Dalam anggaran pihak kementerian, berapakah kawasan yang dikenal pasti sebagai tanah terbiar sebab laporan pada tahun 1998, masih dalam sekadar 130,000 dan dalam tiga tahun merosot kepada kira-kira 80,000, amat besar. Di katakan ini sebahagian tidak diambil kira ladang koko yang sebenarnya masih ditanam koko tetapi dibiarkan sahaja dan baharu sahaja tahun ini ataupun pertengahan tahun lalu, diusahakan kembali memandangkan kemerosotan harga kelapa sawit dan memaksa para penanam kembali kepada koko. Adakah ini Yang Berhormat setuju atau tidak? Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandau. Keluasan yang diberi ini ialah masih lagi ditanam dengan koko dan mempunyai pengeluaran yang telah pun dikeluarkan. Memang kemungkinan ada kawasan-kawasan yang terbiar dan satu daripada yang saya katakan pada awal-awal tadi, satu daripada fungsi LKM ialah untuk memulihkan kawasan-kawasan ini terutama sekali melalui program-program yang kita laksanakan. Terutama sekali pada pekebun-pekebun kecil dan saya telah pun jelaskan bahawa ada beberapa keluasan yang telah pun kita usahakan dan usaha ini akan diteruskan bagi melihat dan mengenal pasti bahawa apakah keperluan-keperluan kita untuk membantu pekebun-pekebun kecil terutama sekali kepada mereka yang ingin semula menanam koko di kawasan-kawasan mereka.

Yang Berhormat bagi Bandau juga ada bertanya tentang laporan terkini pengeluaran hasil pendapatan terkini, kepasiti kilang dan berapa peratuskah digunakan pasaran-pasaran yang luas untuk dikembangkan. Bahawa daripada pendapatan koko pada tahun 1997 ialah 69,100, 1998 .....………. dan dalam tahun 2,000 ramalan 'RM16.80'. Kapasiti pengilang-pengilang pada tahun 1999 ialah 145,000 tan metrik dan pada tahun 2000 ialah 165,000 tan metrik dan pada tahun 2001 dianggarkan 150,000 ke 250,000 tan metrik.

Yang Berhormat bagi Kepong telah pun membangkitkan mengenai promosi. Program promosi LKM untuk meningkatkan penggunaan koko tempatan adalah meliputi seluruh negara. Sebagai contoh di bawah program promosi dengan

Kementerian Pendidikan, aktiviti-aktiviti ini melibatkan lebih 1,000 buah sekolah yang di seluruh Malaysia dan pihak Lembaga telah pun menerbitkan video pendidikan mengenai koko yang ditayangkan oleh RTM melalui saluran televisyen pendidikan di seluruh negara kita.

Tentang banci pula Yang Berhormat, pihak Lembaga mengambil maklum mengenai pentingnya mewujudkan perangkaan dan maklumat mengenai industri koko ini. Pihak Lembaga telah pun merancang dan melaksanakan bancian pekebun kecil koko. Bagi tahun 2000, pihak Lembaga telah selesai melaksanakan banci koko ini dan pekebun kecil bagi negeri Sarawak. Bagi tahun 2001, pihak Lembaga akan mengadakan bancian pekebun kecil koko untuk Semenanjung dan adalah dijangka bagi tahun 2002, bancian yang sama akan diadakan di negeri Sabah.

Yang Berhormat bagi Rompin membangkitkan mengenai harga pasaran dan kos pengeluaran koko berbanding kelapa sawit. Saya suka nyatakan bahawa kos pengeluaran untuk mengeluarkan satu tan metrik biji koko kering di sektor pekebun kecil yang saya nyatakan tadi ialah di antara RM1,100 - RM1,980, manakala kos pengeluaran di sektor *estate* ialah pada paras RM2,500 - RM3,200. Ini bermakna pada paras harga sekarang iaitu pada RM3,700 - RM4,000 tanaman koko adalah menguntungkan. Di samping itu dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti sektor pekebun kecil kepada paras sekarang kepada 1.5 tan metrik sehektar setahun, maka tanaman koko adalah menguntungkan.

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan peraturan masyarakat. Ambil masa rehat Timbalan Menteri sekejap. Di bawah Peraturan 35(6), ini berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timur yang dikatakan dia mempunyai 1,000 ekar koko. Betul atau tidak kerana boleh mengambil bahagian dalam perbahasan tadi dan tanpa mengisytiharkan kepentingannya. Jadi, saya ingin tanya betul atau tidak supaya kita jelas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 35, Peraturan berapa?

**Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Peraturan 35(6). Seorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan apa-apa perkara yang ada kepentingan dan faedah. Jadi, kalau dia betul petani dalam soal ini, jadi kita mahu tahu juga betul atau tidak, ada 1,000 ekar koko?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** 1,000 ekar?

**Tuan Thong Fah Chong:** Bukan saya punya Yang Berhormat. Ini syarikat bapa saya punya, bukan saya punya. Ini penjelasan. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama teruskan.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bandau juga menyoal tentang laporan tiga tahun kebelakangan, laporan tahunan terbaru dibentang di Parlimen pada tahun 1999 dan juga seminar penerangan kurang dan untuk makluman Yang Berhormat, pihak Lembaga sentiasa menyediakan maklumat-maklumat dan perangkaan terkini dan diterbitkan secara berkala.

Penerbitan-penerbitan ini termasuklah *Malaysian Cocoa Monitor* memberi perangkaan-perangkaan ekonomi, perdagangan koko dalam negeri dan antarabangsa. Banci *estate* koko memberi perangkaan terkini 1999 dan 2000 sedang disediakan. Dari segi pameran dan persidangan, pihak LKM sentiasa mengambil berat tentang aspek promosi dan pemindahan teknologi dengan pihak-pihak tertentu sama ada di peringkat kebangsaan ataupun pihak antarabangsa.

Sebagai contoh, tahun 2000 LKM telah menganjurkan persidangan koko antarabangsa yang manakala dihadiri oleh para penyelidik seramai 400 orang daripada dalam dan luar negara yang mewakili negara pengeluar dan pengguna. Pihak LKM juga telah menganjurkan dua bengkel di Tawau mengenai isu dan penggunaan teknologi kawalan penyakit dan buah hitam dan kanser batang. Yang Berhormat bagi Ipoh Timur juga membangkitkan mengenai peranan *Malaysian Cocoa Growers Counsil* (MCGC). Suka saya nyatakan bahawa MCGC telahpun dibubarkan. Kebanyakan ladang-ladang yang terbesar telah mengadakan polisi untuk menebang semula koko mereka dan hanya menanam kelapa sawit.

Yang Berhormat bagi Bandau juga telah pun menyuarakan tentang apakah masa hadapan koko di negara kita. Yang Berhormat, sebenarnya prospek industri koko berasaskan kepada unjuran bahawa kadar pertumbuhan permintaan koko dunia akan berkembang dalam lingkungan 3% setahun berbanding dengan kadar pertumbuhan bekalan koko dunia sebanyak kurang daripada 2% setahun. Peluang bagi industri koko Malaysia untuk berkembang adalah cerah. Kadar pertumbuhan permintaan koko dunia juga bergantung kepada pertumbuhan ekonomi dunia terutamanya negara-negara pengimport koko yang mana menggunakan per kapita koko masih rendah seperti negara-negara Eropah Timur, Rusia, Republik Rakyat China, India dan Pakistan.

Oleh yang demikian, Malaysia perlulah merebut peluang pasaran yang terbuka di negara-negara berkenaan. Selain daripada dasar-dasar yang digubal termasuk insentif-insentif kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan dari masa ke semasa, masa hadapan industri koko bergantung kepada keyakinan dan penglibatan sebenar sektor swasta dalam meningkatkan pelaburan dalam industri ini. Penyertaan Malaysia di dalam WTO, APEC, ASEAN, CPA dan ICCO seharusnya membuka peluang kepada pihak industri koko untuk memajukan lagi industri koko negara.

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Beluran bangun.

**Datuk Anifah Aman:** Izinkan saya habiskan ini. Pihak industri koko harus menimbang kemungkinan mengadakan perkongsian bijak (smart partnership) dengan rakan-rakan dagangan dalam *win-win situation*. Silakan.

**Tuan Ronald Kiandee:** Saya sependapat bahawa masa hadapan koko di Malaysia begitu cerah dan dengan usaha-usaha kementerian, ianya tentu akan memberi pulangan yang lebih baik. Tetapi kalau kita melihat sekarang ini, ada usaha-usaha industrialist daripada Barat yang mengusahakan dan mengeluarkan produk koko seperti coklat secara *genetically engineered (GE)*, coklat umpamanya dan ketika ini sedang dipasarkan di beberapa negara. Kalau kita melihat laporan akhbar dalam dua tiga hari yang lalu, sekumpulan *'Green Peace'* cuba menghalang penjualan G.E coklat ini di Jepun.

Jika kita lihat perkembangan ini, saya ingin bertanya penjelasan daripada Timbalan Menteri, bagaimana prospek koko secara jangka masa panjang jika G.E coklat ini mendapat pasaran di kalangan masyarakat dunia? Bagaimana masa hadapan koko, adakah ia menjadi satu *trap* kepada industri koko itu keseluruhannya?

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa kini, kita belum lagi mendapat laporan yang terperinci tentang apakah kesannya kalau koko yang diusahakan melalui *genetic* ini dan apakah saingannya yang dikeluarkan pada masa ini.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat yang saya katakan tadi bahawa perkembangan dan prospek industri koko yang permintaannya akan meningkat, maka oleh itu pada masa kini prospek ini adalah cerah dan juga kejayaan industri

koko negara pada masa hadapan akan juga bergantung kepada kemampuan pihak industri sendiri untuk menyahut peluang-peluang dan cabaran-cabaran yang wujud dalam suasana ekonomi yang lebih mencabar dan kompetitif dalam era globalisasi dan liberalisasi dan teknologi maklumat pada masa kini dan era bioteknologi pada masa hadapan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Ada juga dipersoalkan tentang kenapakah harga produk-produk koko masih tinggi sedangkan harga biji koko menurun. Ahli-ahli Yang Berhormat, harga koko bergantung kepada banyaknya biji koko yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar dunia tetapi harga produk-produk ialah ditetapkan oleh *manufacturers* yang kita tidak mempunyai kuasa untuk menetapkan tentang harga-harga yang demikian.

Yang Berhormat bagi Bandau, Kepong, Tambun dan Sri Gading telah pun membangkitkan isu mengenai prestasi perbelanjaan Lembaga Koko. Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan pengurusan pada tahun 1998 kepada LKM, peruntukan yang diluluskan ialah RM8.4 juta dan peruntukan daripada kerajaan ialah RM6.7 juta dan perbelanjaan ialah RM7.3 juga iaitu 108% yang lebih daripada yang diberikan. Hasil kelebihan itu dibendung oleh industri itu sendiri.

Pada 1999, peruntukan yang diluluskan ialah RM11.3 juta, peruntukan daripada kerajaan ialah RM9.4 juta dan perbelanjaan ialah RM9.4 juta juga. Ini bermakna 100% peruntukan yang diadakan oleh kerajaan telah pun dibelanjakan.

Pada tahun 2000, peruntukan yang diluluskan ialah RM14.4 juta dan peruntukan daripada kerajaan ialah RM13.3 juta, yang dibelanjakan oleh LKM ialah RM12.7 juta. Ini bermakna 95% telah pun digunakan.

Peruntukan pembangunan juga pada 1996 ialah RM2.3 juta telah pun diperuntukkan dan RM2.036 juta telah pun dibelanjakan dan pada tahun 2000, RM10.1 juta diperuntukkan dan RM12.7 juta telah pun dibelanjakan. Melainkan pada tahun 1998 Yang Berhormat sedia maklum bahawa RM6.1 juta diperuntukkan, kita cuma membelanjakan RM2.51 juta ialah kerana kita telah pun dinasihatkan untuk menjimatkan dalam kita menghadapi krisis kewangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah RM31.445 juta dan jumlah yang dibelanjakan ialah RM31.40 juta. Ini bererti kita telah pun membelanjakan sebanyak RM99.98 juta dan untuk peruntukan penyelidikan dan pembangunan juga pada 1998 ialah RM1.1juta telah pun diperuntukkan, kita telah pun belanja sebanyak RM762 ribu dan 1999 sebanyak

RM1.08 juta diperuntukkan dan kita telah pun berbelanja sebanyak RM1.08 dan apda 2000, peruntukan diadakan sebanyak RM2.007 juta dan kita telah pun membelanjakan sebanyak RM1.00 iaitu 50% yang telah pun diadakan.

Yang Berhormat bagi Teluk Intan juga telah pun membangkitkan harga biji koko pada masa ini, walaupun telah meningkat semula ke paras kira-kira RM3,700 hingga RM4,000 setan metrik mulai penghujung bulan Januari 2001 tetapi ianya masih tertakluk kepada turun naik harga di pasaran. Keadaan ini telah menjejaskan pendapatan mereka yang terlibat dalam pengeluaran koko. Oleh yang demikian, adalah dirasakan perlu kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu bagi membantu industri-industri koko terutama penanam-penanam koko yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil yang bilangannya dianggarkan berjumlah 100 ribu orang.

Oleh itu, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama dan Lembaga Koko Malaysia untuk menangani masalah turun naik harga koko dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani-petani kita.

Tuan Yang di-Pertua, berasaskan anggapan bahawa kerjasama antarabangsa adalah perlu untuk menentukan kejayaan usaha untuk menangani masalah harga koko dan menjaga serta memajukan kepentingan industri koko negara, kerajaan telah memutuskan supaya Malaysia menganggotai Perikatan Negara-negara Pengeluaran Koko atau Cocoa Producers Alliance (CPA), dengan izin dan Pertubuhan Koko Antarabangsa atau International Cocoa Organization (ICCO), dengan izin, di bawah Perjanjian Koko Antarabangsa 1993.

Keputusan kerajaan menjadi anggota kepada kedua-dua pertubuhan antarabangsa adalah juga berasaskan kepada pertimbangan kerjasama selatan-selatan. Salah satu objektif utama kedua-dua organisasi ini adalah untuk menyumbangkan kepada usaha menyeimbangkan kedudukan permintaan dan bekalan koko dunia supaya harga koko dapat distabilkan pada paras yang munasabah dan berpatutan bagi faedah negara-negara pengeluar koko dan juga kepada negara-negara pengguna koko. Dengan harga koko yang lebih stabil, negara-negara pengeluaran koko juga akan mendapat faedah dari segi kestabilan bekalan.

Ketika ini usaha untuk menstabilkan pasaran koko dilaksanakan melalui program pengurusan pengeluaran di bawah Perjanjian Koko Antarabangsa 1993 yang bertujuan untuk mencapai keseimbangan antara bekalan dan permintaan koko

dunia. Di bawah program ini, himpunan stok-stok dunia yang tinggi akibat daripada keadaan pengeluaran koko yang melebihi permintaan koko dunia selama tujuh tahun berturut-turut mulai tahun 1984, 1985 hingga 1991, 1992 akan dikurangkan kepada paras tertinggi iaitu kira-kira 66% ke paras kira-kira 30% diukur daripada kadar stok dan penggunaan koko dunia.

Pada tahun 1998, 1999, kadar stok bekalan adalah sebanyak kira-kira 44.8% dan pada tahun 1999 dan 2000 kadar tersebut telah meningkat semula ke paras 47.1%. Walau bagaimanapun, unjuran terbaharu menunjukkan bahawa kadar tersebut akan berkurang ke paras 39.3% pada tahun 2000 dan 2001.

Selain daripada itu, ekoran daripada perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam pasaran koko dunia, perikatan negara-negara pengeluar koko, CPA dan mesyuarat pada bulan Mac 2000 di London telah bersetuju untuk mengurangkan kira-kira 2000 tan metrik biji koko dari pasaran antarabangsa. Ini dilakukan dengan cara mengehadkan pengeksportan biji koko yang berkualiti rendah atau yang tidak bergred di pasaran antarabangsa.

Dan perbincangan lanjut mengenai keputusan ini telah pun diadakan semasa perhimpunan agung ke-63 dalam Mesyuarat Majlis Menteri-menteri CPA yang telah diadakan di Kota Kinabalu Sabah, Malaysia pada 2 hingga 6 Oktober 2000 baru lalu. Dalam mesyuarat tersebut CPA telah mengambil maklum dan mengalu-alukan keputusan empat negara pengeluaran koko di Afrika iaitu Cote D'Ivoire, Ghana, Nigeria dan Cameroon semasa mesyuarat peringkat menteri negara berkenaan di Abidjan, Cote D'Ivoire pada 14 dan 15 Julai 2000 untuk melaksanakan deklarasi Abidjan yang bertujuan untuk mengeluarkan kira-kira 290,000 tan metrik biji koko daripada pasaran antarabangsa melalui tahun 2000 dan 2001.

Memandangkan kepada masalah-masalah tertentu di Cote D'Ivoire dan Ghana, pelaksanaan deklarasi Abidjan itu belum lagi dapat dilaksanakan pada ketika ini. Sungguhpun demikian, adalah menjadi harapan CPA bahawa dengan kesungguhan yang ditunjukkan oleh negara-negara pengeluaran koko yang berkenaan, harga koko di pasaran antarabangsa dijangka akan menjadi lebih baik pada masa-masa yang akan datang. Tindakan Cote D'Ivoire, negara pengeluaran koko dunia mengurangkan pengeluaran koko negara mulai tahun 2000, 2001 dengan menanam semula pokok-pokok koko yang telah tua telah membawa kesan yang positif terhadap harga koko ketika ini.

Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah sederhana dan jangka panjang majlis menteri-menteri CPA juga telah bersetuju dengan langkah-langkah promosi yang berterusan dan yang lebih berkesan termasuk usaha untuk mendapatkan kerjasama badan-badan antarabangsa seperti UNICEF untuk menggalakkan penggunaan koko di kalangan kanak-kanak terutamanya di negara-negara yang menghadapi masalah kemiskinan dan kekurangan bahan makanan.

Sementara itu memastikan perusahaan penanaman koko terus menguntungkan, LKM telah melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti berikut:-

(i) Melaksanakan program-program pemulihan tanaman di sektor pekebun kecil bagi meningkatkan produktiviti purata 0.7 tan sehektar setahun ketika ini kepada purata 1.0 tan sehektar setahun;

(ii) Menggalakkan petani-petani untuk memproses biji koko bagi memperolehi harga yang lebih baik;

(iii) Menggalkkan pembangunan kelompok-kelompok petani bagi membolehkan pengurusan dan pengeluaran tanaman yang lebih tersusun dan menguntungkan;

(iv) Menggiatkan aktiviti-aktiviti pelesenan bagi mengawal selia urusniaga koko sebagai usaha untuk memastikan petani-petani memperolehi harga yang berpatutan dengan kualiti yang ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat bagi Tawau juga telah pun membangkitkan sama ada kerajaan akan memberi pinjaman penanaman semula kepada penanam koko di negeri Sabah sebagai galakan kepada mereka yang menanam tanaman yang lebih menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menyediakan kemudahan pinjaman kepada penanam koko bagi tujuan penanaman semula, pemulihan atau tanaman baru. Pinjaman tersebut adalah diberi melalui tabung utama makanan atau fun for food, dengan izin, di mana koko adalah merupakan salah satu tanaman yang layak untuk mendapat pinjaman melalui tabung ini yang disalurkan oleh Bank Pertanian Malaysia, Bank Perdagangan dan syarikat-syarikat cawangan. Oleh itu, petani-petani boleh mendapatkan pinjaman daripada tabung ini jika ianya memerlukan. Sehingga ini sebanyak 86 pinjaman yang telah pun diluluskan bernilai RM10.48 juta.

Ahli Yang Berhormat bagi Tawau juga telah membangkitkan tentang pekerja asing …..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan Yang Berhormat bagi pihak kementerian ini kita terima. Tetapi kalau jawapan itu hendak dilaksanakan juga untuk masa yang akan datang, saya bimbang apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen untuk satu keadaan yang lebih baik kepada petani-petani yang terlibat dengan tanaman koko mungkin tidak tercapai. Maka itu, satu pendekatan yang baru, yang agak berbeza, yang ada pada hari ini harus diberikan tumpuan yang bersungguh-sungguh.

Soal mutu kebangkitan soal kualiti koko, di mana kualiti koko dikatakan lebih rendah daripada pengeluaran negara-negara yang lain. Jadi, soal kualiti ini harus agaknya diberikan satu penekanan yang berat bagaimana kita hendak meningkatkan mutu kerana mutu ini ada kaitan dengan harga yang akan ditawarkan. Soal kesesuaian tanah bagi satu-satu zon atau kawasan dengan benih-benih yang tertentu, bantuan-bantuan yang agak tersusun yang lebih diluaskan pengetahuan kepada petani-petani kerana maklumat-maklumat ini agak begitu tersembunyi kepada petani-petani. Seperti mana yang kita bangkitkan bahawa koko adalah tanaman yang boleh memberikan pulangan yang lumayan kepada para petani-petani dan kerjanya pun sebenarnya boleh diusahakan oleh sesebuah family, ia tidak begitu teruk kalau dibandingkan dengan tanaman kelapa sawit, seperti yang saya katakan tadi di Dewan yang mulia ini, kalau sudah empat lima meter hendak menjoloknya pun satu azab, satu keadaan yang teruklah, kalau umur 50 tahun ke atas memang tidak terdaya. Tetapi berbeza dengan koko.

Jadi, kalau kita tahu dan yakin koko boleh memberikan pulangan yang baik kepada para petani-petani, saya berharap kementerian ubah segala strategi, pendekatan yang lebih meyakinkan dan memberikan keuntungan kepada petani-petani. Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat, yang begitu prihatin tentang industri koko ini. Sebenarnya kita tidaklah boleh mengambil satu langkah yang drastik untuk mengambil satu-satu langkah untuk meningkatkan daripada segi aspek kualiti dan juga peningkatan produktiviti.

Kajian yang dijalankan begitu lama sekali, yang telah pun dijalankan oleh LKM ialah semata-mata untuk meningkatkan kualiti, untuk meningkatkan produktiviti dan juga untuk mengurangkan kos production.

Dan ini akan mengambil masa dan juga ada beberapa perkara teknikal yang terlibat, satu daripadanya sama ada kesesuaian tanah dan iklim, maka kalau kita bandingkan kualiti di antara satu negara ke negara yang lain, bukan bererti bahawa oleh kerana rendahnya kualiti kita itu disebabkan kita tidak mempunyai kepakaran yang begitu baik kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Banyak perkara yang harus kita ambil kira dan daripada segi penyelidikan itu dan kesesuaian tanah dan iklim yang ada pada kita, cara macam mana kita hendak meningkatkan bukan sahaja kualiti kita dan juga produktiviti kita.

Maka inilah yang telah pun disarankan dan saya katakan awal-awal tadi bahawa pada masa kini, pendapatan pengeluaran sehektar setahun ialah pada 0.7 tan dan kita telah pun membuat satu kajian yang terperinci untuk meningkatkan produktiviti ke paras 1.5 tan sehektar setahun. Dan ini secara langsung akan mengurangkan kos pengeluaran kita dan dapatlah kita bersaing daripada segi pasaran antarabangsa dan juga dapatlah kita sedikit-sebanyak untuk apabila oleh kerana kualiti kita tidak begitu memuaskan kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain, tetapi oleh kerana produktiviti kita yang begitu tinggi dan kos pengeluaran kita rendah, maka kita dapat menyaingi mereka daripada segi aspek itu.

Saya ingin meyakinkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa yang dikatakan bahawa koko ini *'sunset industry'*, itu adalah cuma pendapat Ahli Yang Berhormat. Pada LKM dan kementerian ini bahawa yang saya katakan tadi industri koko ini adalah yang ketiga terbesar selepas kelapa sawit dan getah. Maka, oleh itu usaha-usaha yang dijalankan oleh LKM dan juga melalui pindaan akta yang kita cadangkan ini, maka akan memperkukuhkan lagi penyelidikan yang dulunya dijalankan sebahagian besar oleh MARDI dan akan dialihkan kepada LKM. Maka, Yang Berhormat yakinlah bahawa langkah-langkah yang kita ambil ini bukanlah satu langkah yang kita cuma ilhamkan pada masa kini tetapi adalah hasil daripada penyelidikan yang begitu lama sekali.

Ahli Yang Berhormat bagi Tawau juga telah pun membangkitkan tentang pekerja asing dan apakah kemungkinan levi akan diturunkan. Yang Berhormat, levi RM395 itu tidak boleh kita pindakan dan oleh itu kerajaan memang menggalakkan pekebun-pekebun kecil menanam koko melalui program-program seperti pemulihan

pekebun-pekebun kecil koko. Pada masa ini pun pekebun kecil boleh mendapatkan pinjaman daripada tabung yang saya katakan tadi iaitu 3F.

Mengenai pekerja asing, perkara ini adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri. Namun demikian LKM akan sentiasa membantu di mana diperlukan. Ingin saya maklumkan juga kepada Yang Berhormat bahawa tentang pekerja ataupun buruh asing ini yang sering dibangkitkan bukan sahaja di industri koko tetapi juga di dalam kelapa sawit. Satu daripada masalah yang kita selidiki, yang sering dibangkitkan iaitu kekurangan pekerja-pekerja asing tetapi sebenarnya permohonan-permohonan yang telah dikemukakan oleh ladang-ladang tertentu telah pun kita berikan tetapi masalahnya ialah ramai di antara pekerja atau buruh-buruh asing ini, apabila bekerja selama sebulan atau dua bulan telah pun melarikan diri oleh sebab-sebab yang kita tidak ketahui dan ia menjadi satu masalah sosial yang dihadapi oleh kerajaan kita.

Ini yang sering dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya dari negeri Sabah di mana kita mendapati bahawa ramai di antara pendatang daripada luar negara yang telah pun mengakibatkan masalah sosial yang telah pun begitu ketara sekali terutama sekali di negeri Sabah.

Satu daripada puncanya, Yang Berhormat ialah, bahawa ada di antara ladang-ladang yang telah pun mengambil pekerja-pekerja ini dan apabila pekerja-pekerja ini lari dan meninggalkan ladang-ladang dan turun ke bandar dan ke desa, maka ia mengakibatkan masalah-masalah yang tidak diingini dan oleh itu, saya inginlah menyarankan bahawa janganlah kita untuk menyelesaikan masalah yang satu dan menimbulkan pula masalah yang lain.

Saya mohonlah kepada peladang-peladang atau pengusaha-pengusaha ladang supaya apabila mereka mengambil pekerja-pekerja asing ini memastikan ianya akan tetap bekerja dengan mereka dan bukanlah apabila mereka meninggalkan ladang-ladang mereka itu, maka kesannya yang buruk itu akan dihadapi oleh kerajaan sendiri. Jadi, saya berharap bahawa perkara seumpama ini tidak mungkin dapat diselesaikan oleh kementerian atau kerajaan sahaja tanpa kerjasama daripada pihak swasta.

Soalan daripada Yang Berhormat bagi Tambun juga, dasar kerajaan untuk mengimport biji koko. Pada masa ini kerajaan tidak mengenakan apa-apa cukai untuk mengimport biji koko. Walau bagaimanapun, usaha-usaha meningkatkan

pengeluaran biji koko sentiasa akan dijalankan seperti yang telah saya terangkan tadi.

Beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Tambun juga telah pun saya jawabkan tentang susunan semula pekebun-pekebun kecil koko dan estet dan juga satu agensi untuk membantu pekebun-pekebun kecil untuk memberi khidmat nasihat untuk meningkatkan pengeluaran mereka. Yang Berhormat, sebenarnya LKM dan dengan kerjasama Jabatan Pertanian ada menjalankan pemindahan teknologi kepada pekebun-pekebun kecil dan saya berpendapat bahawa peranan yang dijalankan oleh LKM dan juga kerjasama Jabatan Pertanian adalah mencukupi untuk membantu pekebun-pekebun kecil pada masa kini.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga telah pun membangkitkan apakah perubahan-perubahan yang dilakukan ke atas LKM akibat daripada rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, Fasal 7 meminda akta seksyen 8 dengan menambah lagi fungsi-fungsi LKM melalui seksyen baru iaitu 8 (na), (nb), (nc) dan (nd) juga telah pun membolehkan supaya perubahan-perubahan positif boleh dapat dilaksanakan oleh LKM.

Fasal 9 juga memasukkan seksyen baru 10A memberi kuasa kepada LKM untuk memperdagangkan pendapatan penyelidikan dan juga 10B kuasa untuk mengambil kerja ejen dan sebagainya.

Fasal 22 memasukkan Bahagian VA bahagian baru memberikan kuasa penguatkuasaan kepada LKM.

Yang Berhormat juga telah pun menimbulkan bahawa ada terdapatnya pertindihan dalam fungsi antara LKM dan agensi-agensi pertanian di peringkat negeri. Pertindihan berlaku sekarang kerana Kementerian Pertanian pada masa kini mempunyai fungsi pemasaran tentang koko dan juga fungsi penyelidikan tentang koko bagi koko yang ditanam dengan tanaman seperti kelapa dan kopi. Oleh itu dengan Fasal 25 dan 26 rang undang-undang ini akan memberi kuasa kepada LKM untuk melaksanakan tanggungjawab seumpama itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan Datoh juga dan Yang Berhormat bagi Lipis telah pun membangkitkan tentang kualiti koko yang dikeluarkan oleh Malaysia dan telah pun saya jawabkan juga dan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan pengeluaran biji koko juga telah pun saya jawab. Oleh itu, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada soalan-soalan yang mereka telah pun kemukakan, sekiranya ada yang tertinggal saya mohon supaya soalan-soalan itu

dapat saya kemukakan secara bertulis dan oleh itu sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang industri koko ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Fasal 1 hingga 28** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2000 DAN 2001) 2001

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**4.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan 2001 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun itu, dibaca kali yang kedua sekarang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM5,760,712,821 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan 2001 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama dan Kedua kepada rang undang-undang ini.

**Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 2000 –**

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 2000 adalah berjumlah RM6,234,755,113. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM5,460,712,821 diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang ini, manakala bakinya sebanyak RM774,042,292 adalah perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu.

Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM4,343.8 juta di bawah Maksud B.30 – Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM4,317 juta adalah dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan daripada Akaun Hasil Disatukan;

(ii) RM5 juta sebagai pemberian pinjaman mudah kepada Konsortium Warisan Jengka Holdings (M) Sdn. Berhad;

(iii) RM4 juta untuk kajian lanjutan daya maju Pelabuhan Colachel, India; dan

(iv) RM17.7 juta untuk dicarumkan kepada Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam).

Tambahan sebanyak RM462.8 juta di bawah Maksud B.26 – Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM407.3 juta untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam, kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai gred 3 serta Imbuhan Tahunan 2000; dan

(ii) RM55.5 juta untuk menjelaskan pinjaman yang diambil oleh UiTM daripada KWSP pada tahun 1996 bagi pembelian kondominium di Shah Alam.

Tambahan sebanyak RM356 juta di bawah Maksud B.29 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM255 juta sebagai pemberian sementara kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 2000 berikutan pemansuhan duti import dan eksais ke atas barangan petroleum;

(ii) RM66 juta bagi menampung bayaran tunggakan dan kerugian pertukaran mata wang asing kepada institusi-institusi kewangan di bawah Skim Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun; dan

(iii) RM35 juta bagi bayaran tanggungan PERWAJA.

Tambahan sebanyak RM236.3 juta di bawah Maksud B.36 – Polis Diraja Malaysia untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM185.5 juta untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam, kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai gred 3 serta bayaran Imbuhan Tahunan 2000; dan

(ii) RM50.8 juta untuk menampung kos operasi pendatang tanpa izin yang kian meningkat, operasi pencegahan dan penguatkuasaan dadah, kos penyelenggaraan kenderaan pasukan, penyelenggaran balai/pondok polis, penyelenggaraan rumah kediaman anggota polis dan pegawai serta pembelian pembekalan/bahan-bahan bagi kenderaan.

Tambahan sebanyak RM20 juta di bawah Maksud B.46 – Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk membiayai bantuan kewangan kepada *Malaysian University of Science and Technology*;

Tambahan sebanyak RM15 juta di bawah Maksud B.7 – Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan pelaksanaan Projek Usahawan Bumiputera dalam bidang peruncitan;

Tambahan sebanyak RM13.4 juta di bawah Maksud B.35 – Kementerian Dalam Negeri untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM6.9 juta untuk menampung kenaikan gaji 10% kepada kakitangan sektor awam, kenaikan ITP 50% kepada kakitangan sokongan dan pegawai gred 3 serta bayaran Imbuhan Tahunan 2000; dan

(ii) RM6.5 juta untuk menampung bayaran sewaan talian komunikasi, bayaran reward yang tertunggak kepada sumber-sumber pemberi maklumat dan kos Operasi Khas Ops Pasir.

Tambahan sebanyak RM4.3 juta di bawah Maksud B.28 – Perbendaharaan bagi menyediakan pelan induk K-ekonomi;

Tambahan sebanyak RM3 juta di bawah Maksud B.16 – Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk menampung bayaran Imbuhan Tahunan 2000;

Tambahan sebanyak RM2 juta di bawah Maksud B.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tambahan promosi perdagangan dalam dan luar negeri serta untuk pembelian aset tertentu bagi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia;

Tambahan sebanyak RM1.7 juta di bawah Maksud B.51 – Kementerian Luar Negeri untuk menampung pemberian kerajaan kepada badan/pertubuhan antarabangsa dan negara-negara yang dilanda bencana alam antaranya Ghana, Mozambique, Indonesia dan Thailand;

Tambahan sebanyak RM1.1 juta di bawah Maksud B.19 – Kementerian Pertanian untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM528,500 sebagai pampasan kepada penternak-penternak ke atas ternakan lembu yang telah dimusnahkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dalam usaha untuk membasmi penyakit *brucellosis*; dan

(ii) RM549,345 untuk bayaran balik kos operasi mencegah wabak Japanese Encephalitis/Nipah virus yang telah dilaksanakan pada tahun 1999 di negeri-negeri Perak, Negeri Sembilan dan Johor.

Tambahan sebanyak RM500,000 di bawah Maksud B.42 – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat untuk menampung keperluan bagi membiayai pemberian bantuan kepada kanak-kanak dan orang tua di negeri Terengganu; dan

Tambahan yang lain sebanyak RM896,100 merupakan tambahan kecil bagi menampung kenaikan gaji 10%, kenaikan ITP 50% dan Imbuhan Tahunan 2000 pelbagai kementerian/jabatan di bawah Maksud-maksud B.15 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, B.18 – Kementerian Perusahaan Utama, B.23 – Jabatan Arkib Negara, B.24 – Jabatan Muzium dan Antikuiti dan B.31 – Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, 2000 adalah seperti dalam penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 2001 dan dalam memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7A Tahun 2001.

**Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2001** -

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2001 adalah berjumlah RM300,000,000. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 3, Rang Undang-undang ini. Tambahan yang dipohon ini adalah dikehendaki di bawah Maksud B.18 - Kementerian Perusahaan Utama di mana sebanyak RM200 juta untuk Program Bantuan Sekali Tanam Semula Kelapa Sawit dan RM100 juta untuk Program Harga Premium Tambahan Susu Getah.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 2001 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13 Tahun 2001 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 13A Tahun 2001.

**Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2000 dan Tambahan Pertama, 2001** -

Sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2000 dan Tambahan Pertama, 2001.

Tuan Yang di-Pertua, **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 2000** adalah berjumlah RM1,512,653,987 iaitu sebanyak RM1,486,832,515 Perbelanjaan Cara Langsung dan sebanyak RM25,821,472 Perbelanjaan Pinjaman.

Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi kementerian dan jabatan berikut:

Tambahan sebanyak RM716.3 juta di bawah Maksud P.26 – Kementerian Pendidikan untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM179 juta bagi membiayai Projek Pendidikan Rendah Akademik seliaan Perunding Pengurusan Projek (PMC) dan JKR;

(ii) RM370.7 juta bagi membiayai Projek Pendidikan Menengah Akademik seliaan PMC dan JKR;

(iii) RM31.3 juta bagi bayaran kemajuan dua buah politeknik dan bayaran perolehan peralatan;

(iv) RM19 juta bagi Universiti Putra Malaysia untuk menampung projek dalam pembinaan;

(v) RM23.6 juta bagi membayar tanggungan kontraktual kepada 19 buah syarikat bagi Projek Rumah-rumah Guru Luar Bandar;

(vi) RM11 juta bagi Projek Universiti Sains Malaysia;

(vii) RM50 juta bagi menampung pelaksanaan Projek Universiti Teknologi MARA yang dalam pembinaan; dan

(viii) RM31.7 juta bagi bayaran kemajuan kontrak penyelenggaraan sekolah-sekolah di Sarawak.

Tambahan sebanyak RM224.5 juta di bawah Maksud P.28 – Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM45.3 juta bagi membiayai kos mengambil alih Samak Aquaculture Sendirian Berhad; dan

(ii) RM179.2 juta bagi bayaran 10% pembelian saham Malaysian Airlines System Berhad (MAS).

Tambahan sebanyak RM217 juta di bawah Maksud P.47 – Kementerian Pengangkutan untuk menyelesaikan bayaran kepada kontraktor bagi kerja-kerja sistem elektrik kendalian kereta api Projek Landasan Berkembar Rawang-Ipoh.

Tambahan sebanyak RM139.1 juta di bawah Maksud P.34 – Kementerian Kesihatan bagi menampung perbelanjaan projek-projek dalam pelaksanaan.

Tambahan sebanyak RM84.9 juta di bawah Maksud P.48 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM72.9 juta bagi memenuhi keperluan kontrak Projek Jalan-jalan Luar Bandar;

(ii) RM7 juta bagi menempatkan semula Kampung Sungai Pau yang terjejas akibat pembinaan Empangan Beris; dan

(iii) RM5 juta bagi memperbaiki jalan-jalan kampung yang rosak akibat bencana alam.

Tambahan sebanyak RM67.1 juta di bawah Maksud P.17 – Kementerian Belia dan Sukan untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM7.1 juta bagi bayaran kemajuan projek-projek dalam pelaksanaan bagi Institusi Kemahiran Belia Negara di Johor dan Negeri Sembilan; dan

(ii) RM60 juta bagi bayaran kepada Syarikat United Engineers Malaysia Berhad bagi Projek Kompleks Sukan Negara.

Tambahan sebanyak RM41.5 juta di bawah Maksud P.16 – Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM21 juta untuk bayaran bagi Projek Akademi Bomba dan Balai Bomba; dan

(ii) RM18.5 juta untuk bayaran bagi kerja-kerja memperlengkapkan dua unit helikopter, peralatan komunikasi dan menyelamat, pembelian kenderaan pacuan empat roda, kereta bomba dan peralatan *scuba*;

(iii) RM1.3 juta bagi bayaran Projek Balai Bomba;

(iv) RM200 ribu bagi kerja-kerja penyelenggaraan/membaikpulih pili-pili bomba di seluruh negara; dan

(v) RM500 ribu bagi bayaran akhir jentera HAZMAT.

Tambahan sebanyak RM17.7 juta di bawah Maksud P.18 – Kementerian Perusahaan Utama untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM4.3 juta bagi pembelian ruang pejabat Lembaga Koko Malaysia di Kota Kinabalu dan kerja-kerja menyiapkan kemudahan makmal di Kompleks Penyelidikan Kualiti di Tawau; dan

(ii) RM13.4 juta bagi membeli ruang pejabat Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia di Kuala Lumpur.

Tambahan sebanyak RM4.5 juta di bawah Maksud P.37 – Jabatan Imigresen bagi pembelian dan pemasangan *Autogate* di kaunter Imigresen.

Tambahan yang lain sebanyak RM90 merupakan tambahan peruntukan tanda di bawah Maksud-maksud P.7 – Jabatan Perdana Menteri, P.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, P.22 –

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, P.33 – Kementerian Kerja Raya, P.35 – Kementerian Dalam Negeri dan P.40 – Jabatan Penjara.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2000 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 2001 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8A Tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2001** adalah berjumlah satu bilion sembilan ratus tiga belas juta satu ratus dua puluh dua ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM1,913,122,560) iaitu untuk perbelanjaan secara langsung. Tambahan tersebut adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan bagi kementerian dan jabatan berikut:

Tambahan sebanyak RM1213.1 juta di bawah maksud P.28 Perbendaharaan bagi membiayai baki pembelian saham MAS,

Tambahan sebanyak RM400 juta di bawah Maksud P.7 – Jabatan Perdana Menteri untuk pembinaan perumahan bagi anggota tentera. Jumlah ini adalah sebahagian daripada peruntukan bagi penyediaan perumahan yang melibatkan pembinaan 6 ,600 unit.

Tambahan sebanyak RM200 juta di bawah Maksud P.48 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk perbelanjaan berikut:

(i) RM100 juta untuk program pembangunan perusahaan luar bandar yang bertujuan untuk memberi bantuan peralatan *low intensity tapping system*, dengan izin, dan baja kepada pekebun kecil getah dalam usaha meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil getah ; dan

(ii) RM100 juta dipohon di bawah program PPRT pertanian bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat miskin luar bandar dan menangguhkan pembayaran balik pinjaman oleh peserta yang terlibat dalam aktiviti anjuran kerajaan untuk tempoh 6 bulan atau sehingga harga minyak sawit dan getah meningkat ke paras yang lebih baik.

Tambahan sebanyak RM100 juta di bawah Maksud P.19 – Kementerian Pertanian untuk program pembangunan kawasan pertanian

moden bertujuan untuk mempertingkatkan pengeluaran makanan negara dan pendapatan petani-petani.

Butir-butir penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 2001 adalah seperti yang dinyatakan dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2001 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9A Tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 2000 dan Tambahan Pertama 2001 selepas ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Saya mohon menyokong.

## USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL. 3) 2000
### *DAN*
### ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN (BIL. 1) 2001

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion empat ratus dua puluh lima juta tujuh ratus tujuh puluh enam ribu lima ratus empat puluh tujuh ringgit (RM3,425,776,547) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan seperti berikut:-

(a) bagi tahun kewangan 2000, untuk menampung sejumlah satu bilion lima ratus dua belas juta enam ratus lima puluh tiga ribu sembilan ratus lapan puluh tujuh ringgit (RM1,512,653,987) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 8 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-

projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut;

(b) bagi tahun kewangan 2001, untuk menampung sejumlah satu bilion sembilan ratus tiga belas juta satu ratus dua puluh dua ribu lima ratus enam puluh ringgit (RM1,913,122,560) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2001 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut,

hendaklah disahkan, diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-sebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang dari kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2000 dan 2001 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang; dan masalah bahawa usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai lazim oleh sebab masa yang diperuntukkan untuk membahas peringkat dasar rang undang-undang ini ialah satu hari seperti biasa maka kita hadkan masa untuk berucap selama 20 minit ya.. Kepong.

**4.57 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan perasaan linglung dan bingung kerana pergolakan politik yang dikendalikan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah terlibat dengan penyelenggaraan keselamatan polis, ada MAS, ada juga KWSP, pendidikan, industri pemakanan dan seterusnya.

Kerajaan suka menggunakan ISA untuk menghalang dan melemahkan Barisan Alternatif pembangkang dengan pelbagai alasan, seringkali alasan-alasannya tidak setimpal dengan keadaan. Pada 14 April 1999 bekas Timbalan Perdana Menteri telah dihukum penjara 15 tahun oleh mahkamah. Sebelum 14 April 2001, kali ke-14 tujuh aktivis Barisan Alternatif telah ditahan di bawah ISA. Nama-nama mereka sudah disebutkan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari itu kira-kira 3,000 orang telah berhimpun di depan ibu pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) Kuala Lumpur secara aman dan damai begitu baik. Beberapa Ahli Parlimen yang dipimpin oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Jawatankuasa Memorandum Rakyat telah menyerahkan memorandumnya kepada SUHAKAM. Pada hari yang sama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata "kegagalan parti pembangkang menarik sokongan rakyat menyertai perhimpunan mereka adalah kerana mereka sudah tidak mempunyai pemimpin yang menghasut. Saya nampak berkesan penggunaan ISA, pembangkang cadang untuk mengadakan perjumpaan 50,000 orang, kita juga dapat tahu mereka beritahu pada orang tertentu bahawa mereka ingin mengadakan perhimpunan ala-Indonesia iaitu dengan mengganas, dengan memakai bahan letupan dan rusuhan tetapi tidak berlaku", ujar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya telah mendedahkan bahawa kumpulan reformasi negara ini merancang untuk membawa masuk aktivis reformasi dari Indonesia bagi menyertai gerakan itu secara militan. Saya tertarik kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya. Saya berharap mereka dapat memberi maklumat yang lengkap kepada Dewan yang mulia ini.

*Berjalan kaki di tengah bandar,*
*Lelaki sibuk membawa diri;*
*Membawa masuk hati sekadar,*
*Nyamuk ditepuk menjadi daki.*

Saya mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat mengemukakan bukti tujuh tahanan tersebut mempunyai niat keganasan dan pertalian dengan aktivis reformasi Indonesia. Ini penting untuk negara kita, kita tidak boleh membenarkan sesiapa sahaja yang berhubung dengan pihak aktivis yang menggunakan

keganasan untuk mengguling sesiapa pun, kerana ini bukan kebudayaan negara Malaysia. Memandangkan perhimpunan tersebut telah berlangsung secara aman damai adalah sepatutnya tujuh tahanan ISA tersebut dibebaskan dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ketelusan dan imej KWSP. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada menyebut mengenai pinjaman yang dikeluarkan oleh KWSP…...

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit Sulong bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak bebaskan tujuh tahanan.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa perhimpunan yang diadakan baru-baru ini secara aman dan tenteram. Saya hendak tahu berapa ahli DAP yang menghadiri perhimpunan tersebut. Jangan dalam Dewan DAP hendak champion isu, tetapi bila pergi tepi jalan DAP tidak bersama dengan Barisan Alternatif. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita ada dua Ahli Parlimen iaitu Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Cheras, Bandar Klang - ADUN dan beberapa penyokong secara aman kita pergi. Itu wakil kita. *[Ketawa]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat bagi Kepong takut.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak payah cakap kerana, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak pernah menginap di rumah Yang di-Pertuan Agong, cakap sahaja besar sekarang..

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat, sila

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha! Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, saya dan beberapa orang yang lain termasuk sudah dan Kota Melaka pun…...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya sila, sila teruskan Yang Berhormat. Yang Berhormat, masa Yang Berhormat berjalan, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya, mereka nak kacau saja ni. Pada 13 April 2001 Pengerusi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Tan Sri Halim Saad telah berulang kali mempertahankan KWSP terus menyertai syarikat-syarikat dan projek-projek berkaitan dengan kerajaan, memberi pinjaman kepada pertubuhan-pertubuhan yang dikelolakan oleh pihak kerajaan atau ejennya. KWSP adalah organisasi simpanan berkanun yang terbesar di negara dengan jumlah sumbernya

RM181bilion bertambah RM5 bilion hingga RM6 bilion setahun serta lebih 9.7 juta ahlinya. Menurut Tan Sri Halim, 22% daripada sumbernya telah dilaburkan di dalam ekuiti, di dalam bursa saham. Beliau berkata, setiap sen wang rakyat adalah selamat kerana wang telah dilaburkan dengan hemat, tidak ada bahaya kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat bimbang disebabkan kekurangan ketelusan dan beberapa perkara yang boleh disyaki termasuk bonus 6% yang merupakan terendah di dalam 25 tahun ini. KWSP memperolehi 81.6 juta saham tawaran awam permulaan IPO Time dotCom. Ini telah menimbulkan kesangsian kejatuhan saham Time dotCom dari RM3.30 ke RM2.09 sesaham pada satu ketika telah menyebabkan KWSP rugi, paper loss lebih RM90 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya Tan Sri Halim mewujudkan kelulusan KWSP secocok dengan globalisasi dan seterusnya meningkatkan imejnya. Imej ini tidak akan meningkat selagi kita tidak ada ketelusan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai prosedur dan keselamatan serta sistem keselamatan MAS. Malaysian Airline System (MAS) terus mengalami kerugian. Adalah dianggarkan pada akhir tahun kewangan 31 Mac tahun ini kerugiannya ialah RM1 bilion dan hutangnya lebih RM8 bilion dengan dana para pemegang saham, dengan izin, share holders fund RM2 bilion. Kerajaan telah menyedari bahawa MAS mengalami masalah kerana pelbagai faktor termasuk salah pengurusan, krisis ekonomi, kenaikan harga minyak dan kos pinjaman. Tetapi kerajaan tunggu, kemudiannya barulah mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan membeli 29.09% saham MAS daripada Tan Sri Ramli dengan RM8 sesaham walhal harga pasarannya RM3.67 sen sesaham. Walaupun justifikasinya adalah termasuk kepentingan strategik dan peranan utama di dalam rangkaian pengangkutan negara, rakyat susah untuk menerima rasionalnya. Pengurus Besar baru MAS, Datuk Md. Nor Yusof telah merancangkan pelan induk bagi memulihkan syarikat itu. Kononnya dalam tempoh dua tahun MAS akan meraih keuntungan termasuk perkongsian dengan syarikat-syarikat penerbangan lain, kepakaran dan pengasingan, de-coupling, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, penerbangan domestik dengan penerbangan antarabangsa. Ini semua kita memang mengambil perhatian apa yang jelasnya beliau tidak menyebutkan soal keberkesanan prosedur dan sistem keselamatan daripada semua aspek dari menara kawalan ke workshop memeriksa semua bahagian

pesawat dan semangat kakitangan berbanding dengan syarikat-syarikat yang lain seperti SIA, Cathay Pacific, Air Canada dan Qantas.

Tuan Yang di-Pertua, MAS mempunyai 21 ribu kakitangannya dan di beberapa bahagian termasuk di bahagian kejuruteraan ada kakitangan yang tidak puas hati. Memang tidak puas hati dengan keadaan yang wujud sekarang. Dengan kekurangan semangat ini, kerja mereka memang terjejas di dalam pengurusan penerbangan awam ini. Kita tidak boleh mengabaikan sesiapa pun. Kita tidak boleh membiarkan mereka bekerja tanpa semangat, itulah masalah kita dan pihak Jabatan Penerbangan Awam mestilah mengambil perhatian untuk mengkaji sama ada semua prosedur dan sistem keselamatan di MAS itu berjalan mengikut mutu atau standard antarabangsa.

Itu memang penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana dari masa ke semasa pihak Boeing pun memantau keadaan dan kadangkala mereka memberi arahan kepada pihak syarikat-syarikat penerbangan awam di seluruh dunia untuk memperbaiki keadaan. Misalnya....

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Yang Berhormat bagi Kepong, bolehkah saya bertanya iaitu untuk melatih seorang pilot terutama MAS daripada serendahnya sampai boleh membawa Boeing 747 memakan belanja ratusan ribu ringgit. Setelah mereka berjaya sampai ke peringkat boleh membawa Boeing 747 mereka meninggalkan MAS dan pergi kebanyakannya ke Korean Airline di mana mereka dapat tawaran luar hampir dua kali ganda gaji mereka di sini. Apakah cadangan Yang Berhormat bagi Kepong supaya juruterbang yang telah dilatih mengorbankan wang MAS ratusan ribu ringgit ini akhirnya diambil oleh orang lain setelah mereka berjaya membawa kapal terbang yang begitu besar. Macam mana hendak menyekat pemindahan itu?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan kepada keadaan soalan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah itu memang bernas, beliau ada point yang membina, kerana juruterbang ini bukan dicuri oleh penerbangan Korea bahkan juga oleh Cathay Pacific dan oleh syarikat-syarikat yang lain. Itu memang amalan mereka dan pihak Malaysia mesti mengambil perhatian, apakah masalah di dalam MAS sehingga pihak juruterbang kita tidak mahu terus dengan perkhidmatan MAS. Itu masalah .....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita tidak ada masa, tambahkan 10 minit lagi ya Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

